

MANUSKRIP

SEJARAH

LUAK

SUNGAI

UJONG

DAN

ADAT

PERPATIHNYA.

OLEH:

Misran Sharip

PENYELIDIKAN BUDAYA NEGERI SEMBILAN

DARUL KHUSUS

MANUSKRIP

Sejarah Luak Sungai Ujong

Dan

Adat Perpatihnya

Akan dibincang, dikaji, diedit dan disusun semula

Oleh Jawatankuasa Kecil Adat Perpatih, Penyelidikan

Budaya Negeri Sembilan Darul Khusus

dan/atau

dibincang dalam bengkel yang turut dianggotai oleh

Dato'-dato' Lembaga Sungai Ujong yang berkaitan yang

akan diadakan pada:

30.3.1991

Jam 10.00 pagi

Di bilik mesyuarat, Pejabat Penyelidikan Budaya

Negeri Sembilan Darul Khusus.

Lot 205, Tingkat 2

Wisma UMNO Negeri Sembilan

Jalan Dato' Sheikh Ahmad

70000 Seremban, N. Sembilan

Darul Khusus.

BAB III

SEJARAH DATO' BANDAR DAN DATO' KELANA

Sejarah Dato' Bandar dan Dato' Kelana Sungai Ujong telah dikaji dan ditulis oleh ramai penulis, sama ada penulis barat atau penulis tempatan sendiri. Martin Lister, J.M. Gullick, R.O Winstedt dan lagi penulis-Barat menulis mengenai sejarah Sungai Ujong khususnya mengenai sejarah Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Golongan ini mewakili pandangan orang-orang barat sementara Samad Idris, Zainal Kling dan Nordin Selat mewakili pandangan pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan amnya dan Sungai Ujong khususnya. Walaupun wujud seolah-olah dua aliran pandangan namun wujud titik persamaan mengenai bidang yang menjadi kajian iaitu Adat Perpatih dan sejarah Dato' Bandar dan Dato' Kelana di Sungai Ujong walaupun tidak secara khusus.

3.1 Asal Usul Kewujudan Dato' Bandar dan Dato' Kelana

Sejarah telah membuktikan hubungan yang rapat di antara penduduk-penduduk Johor dengan Negeri Sembilan. Martin Lister (Bekas Residen Negeri Sembilan), pernah menulis mengenai sejarah awal Negeri Sembilan dengan berpandukan unsur tradisi lisan. Beliau menyatakan bahawa

2. melalui Lister?

2. melalui Lister?

tidak dapat dipastikan bila sebenarnya penduduk-penduduk dari Sekudai, Johor, pindah dan menetap di Negeri Sembilan.¹

*mane d'proseha kluwa
kuyataan in?*

Sejarah awal Negeri Sembilan sering menyebut mengenai Dato' Sekudai yang kadang-kadang disebut sebagai Bendahara Sekudai atau Batin Sekudai. Bendahara Sekudai merupakan anak Sultan Johor yang berkahwin dengan Puteri Mayang Selida. Melalui perkahwinan ini ia memperolehi empat orang anak iaitu To' Engku Kelang, Bendahara Sekudai, Menaika Akhir Zaman dan Johan Pahlawan Lela Perkasa. Kesemuanya merupakan gelaran sahaja.² Mereka dikatakan telah membuka Kelang, Sungai Ujong, Jelebu dan Johol.

*ame yg mane?
kesimpulan yg mendasar?*

Dato' Kelana dan Dato' Bandar adalah dari keturunan Bendahara Sekudai. R. J. Wilkinson³ seorang sejarawan dan pentadbir British yang mengkhusus dalam mengkaji mengenai sejarah Negeri Sembilan ada membuat kesimpulan bahawa Bendahara Sekudai hidup dalam jangka waktu 1600-40. Jadi jurai keturunan Dato' Bandar dan Dato' Kelana adalah dari anak Bendahara Sekudai.

Bendahara Sekudai telah berkahwin dengan Batin Sibu Jaya. Batin Sibu Jaya telah menetap di Pahang. Melalui

¹Zakiah Hanum, op-cit; hal. 39.

²Abdul Samad Idris, op-cit. Hal. 55.

³Zakiah Hanum, op-cit. Hal. 40.

*ulayan
d'atas?*

Amber?

*Maner ngil
ing lai, ulayan
Sungai d'opti.*

40?

*kahilul
H
mudor
top
meti.*

perkahwinan ini Bendahara Sekudai telah mendapat 4 orang anak iaitu :

1. Mohamad Tumbu - bergelar Dato' Kelambu *Ulanga um 78? lain? Sumber?*
2. To' Musang
3. To' Semerga - bergelar Dato' Seri Maharaja Di Raja
4. To' Seri Mani - bergelar Dato' Andulika Mendulika

ayat ini
Anak Mohamad Tumbu iaitu To' Dara Mudek telah berkahwin dengan Penghulu Selat, anak To' Musang yang berkahwin dengan To' Terumbu. Jadi perkahwinan ini menyebabkan wujud penyatuan keluarga dengan lebih rapat. *R' q? fush?*

+ Perkahwinan ini mewujudkan keturunan Dato' Kelana di Sungai Ujong. Jawatan Dato Kelana dipegang oleh waris atau keturunan ini sahaja.⁴

Sementara Dato' Bandar pula merupakan anak ketiga Bendahara Sekudai yang bernama To' Semerga. *(perempuan?)* To' Semerga telah berkahwin dengan orang Aceh yang bergelar Rambutan Jantan atau Lebai Mamat.⁵ Melalui perkahwinan ini To' Semerga telah memperolehi 5 orang anak iaitu 4 perempuan dan seorang lelaki iaitu:-

1. Toh Sulong - perempuan
2. Dato' Keling - lelaki
3. Toh Susu Tunggal - perempuan

⁴Samad Idris, op.cit. Hal. 58.

⁵J.M. Gullick, op.cit. Hal. 39. ?

4. Toh Susu Ganda - perempuan
5. Toh Susu Dara - perempuan

Oleh kerana Dato' Keling merupakan anak lelaki tunggal dalam keluarga ini ia telah dilantik menjadi Dato' Bandar yang pertama. Menurut amalan dalam Adat Perpatih gelaran-gelaran atau pesaka Dato' Bandar hanya berhak disandang oleh empat giliran selain dari Dato' Keling kerana sistem perwarisan pemerintah adalah berdasarkan sistem keturunan sebelah perempuan. Selepas Dato' Bandar Keling meninggal dunia pesaka Dato' Bandar ini digelarkan kepada perut Tok Sulong, Susu Tunggal, Susu Ganda dan Toh Susu Dara. Hanya lingkungan jurai keturunan empat perut ini sahaja berhak untuk menjawab jawatan Dato' Bandar.

Ada pendapat lain menyatakan di Sungai Ujong pengaruh Minangkabau agak lewat berbanding di tempat-tempat lain di Negeri Sembilan. Ini bermakna jawatan

Dato' Bandar dan Dato' Kelana diperturunkan dari bapa kepada anak. Oleh kerana itu, Gullick mengatakan sehingga akhir abad ke 18 sistem keturunan Adat Temenggung masih diamalkan dalam menentukan bakal pemerintah. Tetapi apabila Adat Perpatih mula mendapat tempat dengan kemasukan orang-orang Minangkabau beramai-ramai ke Sungai Ujong keadaan ini telah mengubah amalan dari nisab bapa

6J.M. Gullick, Sistem Politik Tanah Melayu, op.cit. Hal. 3.

kenyataan ini beranggapan
dan kenyataan ini boleh
tentang
kedatangan orang
Melayu. Dato' sater
saja & beranggapan
berani & jela.

Sejauh mana kenyataan ini. Masing
masing - masing ini ke arah bapa -
dan jela dan 1927 anja - Tuan Sheikh Ahmad

ayat
ini
perlu
diketahui
maka
dulu
kemudian
Adat
lain
lain!

maka?
tentu?
lain?

dimana?
kamu?

kepada nisab ibu dalam memilih bakal Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Keadaan ini memberi kesan yang besar kepada corak perlantikan pembesar Sungai Ujong kerana calon yang dipilih mestilah berasal dari waris atau suku Biduanda dan mestilah mengikut jurai keturunan sebelah ibu.

Ini menunjukkan dua pendapat yang berbeza dalam menentukan pemerintah di Sungai Ujong. Tapi adalah agak menarik untuk diteliti tentang pengganti Dato' Bandar Keling (Dato' Bandar 1). Jelas anaknya ^{Bukti? Boleh ini berlaku?} tidak dilantik menjadi Dato' Bandar setelah ia meninggal. Belum ada seorang ahli sejarah yang mengkaji mengapa keadaan ini berlaku walaupun ia berlaku di sekitar tahun 1700an. ^{liter? Klu? Ica? Ica?}

+ Walau bagaimanapun bolehlah diandaikan bahawa pada ketika yang sama Adat Perpatih telah berkembang dengan pesat dan telah menukar sistem waris sebelah bapa kepada ibu.

* J.M. Gullick⁷ mengulas adalah susah untuk mengkaji pertukaran amalan dari nisab bapa kepada ibu. Sebab utama ialah data salasilah yang tidak lengkap untuk membolehkan satu penyusunan semula yang lengkap mengenai ikatan keturunan dan persemendaan di kalangan satu generasi pemegang-pemegang jawatan yang tunggal bagi mana-mana daerah di Negeri Sembilan khususnya di Sungai Ujong. Sungai Ujong memang nyata mempunyai salasilah yang tidak lengkap. Sudah dijelaskan diawal bab ini bahawa pengaruh Minangkabau tidak begitu kuat di Sungai Ujong dan suku

⁷Ibid. Hal. 113.

Rasanya belum dijelaskan lagi.

Bgn. terjadinya perpecahan ini pun belum dijelaskan dgn baik.

waris (Biduanda) yang kuat itu berpecah kepada dua pihak dengan tiap-tiap pihak diketuai oleh seorang pembesar bagi separuh daerah.

Ayat ini mungkin sesuai di letakkan selepas 3.2. Abang!

3.2 Sejarah Perkembangan Apa?

Untuk membicarakan sejarah perkembangan Dato' Bandar dan Dato' Kelana adalah agak menarik kerana walaupun mereka adalah serumpun atau sejurai keturunan pada peringkat awalnya tetapi kemudiannya mereka berpecah.

Apa sebab antara kedua pihak ini?

Bila wujud perpecahan kepada 2 kelompok untuk mengelakkan ketegangan wujud pula persengketaan diantara mereka untuk mendapat pengaruh yang lebih di dalam pemerintahan.

Masing-masing cuba untuk mengatasi diantara satu sama lain.

Keadaan ini berterusan hingga kini dimana timbul pula perebutan jawatan tertinggi di dalam adat disamping perselisihan yang memang wujud di antara anak-anak waris di Air dan di Darat.

3.2.1 Dato' Bandar

Jawatan Dato' Bandar adalah anugerah Sultan Johor pada 1715.⁸ Seperti yang dinyatakan diawal tesis ini

sistem pemerintahan dua pemimpin yang wujud di Sungai Ujong iaitu Dato' Bandar dan Dato' Kelana merupakan cara

⁸p. J. Wilkinson, op.cit. Hal. 133, M.B. Hooker. op.cit. Hal. 155.

untuk memudahkan pemungutan cukai bagi perdagangan. Seperti yang telah dijelaskan Jawatan Dato' Bandar ini diberikan kepada keturunan Dato' Semerga. Anak-anak Dato' Semerga ini membentuk ^{apa da pent, itu?} perut-perut tersendiri. Adalah dipercayai di peringkat awal sistem pemerintahan ini diasaskan, iaitu pada 1715, tidak timbul masalah untuk memilih dan melantik Dato' Bandar kerana pengaruh Kesultanan Johor masih kuat dan dominan. Walau bagaimanapun apabila terputusnya hubungan di antara pemerintah di Sungai Ujong dengan Kesultanan Johor yang sibuk memerangi kuasa barat di Melaka keadaan menjadi berubah. Mula wujud masalah untuk memilih bakal Dato' Bandar.

Abdul Samad Idris berpendapat gelaran Dato' Bandar telah ada semenjak zaman Kesultanan Melaka. Tetapi lantikan itu adalah dibuat terus dari Melaka dan penyandanganya bukan dari anak-anak tempatan.⁹ Sejarah Melayu ada menyatakan hubungan Sungai Ujong dengan Melaka dan bagaimana Sultan Melaka menganugerahkan Sungai Ujong kepada Bendahara Tun Ali. Ini bermakna Dato' Bandar dalam kurun-kurun 15 dan 16 ini berkuasa penuh di sepanjang perairan Sungai Linggi. Tetapi keadaan ini berubah dalam tahun 1715 apabila Kesultanan Johor melantik Dato' Bandar dari keturunan anak tempatan. Walau bagaimanapun

Kenapa ia muncul, jelaskan?

⁹Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, op.cit. Hal. 71.

Ini adalah satu ctn' utama dlm
kepurbaan Melayu of of Sye Ihsan
Ain?

84

perlantikan ini juga ada unsur-unsur kekeluargaan kerana

pemimpin yang dipilih adalah anak kepada Dato' Semerga

yang berketurunan Bendahara Sekudai. Ini bermakna unsur-

unsur kepentingan kerajaan Melayu Johor masih bertahan di

Sungai Ujong dan kesinambungan di antara kerajaan Melayu

Melaka dan Johor di Sungai Ujong masih wujud. Penulis

berpendapat ini merupakan lanjutan dari apa yang wujud

sebelum 1715.

Menurut Martin Lister, terdapat empat ketua besar

atau Batin dikalangan orang-orang sakai.¹⁰ Tiga daripada

Batin Sakai ini adalah lelaki dan seorang perempuan.

Adalah dipercayai mereka berketurunan dari Bendahara

Sekudai Johor. Mereka dikatakan telah membuka beberapa

petempatan di Negeri Sembilan. Perempuan yang tunggal

dikalangan mereka telah memilih untuk tinggal di Johor dan

telah membuka petempatan dengan bantuan orang-orang

Minangkabau. Mereka telah membentuk satu sistem

pemerintahan yang unik di Johor.

Sementara tiga saudara yang lelaki telah membuka

petempatan di Jelebu, Kelang dan seorang di Sungai Ujong.

Mereka juga telah membentuk satu sistem pemerintahan yang

berasaskan kepada sistem pemerintahan yang ada di Johor

(Adat Temenggung). Ini bermakna keempat-empat negeri di

atas telah mempunyai sistem pemerintahan sejak awal abad

R.J. Wilkinson Notes on the Negeri Sembilan,
FMC, KL 1871, Hal. 284.

Unyap wilkinson, kade
buku Lister? Ini tak jad'
sumber kade? ya mungkin
di utak sntas!

Adat ini yg semua ahli orang Rung,
yg semua. Way Unay, ^{telah}
sampai 2500 atau ke 12/3850?

ke-17.¹¹ Walau bagaimanapun keadaan ini tidak berpanjangan kerana apabila Adat Perpatih mula dominan di Sungai Ujong, sistem pemerintahan yang berasaskan adat Temenggung (nisab bapa) telah bertukar kepada adat pepatih (nisab ibu) tetapi tidak dapat dipastikan bilakah keadaan berubah kerana penulis masih belum mendapat bukti-bukti bertulis.

Ulang

Ⓟ Apabila Batin Sibu Jaya¹² membahagikan gelaran-gelaran tertentu kepada cucu-cucunya, gelaran ini telah menjadi satu tanda kebesaran kepada perut berkenaan hingga kini. Gelaran ini masih diwujudkan oleh pengamal Adat Perpatih kerana mereka beranggapan gelaran ini menandakan mereka berasal dari satu keturunan yang baik atau berbangsa. Penyandang-penyandang pesaka atau gelaran ini mendakwa hanya perut atau giliran yang benar-benar layak sahaja yang boleh menyandang atau menggunakan gelaran tersebut.¹³ Jika bukan yang hak menyandang gelaran tersebut akan timbul berbagai masalah atau kesusahan. Adalah diyakini gelaran ini mempunyai "Nika"¹⁴ atau

bukti,
sumber?

¹¹O. Brien, Esquire, Jelebu, JSBRAS, 1988, Hal. 389.

X ¹²Shahrom Mohd Dom, Bendahara Sekudai Satu Metos, Seminar Persejarahan dan Adat, MBN. 10-12 April 1974, Hal. 5.

¹³Dato' Paduk Besar Awaludin Tomo. Temuramah pada 16.1.91.

¹⁴Membawa makna satu kuasa ghaib yang didakwa menjadi dampingan kepada penyandang pesaka berkenaan.

 puakanya. Penulis tidak dapat memastikan sama ada dakwaan ini benar-benar atau tidak tetapi melalui dakwaan beberapa orang Buapak dan melalui contoh-contoh yang dikemukakan sedikit sebanyak dakwaan ini ada kebenarannya. Contoh paling mudah ialah jika jawatan itu bukan milik perut berkenaan Buapak yang menyandang berkemungkinan akan terpecat atau dipecat oleh waris kerana melakukan kesalahan atau ditimpa bala seperti ^{corrupt + huli + ms myate?} kecacatan atau gila. Mungkin semua ini kebetulan sahaja tetapi ada juga benarnya.

Penulis berpendapat secara umumnya jawatan ini memang mempunyai "nika" tersendiri kerana jawatan ini diwujudkan oleh seorang Batin orang asli. Masyarakat orang asli memang mempunyai berbagai perkara mistik yang sukar untuk ditafsir atau digambarkan dengan mata kasar. Jadi sebagai seorang Batin (Batin Sibul Jaya) adalah tidak mustahil disamping menganugerahkan kawasan-kawasan tertentu kepada cucu-cucunya untuk ditadbir, ia juga menganugerahkan beberapa kelebihan atau ilmu mistik yang menjadi warisan mereka. Pada kebiasaannya seorang Batin akan mempunyai kelebihan ini. Tujuannya adalah untuk menjadikan seseorang Buapak itu lebih dihormati oleh masyarakat kerana masyarakat Melayu tradisional akan hormat kepada seseorang ketua yang mempunyai sesuatu kelebihan. Tanpa sesuatu kelebihan itu seseorang ketua itu dianggap sama seperti masyarakat ramai.

lebih baik jika dijadikan notakalor sulung!
 a. Pn Sm' baw & persembahkan!

Kata Batu Sri Jay' /
manu rui ketu'.

87

Apabila Sultan Johor menganugerahkan gelaran Dato' Bandar kepada Dato' Keling, untuk menjaga kepentingan masyarakat Bumiputra, ia juga telah memberikan gelaran Dato' Seri Maharaja Diraja, iaitu satu gelaran bagi lembaga waris di Air Sungai Ujong. Ini bermakna Dato' Bandar menjawat kedua-dua jawatan tersebut iaitu, Dato' Bandar Sungai Ujong dan Dato' Seri Maharaja Diraja yang berperanan sebagai seorang Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Kedua-dua jawatan ini mempunyai beberapa

keistimewaannya atau beberapa kuasa yang tertentu. Dato' Bandar misalnya menjadi ketua bagi waris di Air dan menjadi pemerintah serta pentadbir di kawasan waris di Air. Sementara Dato' Seri Maharaja pula merupakan Lembaga calon Dato' Kelana. Ini bermakna bagi waris di Air Dato' Bandar mempunyai dua kuasa yang disandang secara serentak.

Ini memperlihatkan bahawa Dato' Bandar adalah seorang penguasa atau pemerintah yang berkuasa penuh di kawasan (waris di Air) kerana tidak ada Lembaga-Lembaga Tiang Balai selain dari Dato' Muda Labu yang Bergajah Tunggal. Dalam hal ini Dato' Bandar hanya dibantu oleh Lembaga waris Sungai Ujong yang Empat.

Dari Dato' Bandar Pertama iaitu Dato' Bandar Keling hingga Dato' Bandar yang ke 6, jawatan Dato' Bandar dan Dato' Seri Maharaja Diraja adalah disatukan dan disandang oleh Dato' Bandar. Tetapi apabila Dato' Bandar Megat menjadi Dato' Bandar ke tujuh ia menolak gelaran

Utuh suai ke tempat lain? - la agak sempit / saku ak
Persebelan sem lya per kuno.

Bel sate?

x
+

Dato' Seri Maharaja Diraja.¹⁵ Tetapi tidak dapat dipastikan adakah benar Dato' Bandar Megat menolak jawatan ini atau ada unsur-unsur paksaan kerana pada masa yang sama Sungai Ujong mula terkenal dengan hasil bijih timah dan mula dikunjungi oleh pelombong-pelombong Cina. Secara tidak langsung Dato' Bandar menjadi kaya dan terkenal jadi tidak mustahil wujudnya unsur paksaan atau tekanan oleh Dato' Kelana untuk mengurangkan kekuatan dan kekayaan Dato' Bandar.

luka 7/6?

Dari tahun 1715 hingga kini jawatan Dato' Bandar telah disandang oleh 15 orang. Dan lapan daripadanya merangkap Dato' Seri Maharaja Diraja. Penulis tidak dapat memastikan kedudukan atau susunan Dato' Seri Maharaja selari dengan Dato' Bandar kerana ada Dato' Bandar yang memecat Dato' Seri Maharaja seperti yang berlaku pada hari ini. Ini bermakna tidak mustahil Dato' Bandar mempunyai dua orang Dato' Seri Maharaja. Oleh itu penulis memisahkan senarai Dato' Seri Maharaja dengan Dato' Bandar untuk memudahkan pemahaman susunan mereka. Berikut adalah susunan Dato' Bandar Sungai Ujong.¹⁶

1. Dato' Bandar Keling
2. Dato' Bandar Lujar
3. Dato' Bandar Sangkut

Apa paku
diusahke keran
ad dua jura yg
berasnya, buanah
shg namer merlu
yg jadi?

¹⁵Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, op-cit, hal. 76.

¹⁶Ibid.

4. Dato' Bandar Karang
5. Dato' Bandar Bangkil
6. Dato' Bandar Nahar
7. Dato' Bandar Megat
8. Dato' Bandar Tedoh
9. Dato' Bandar Lebai
10. Dato' Bandar Tunggal (Abdullah Ahmad 1849-74)
11. Dato' Bandar Hj. Ahmad Mohd. Ali (1874-1928)
12. Dato' Bandar Abdul Rahman
13. Dato' Bandar Abdul Kadir
14. Dato' Bandar Abu Bakar Hj. Osman
15. Dato' Bandar Shaari Hj. Hassan

Bisakah
diantik?
di sini penting
panggilan!

Walaupun jawatan Dato' Bandar dan Dato' Seri Maharaja telah dipisahkan namun kedua-duanya masih lagi mempunyai hubungan yang rapat kerana mereka lahir atau dipilih dari satu perut yang sama. Misalnya jika adiknya dilantik menjadi Dato' Bandar maka jawatan Dato' Seri Maharaja akan disandang oleh abangnya. Semua ini dilakukan demi untuk menjaga hubungan yang erat diantara kedua-dua tokoh waris di Air. Berikut adalah gelaran Dato' Seri Maharaja Di Raja yang ke sembilan hingga kini. Penulis memulakan jawatan Dato' Seri Maharaja dengan angka tujuh kerana sebelum ini jawatan Dato' Bandar dan Dato' Maharaja adalah satu.

7. Sohor
8. Sitam
9. Che Ara (perempuan)

Apa huse 2
menge danti'a
dang!
Bis pengelasan
panggilan?

bercaja
88

10. Gudam

11. Subom

12. Said

13. Hj. Ahmad

14. Mat Sah

15. Abdullah bin Ahmad

16. Abdul Razak Jani

17. Azman Jamlus¹⁷

Akan baik jika ber
tangkai id menyaday - esp
maka yg terkini - segi
maka segi!

- ini pun di petik dari
Wilkinson?

3.2.2 Lembaga-lembaga di bawah Dato' Bandar

Secara teorinya waris di Air mempunyai dua orang Lembaga yang menjadi Tiang Balai atau tunggak untuk memilih bakal Dato' Bandar. Sebelum jawatan Dato' Bandar dan Dato' Seri Maharaja dipisahkan waris di Air hanya mempunyai seorang Lembaga iaitu Dato Muda Labu. Walau bagaimanapun Dato' Muda Labu bukanlah Lembaga Tiang Balai yang tetap Ia dinamakan Dato' Bergajah Tunggal kerana peranannya sebagai pemerintah mukim Labu dan hanya berhak untuk diangkat menjadi Tiang Balai jika berlaku masalah waris di Air. Tiang Balai waris di Air yang penting ialah Dato' Akhir Zaman Rantau.¹⁸ Apabila jawatan Dato' Bandar dan Dato' Seri Maharaja dipisahkan maka Dato' Seri

Kurang jelas makna, tidak istiadat.
cukup aduh!

Galtie!

¹⁷R. J. Wilkinson, Sungai Ujong, JSBRAS, 1921. Hal. 135.

¹⁸Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, op-cit. Hal. 60.

Maharaja menjadi Tiang Balai dan Lembaga yang tertinggi di dalam waris di Air.

*Siapa dia? Adakah sama d
Dato Muda Labu?*

Dato' Penghulu Muda Labu merupakan salah seorang Lembaga bagi waris di Air. Ia dikatakan berasal dari keturunan Tok Semerga. Pada masa Dato' Kelana Leha menjadi Undang di Sungai Ujong Dato' Mongkon telah diberikan kebenaran untuk membuka Labu.¹⁹ Ia merupakan salah seorang waris di Air. Dia telah diberi gelaran

balu? "Dato' Bergajah Tunggal" oleh Dato' Kelana. Ini kerana 'Dato' Mongkon telah membunuh seekor gajah yang bergading tunggal dan gading itu telah dipersembahkan kepada Dato' Kelana.

apakah dia? Penulis berpendapat gelaran Dato' Bergajah Tunggal ini diberikan kepada Dato' Muda Labu kerana memandangkannya. keistimewaannya. Disamping itu jika wujud kekusutan Luak di Air seperti untuk memilih Dato' Bandar maka Dato' Muda Labu secara tidak langsung telah menjadi Lembaga Tiang Balai. Ini bermakna gelaran Dato Bergajah Tunggal bukan didapati dari membunuh gajah yang bergading tunggal tetapi peranan yang dimainkannya di dalam Luak masing-masing.

Satu hujah lain ialah bila wujud sebarang masalah waris di Darat maka jawatan atau gelaran Dato Bergajah Tunggal diberikan kepada Penghulu Dagang Paroi. Ini melambangkan bahawa jawatan Dato Bergajah Tunggal

¹⁹Ibid, Hal. 63.

merupakan satu gelaran yang istimewa bagi Dato' Muda Labu dan Penghulu Dagang Paroi. Bagi timbalan Dato' Muda Labu ia dipilih dari Perut Susuganda. Ia membawa gelaran Dato' Paduka. Ia berkuasa di Mukim Labu dan berhak menjaga kesejahteraan kawasannya. Andaikata berlaku kekosongan Dato' Muda Labu maka Dato' Paduka Besar akan dilantik untuk mengisi kekosongan ini. Untuk mengelakkan berlakunya perebutan dan pergeseran Dato' Muda Labu telah membahagikan kawasan Labu kepada dua iaitu Mukim Labu dan Nilai. Masing-masing berkuasa di dalam kawasan yang telah ditetapkan tetapi Dato' Muda Labu menjadi ketua seluruh jajahan Labu.

Bgn. susunan
ys lain?

Susunan Lembaga waris di Air pada masa kini adalah seperti berikut;*

1. Dato' Seri Maharaja di Raja Azman Jamlus -
Lembaga Tiang Balai Waris di Air.
2. Dato' Muda Labu, Zainudin Hj. Abdullah, Dato'
Bergajah Tunggal waris di Air.
3. Dato' Akhir Zaman Rantau, Haji Bahari Hj.
Hamzah - Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong.
4. Dato' Paduka Di Raja Awaludin Tamu.
5. Dato' Menteri Penghulu, Hj. Zainal Hj. Abd.
Majid
6. Dato' Seri Amar Di Raja, Syed Hussin Al Haj
S. Abd. Hamid.

*Susunan Dato' Lembaga ini adalah susunan yang disahkan oleh waris pada hari ini.

7. Dato' Seri Amar Menteri, Kahar b. Sikin.
8. Dato' Paduka Besar, Hj. Adam Husin.
9. Dato' Bentara Abd Wahid Abdullah.
10. Dato' Panglima Besar Hj. Shamsuddin Hj. Talib
11. Dato' Laksamana Ismail Tom.
12. Dato' Manja Khatib Dato' Murtaza Dato Mohd Sharif.
13. Dato' Panglima Perang Hj. Idris Hj. Talib.
14. Dato' Muda Linggi Hj. Ismail Hj. Jalal.

3.2.3 Buapak Yang Berhak Memilih Dato' Bandar

Di dalam Adat Perpatih amnya dan Luak Sungai Ujong khususnya cara pemilihan seseorang pemimpin itu mestilah dilakukan dari bawah (perut). Ketua perut iaitu Buapak berhak memilih calon Dato' Bandar dari kalangan anak-anak buah yang ada di dalam perutnya. Calon ini pula mestilah di pastikan jalur atau terombo keluarganya. Ini adalah tugas Buapak perut berkenaan:

Bagi jawatan Dato' Bandar hanya empat perut saja yang berhak menyandang jawatan berkenaan. Ini bermakna hanya ada empat Buapak yang berhak memilih bakal Dato' Bandar. Empat Buapak berkenaan ialah Dato' Seri Amar Raja mewakili perut Nenek Sulong, Dato' Seri Amar Menteri mewakili perut Susu Dara, Dato' Paduka Besar mewakili perut Susu Ganda dan Dato' Menteri Penghulu mewakili perut Tunggal. Ini bermakna andainya berlaku kekosongan jawatan

Dato' Bandar mereka berhak memilih bakal penyandang. Sistem ini dilakukan mengikut gelaran kerana ada empat perut yang berhak menyandang pesaka Dato' Bandar ini.

3.3 Dato' Kelana

Jawatan Dato' Kelana juga adalah berasal dari Bendahara Sekudai. Anak pertama Bendahara Sekudai telah dilantik menjadi Dato' Kelana (Penghulu) pertama. Apabila Mohamad Tumbu meninggal dunia adiknya To Musang dilantik menjadi Dato' Kelana.²⁰ Semua ini berasaskan kepada persefahaman dan kemuafakatan dalam Adat Perpatih.

Dengan siapa?

Untuk mengelakkan dari berlakunya masalah dan krisis di dalam melantik Dato' Kelana To' Tumbu telah mengahwinkan anaknya dan dari keturunan inilah lahirnya keturunan Dato' Kelana, iaitu To' Dara Mudik berkahwin

betul? dengan Penghulu Selat iaitu Dato' Kelana ke tiga. Ini menyelamatkan kedua-dua keturunan ini dari sebarang krisis kepimpinan. Walau bagaimanapun keadaan ini hanya bersifat sementara kerana bila berlaku ketiadaan Dato' Kelana timbul juga masalah memilih pemimpin kemudiannya.

Sumber Sebelum abad ke 18 Undang Sungai Ujong bergelar Penghulu Menteri. Adalah dipercayai gelaran tersebut tidak dipakai lagi setelah orang-orang Bugis yang

²⁰R. J. Wilkinson, Sungai Ujong, op.cit. Hal. 126.

Gulita?

*Wah kaji
Hamid Abdalles
1984 UM.*

*Tumbu? Indisi
Tumbu? Indisi
Tumbu? Indisi*

*ayah
pety
bantu*

sumber cerita?

menduduki Sungai Ujong pada tahun 1760 telah memperkenalkan gelaran Kelana Putera yang kekal hingga hari ini.²¹ Menurut satu cerita lain gelaran Dato' Kelana Putera adalah anugerah atau kurnia Sultan Johor. Tetapi ketepatan ini tidak dapat dipastikan kerana tidak ada sumber bertulis.

Pada pendapat Samad Idris gelaran Dato' Kelana Putera ini adalah anugerah Yamtuan Besar (Rajah Melawar).²² Semasa Raja Melawar pergi ke Kuala Penajis, Rembau, Penghulu Chantek Dato' Kelana ke tujuh telah mengadap Yamtuan Besar. Dalam majlis mengadap itu Raja Melawar telah mengemukakan beberapa soalan kepada Penghulu Chantek. Ada diantara soalan-soalan itu tidak dapat dijawab oleh Penghulu Chantek. Tetapi pertanyaan-pertanyaan itu dapat dijawab oleh anak penghulu Chantek yang bernama Bador.

Memandangkan kepintaran anak Penghulu Chantek ini maka Raja Melawar telah memberikan gelaran Dato' Kelana Putera kepada Bador serta menitahkan mulai saat ini penghulu menteri Sungai Ujong diubah gelaran kepada Kelana Putera. Ketika ini pemilihan bakal Dato' Kelana masih mudah kerana masih mengikut nisab bapa iaitu turun kepada

²¹Rosmawati Shaari, Sistem Politik Tradisional Sungai Ujong, (Latihan Ilmiah UKM) 1955. Hal. 47.

²²Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, op.cit. Hal. 58.

anak lelaki tertua. Apabila gelaran Kelana Putera diberikan kepada Bador ia dikurniakan beberapa keistimewaan. Ia boleh memakai pakaian Raja, kedudukannya adalah setaraf dengan Raja Muda dan ia menjadi wakil kerajaan Yang Di Pertuan. Mulai dari saat ini Dato' Kelana dijadikan Imam Ketua kepada Undang yang empat dalam aturan melantik dan menabal Yam Di Pertuan Besar.

Ojak hls in d'ishntu
zanya maki
 Dato' Kelana Undang Luak Sungai Ujong merupakan Imam (Ketua) diantara empat orang Undang yang merangkap jurucakap Undang yang empat dalam upacara-upacara rasmi seperti upacara pertabalan Yam Di Pertuan Besar Negeri Sembilan. Di Sungai Ujong beliau merupakan kuasa

← Eksekutif tertinggi, penggubal dan pembuat undang-undang dan menjadi hakim dimana kata-katanya harus dipatuhi. *Beragad*
 Tetapi dalam menjalankan tugas-tugas tersebut beliau mesti berunding dengan Majlis Lembaga Tiang Balai dan mendapat persetujuan mereka. Dalam zaman moden ini, banyak tugas-tugas biasa yang telah dikurangkan bila corak pemerintahan Barat diperkenalkan. Tapi dalam soal adat resam dan agama Islam pada hakikatnya beliau masih merupakan pemerintah yang diakui. *maksi?*

Walau bagaimanapun tugas harian beliau kian terhad dalam memberi keputusan terhadap perbalahan dalam pemilihan atau urusan kebajikan agama, tapi tidak sepatutnya kita beranggapan bahawa Dato' Kelana adalah boneka untuk kepentingan politik. Sebagai ahli Majlis Eksekutif Negeri (State Executive Council) beliau

mempunyai hubungan yang rapat dengan pemimpin kerajaan negeri. Sebagai Imam kepada Undang beliau sering memanggil Undang yang lain untuk bermesyuarat dan mempengerusikan mesyuarat empat orang Undang untuk membincangkan masalah Luak masing-masing.

Dato' Kelana merupakan pemimpin atau pemerintah yang telah dipilih, tetapi pemilihan calon-calon dan senarai pemilih adalah terhad. Hak untuk menjadi Dato' Kelana adalah terhad kepada waris Kelana, salah satu bahagian waris di Darat. Waris Kelana sendiri terbahagi kepada dua bahagian yang besar iaitu perut Hulu dan perut Hilir dimana pada hampir satu abad yang lalu mereka bergilir-gilir untuk menjadi Dato' Kelana. Tetapi pada sesetengah keadaan apabila tiba giliran perut yang berhak untuk menyandang pesaka Dato' Kelana tetapi tidak mempunyai calon yang layak (sesuai) maka Undang yang baru akan dipilih dari perut yang sama dengan Undang yang terdahulu, itupun jika perut berkenaan mempunyai calon yang sesuai. Prosedur pemilihan itu adalah mudah dari segi teorinya tetapi sukar dari segi praktiknya kerana memerlukan kepada persepakatan.

Pemilih adalah terdiri dari Buapak dan Ibu Soko waris Kelana termasuk ketua-ketua suku. Pilihan pemilih memerlukan persetujuan Majlis Lembaga Tiang Balai. Ketika kematian Dato' Kelana yang sebelumnya, kuasa memproses dan menapis calon dilakukan oleh Dato' Andika, Lembaga waris

Suku mana? siapa?

di Darat di mana waris Kelana adalah termasuk di dalamnya dan merupakan ahli yang tertua dalam Majlis Lembaga Tiang Balai. Dato' Andika memanggil waris Kelana dan ahli Lembaga Tiang Balai yang lain ke Balai Undang untuk memilih seorang pengganti. Pada peringkat ini, Majlis Lembaga Tiang Balai mempunyai kuasa untuk meneruskan kerajaan menggantikan Undang. Dato' Kelana yang baru mestilah dipilih sebelum Dato' Kelana yang mati dikebumikan. Peribahasa ada menyatakan 'Adat bertanam Undang dengan menanamkan'.

Apabila waris Kelana telah berkumpul dalam satu perjumpaan sulit ia memilih satu jawatankuasa yang mengandungi tiga orang untuk mempertimbangkan nama-nama calon yang sesuai. Jawatankuasa ini terdiri dari seorang wakil dari perut Hulu dan seorang perut di Hilir, dan ahli yang ke tiga diambil dari salah satu suku dimana beliau mestilah seorang yang lebih tua dan dibirih kerana pengetahuannya yang mendalam tentang adat. Jawatankuasa ini hanya boleh membuat pengesyoran jika ia disepakati. Jika tidak ada pengesyoran ia akan menemui jalan buntu. Jika pengesyoran itu disepakati pencalonan itu kemudiannya disampaikan ke setiap waris di Hulu iaitu Dato' Johan dan ketua waris di Hilir Dato' Maharaja Lela kepada Dato' Andulika Mendulika yang membawa kepada Majlis Lembaga Tiang Balai. Calon yang disahkan oleh Lembaga Tiang Balai akan diumumkan oleh Dato' Bandar. Ini yang dinamakan sah batal pada lembaga hidup mati pada Undang. Undang mati

Undang menanam, bagai mata putih dengan mata hitam. Bila dalam perlantikan Dato' Bandar, Dato' Kelana pula akan mengistiharkan perlantikan. Calon yang terpilih akan diumumkan dan akan memulakan tugasnya dengan mengetuai adat istiadat pengkebumian Undang yang terdahulu. Ketika pengumuman perlantikan dibuat para ketua pemimpin memberi alur sembah kepada Undang baru berkenaan dan upacara pertabalan akan dibuat sependahnya mengikut masa yang sesuai kemudiannya.

3.3.1 Waris Di Bawah Dato' Kelana

Seperti Dato' Bandar, Dato' Kelana juga mempunyai Lembaga-lembaga tersendiri untuk membantunya didalam mentadbir Luak Sungai Ujong. Secara umumnya Dato' Kelana mempunyai dua Lembaga Tiang Balai yang berhak melantik Dato' Kelana andainya berlaku kekosongan Dato' Kelana. Dato' Lembaga yang terkanan sekali ialah Dato' Andika Mendulika. Ia merupakan ketua Lembaga waris di Darat dan ketua Lembaga Tiang Balai.

Yang man satu?

Mengikut terombo salasilah keturunan suku Biduanda Dato' Andika merupakan gelaran yang diberikan kepada anak ke empat Bendahara Sekudai. Ia adalah Biduanda biasa yang tidak berhak untuk menyandang pesaka Dato' Kelana. Ia hanya berhak memilih dan menapis calon yang dikemukakan oleh Buapak yang terbabit. Keturunan Dato' Andika berasal dari Tok Seri Mani. Jawatan ini bukannya jawatan warisan

Sige?

?

Sesuai fr kampung air!

kerana ia digelarkan melalui empat perut. Keadaan ini berlaku setelah waris Andika berpecah dan berkembang di Pantai. Jadi untuk mengelakkan perselisihan jawatan yang pada asalnya merupakan pesaka berketurunan itu digantikan kepada peserta bergelar. Ia digelarkan kepada empat buah kampung iaitu,

1. Kampung Air Hangat
2. Kampung Jelevu
3. Kampung Kuala Jerlang
4. Kampung Batu

*Ap. mengijikany
pa kps in'
bebanding fr
kampung yang
lain,*

Seorang lagi Lembaga Tiang Balai bagi waris di Darat ialah Dato' Dagang Paroi. Tetapi ia bukan Lembaga tetap kerana ia dikatakan sebagai Dato' Bergajah Tunggal. Ini bermakna bila wujud masalah bagi waris di Darat maka Dato' Dagang Paroi menjadi Lembaga Tiang Balai. Jawatan ini diwujudkan pada masa dahulu untuk menyambut angkatan Yamtuan dari Seri Menanti. Bila tiba di Paroi tidak ada pembesar atau orang yang berpangkat untuk mengumpulkan penduduk bagi meraikan dan menyambut kedatangan Yamtuan dengan adat istiadat. Hal ini dipersembahkan kepada Dato' Kelana. Untuk mengatasi masalah ini Dato' Kelana telah melantik Dato' Dagang Paroi untuk menyambut dan memuliakan orang-orang besar yang melalui kawasan Paroi.

Suatu?

3.3.2 Buapak Yang Berhak Memilih Bakal Undang

Apabila waris Kelana semakin ramai dan berlaku pertukaran sistem pemilihan bakal Undang dari sistem nisab bapa kepada nisab ibu wujud masalah-masalah untuk melantik bakal Undang. Bagi perut Dato' Kelana wujud pecahan yang akan ditentukan mengikut geleran. Perut yang dimaksudkan ialah Perut Hulu dan Perut Hilir. Ini bermakna wujud dua orang Buapak yang berhak untuk memilih bakal Dato' Kelana atau Undang. Jawatan Dato' Kelana hendaklah digelerkan kepada dua perut ini. Perut Hilir diketuai oleh Dato' Lela Maharaja dan perut Hulu diketuai oleh Dato' Johan.²³ Perut Hilir yang diketuai oleh Dato' Lela Maharaja terbahagi kepada dua buah kampung iaitu Kampung Gedang dan Kampung Manggis. Waris Hulu pula terletak di Hulu Sungai Penar. Ini bermakna andainya Dato' Kelana dari waris Hilir meninggal dunia maka waris Hulu berhak untuk mengisi kekosongan itu. Ini bermakna Dato' Johan berhak untuk memilih bakal penyandang Dato' Kelana.

Walaupun Dato' Johan dan Dato' Lela Maharaja berhak mencalonkan bakal Dato' Kelana tetapi pencalonan itu mestilah datanginya dari anak-anak waris masing-masing yang dipilih dari kalangan yang terbaik. Pemilihan dan

maka?

²³M. B. Hooker, Adat Laws in Modern Malay, op-cit. Hal. 151.

102
101
yay mane betah
amut waris
ibu soko? 102
101
pencalonan mestilah datangnya dari ibu soko yang layak dan
berhak untuk menyandang pesaka berkenaan.

— Siapa?

3.4 Tugas dan Peranan di dalam Adat

Dato' Bandar dan Dato' Kelana mempunyai tanggungjawab masing-masing di Luak Sungai Ujong. Pada kenyataannya ini adalah satu pembahagian jawatan Undang diantara dua pembesar yang memegang jawatan dalam satu kekuasaan. Tiap-tiap orang Undang diambil dan disokong oleh perutnya sendiri dalam waris itu. Kedua-dua perut ini ialah waris di Darat dan waris di Air. Kedua-dua istilah ini bererti tidak lebih dari satu pembahagian mengikut kawasan, iaitu waris di Darat bahagian Hulu Sungai Linggi sedangkan waris di Air tinggal di Hilir berhampiran dengan laut. (Tiap-tiap orang Undang itu

memerintah anak buah masing-masing). makro? 103/uray
ayur in hat perut? Bgr dr D-Bandar? mane?

Untuk menjelaskan secara terperinci tugas dan perintah didalam adat di Sungai Ujong, Dato' Bandar dan Dato' Kelana hendaklah dibezakan dari zaman permulaan kerajaan dan sistem ini hingga kemasukan Inggeris dan dari kemasukan orang-orang Inggeirs hingga merdeka. Ini dilakukan untuk melihat betapa pentingnya sistem atau tugas Dato' Bandar dan Dato' Kelana di dalam Adat Perpatih.

Untuk melihat keadaan ini J.M. Gullick²⁴ ada menulis bahawa kedudukan Dato' Bandar dan Dato' Kelana adalah sama. Dato' Bandar dan Dato' Kelana berkuasa menjaga ahli waris masing-masing. Kedua-duanya saling bergantung dan saling perlu memerlukan kerana pada kebiasaannya apabila Dato' Bandar baru dilantik oleh anak waris di Air ia mestilah mendapat pengesahan-pengesahan dan pengiktirafan dari Dato' Kelana. Tetapi perlu diingat bahawa jawatan Dato' Bandar rendah sedikit dari Dato' Kelana dan titahnya tidak dipanggil sabda. *kato' xms', jad' apa?*

Beranggah!

Dato' Bandar dan Dato' Kelana dianggap menjadi pemerintah bersama di Luak Sungai Ujong kerana perbilangan adat telah menggariskan kedudukan ini;

Telur sebiji sama ditatang dan
pesaka satu sama dibela

Ini bermakna jawatan Dato' Bandar dan Dato' Kelana adalah sama dari segi adat iaitu untuk menjaga keharmonian Adat Perpatih dan menjaga keselamatan dan kesejahteraan Luak Sungai Ujong. Satu hujah lain untuk menyokong bahawa Dato' Bandar dan Dato' Kelana mempunyai tugas dan peranan yang sama di Sungai Ujong ialah perbilangan adat yang berbunyi,

Dato' Bandar dan Dato' Kelana adalah
ibarat mata putih dengan mata hitam²⁵

²⁴J.M. Gullick, op.cit, Hal. 37. 1949/1956? yg
muru
satu.

²⁵Adam Hussin, ditemuramah pada 20 Nov. 1990.

*Step. dia? kemibawaan belia
di hel in?*

tidak boleh sama
taraf?

Perbilangan adat ini menunjukkan betapa Dato' Bandar dan Dato' Kelana mempunyai hubungan yang rapat. Bahkan keduanya tidak boleh dipisahkan di dalam aturan adat Sungai Ujong. Walau bagaimanapun Dato' Kelana mempunyai gelaran sejarah yang lebih baik untuk boleh dianggap sebagai Undang bagi seluruh Sungai Ujong walaupun ia hanya menguasai daerah hulu Sungai Linggi.²⁶

Undang menjadi pemerintah di daerahnya dengan mempunyai kewibawaan di ^{ke} atas setiap orang di daerahnya itu tetapi hal ini tertakluk kepada satu syarat bahawa Lembaga merupakan orang tengah diantara Undang dengan anggota biasa suku itu. Seorang Undang yang mempunyai sebab untuk membuat aduan terhadap orang perseorangan dikehendaki menjemput Lembaga yang bertanggungjawab terhadap orang itu sebagai anggota sukunya. Orang perseorangan yang perlukan bantuan orang yang lebih berwibawa mula-mula akan pergi berjumpa dengan ketua perutnya, ketua perut itu kemudian akan merujuk perkara ini kepada Lembaga, Lembaga pula akan merujuk kepada Undang. Ini bermakna Undang mempunyai kuasa pemutus di dalam sesuatu hal. Dalam hal ini perbilangan adat ada menyatakan,

Tali pengikat daripada Lembaga
Keris penyalang daripada Undang
Pedang pemancung daripada keadilan.²⁷

Pastikan
lewas apa?
Bgn kuasa ini
t'mbil?

²⁶J. M. Gullick, op-cit, hal. 113. (?)

²⁷O.W. C Farr and W. H. Mackrey, Rembau one of the Nine States : Its History constitution and custom, JSBRAS 1920, hal. 104.

Ini bermakna Dato' Kelana mempunyai otoriti untuk menjatuhkan sebarang hukuman.

BTC?

Sumber?

Di zaman permulaan sistem berundang ini Dato' Bandar dan Dato' Kelana merupakan hakim di Luak Sungai Ujong. Apabila wujud sebarang perselisihan atau perbalahan waris di Air Dato' Bandar berhak untuk menghakimi sementara bagi waris di Darat Dato' Kelana berhak untuk menyelesaikannya. Dalam hal ini J. J. Sheehan²⁸ ada berkata bahawa penghulu (Undang) itu kunci di dalam Luaknya dan ia berkuasa menjalankan hukum adat di atas Lembaga dalam Luaknya.

Peranan Dato' Bandar dan Dato' Kelana di Luak Sungai Ujong diperjelaskan lagi dalam perjanjian Dato' Kelana dengan Dato' Bandar dalam tahun 1872. Perjanjian ini ditandatangani di antara Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dengan Dato' Bandar Tunggal yang berbunyi,

"Apakala ada hal ehwal atau apa-apa perbuatan beta melainkan hendaklah beta muafakat bersama' dengan Dato' Shahbandar."²⁹

Keadaan ini diperteguhkan lagi dalam surat Dato' Kelana Maamor kepada Residen British E. S. Hose (1922). Ia ada menyatakan kekuasaan Dato' Kelana dan Dato' Bandar,

²⁸J. J. Sheehan dan Abul Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah, JMBRAS, 1936.

²⁹J. M. Gullick, 1949, op.cit, hal. 36.

hi membuktikan lanting, pangare luge, +
in jup lyp apa yg dikata 'bail' no Gullick
no 104 & atn!

Adalah dikatakan Undang itu bagi Luak Sungai Ujong ini ialah Dato' Kelana Putera dan Dato' Bandar. Dan jikalau tumbuh apa-apa hal waris di Darat habis oleh Dato' Kelana Putera. Dan jikalau tumbuh pula apa-apa hal dalam waris di Air habis oleh Dato' Bandar. Tidak boleh ganggu mengganggu kedua pihak.³⁰

bu?

Apabila Sungai Ujong dijajah oleh orang-orang Inggeris tugas dan peranan di dalam adat terus dikekalkan. Bahkan tugas-tugas di dalam adat ini diperjelaskan lagi. Misalnya perjanjian 1898 jelas menyebutkan berlakunya pengokohan peraturan adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang tua-tua zaman dahulu kala.

3.4.1 Bidang Kuasa

Di Sungai Ujong adalah dikatakan Dato' Bandar dan Dato' Kelana merupakan pemerintah bersama walaupun wujud pembahagian yang dibuat oleh Bendahara Sekudai diawal pemerintahan berundang. Pembahagian ini diwujudkan agar tidak berlaku sebarang masalah kemudiannya. Walau bagaimanapun keadaan ini boleh dipertikaikan kerana Adat Perpatih ada menggariskan bidang kuasa Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Ini yang dinamakan Undang dua sela yang bermakna di Sungai Ujong wujud dua jawatan Undang. Secara teorinya memang wujud dua jawatan Undang di Sungai Ujong

Undang satu dan kepunyaan?

³⁰ Abdul Samad Idris, op.cit, hal. 74, J. M. Gullick (1949) op.cit, hal. 35.

peti analisa yg mudah,
tetapi masing-masing mempunyai bidang kuasa yang terhad di Luak masing-masing.

peti ni mau?
Dalam hal ini Dato' Bandar mempunyai "Jurisdiction over all matters connected with life and the trade dependent on water carriage." Keadaan ini ditambah pula dengan kedudukan yang lebih strategik kerana Rasah yang termasuk dalam kawasannya adalah kaya dengan bijih timah dan ini mendatangkan sumber pendapatan yang lumayan dari cukai yang dipungut.³¹ Walaupun Dato' Bandar mempunyai beberapa kelebihan tetapi kedudukan Dato' Kelana di Negeri Sembilan lebih baik dari kedudukan Dato' Bandar. Dato' Kelana Sungai Ujong merupakan orang ke dua terpenting di Negeri Sembilan setelah Yang Di Pertuan Besar.³²

yg mau satu?
Tahu kpn?
Apabila Sultan Johor mengurniakan jawatan Dato' Bandar kepada keturunan To' Semerga dan mewujudkan sistem pemerintahan di Sungai Ujong, ia juga telah menganugerahkan kuasa untuk memungut cukai di sepanjang Sungai Linggi. Dato' Bandar berkuasa penuh di kawasan ini dimana ia kaya dengan hasil bumi (bijih timah). Ini memberi kelebihan kepada Dato' Bandar kerana ia mempunyai sumber pendapatan yang tetap dan dapat mengumpulkan harta yang menimbulkan perbalahan kemudiannya.

³¹ Khoo Kay Kim, op.cit, hal. 21.

³² Richard Winstedt, The Malays : A Cultural History, Graham Brash (pte) Ltd Singapore, 1981, hal. 86.

kerangka di
 luyutaa awal us:
 10x
 105

Walaupun kedudukan Dato' Kelana lebih kanan dari

Dato' Bandar di Sungai Ujong tetapi kerana kawasan kekuasaannya tidak mempunyai hasil maka kedudukannya agak tergugat. Walaupun kedudukan Dato' Kelana agak kanan dari Dato' Bandar tapi ia mempunyai kawasan pemerintahan yang agak terhad. Ia hanya berkuasa dipendalaman atau hulu Sungai Ujong, berbanding dengan Dato' Bandar ia mempunyai kawasan jajahan atau pemerintahan yang luas dan kaya. Dato' Bandar Sungai Ujong mentadbir kawasan persisir pantai seperti Linggi dan Rantau. Ini bermakna Dato' Bandar berkuasa atas wilayah yang lebih luas dari Dato' Kelana.

Diawal abad ke 18 hingga abad ke 19 Dato' Bandar dan Dato' Kelana mentadbir dan memerintah di kawasan masing-masing. Mereka juga berhak menghukum dan menjalankan hukuman kerana memang menjadi tradisi masyarakat Melayu bahawa raja mempunyai kuasa penuh. Walaupun Dato' Bandar dan Dato' Kelana bukan seperti raja-raja Melayu yang lain tetapi masyarakat adat di Negeri Sembilan tetap menganggap mereka sebagai raja. Oleh itu mereka berhak menjatuhkan hukuman. Ini bermakna Dato' Bandar dan Dato' Kelana menjadi hakim di Luak Sungai Ujong dan masing-masing berkuasa di kawasan masing-masing.

Di samping menjadi hakim, Dato' Bandar dan Dato' Kelana juga menjadi imam kepada Luak Sungai Ujong. Ini bermakna dalam majlis-majlis perayaan agama Islam di

Sungai Ujong Dato' Bandar dan Dato' Kelana menjadi penauangnya. Dato' Kelana dan Dato' Bandar juga berhak untuk melantik kadi dan imam di kawasan masing-masing. *nijah?*
 Ini bermakna Dato' Bandar dan Dato' Kelana berkuasa di dalam adat maupun di dalam kehidupan masyarakat Melayu sehari-harian.

Apabila zaman berubah wujud berbagai elemen dari luar yang bercampur aduk dengan Adat Perpatih dan merubah sistem politik yang ada. Perubahan ini bermula apabila orang-orang Inggeris mula campur tangan di Sungai Ujong. Pada 19hb. November 1874 satu perjanjian telah dicapai diantara Dato' Bandar dan Dato' Kelana yang membenarkan campurtangan kerajaan Inggeris.³³ Apabila kerajaan Inggeris mula campurtangan dalam pentadbiran sedikit demi sedikit kuasa memerintah dan memungut cukai diambil alih oleh mereka. Orang-orang Inggeris hanya tidak mencampuri urusan perjalanan adat dan agama Islam sahaja.

Kerajaan Inggeris telah memberi wang sara hidup yang tetap atau pencen kepada Dato' Bandar dan Dato' Kelana dan semua urusan memungut cukai dijalankan oleh kerajaan Inggeris. Pencen ini dibayar oleh kerajaan Inggeris pada setiap bulan kepada Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Dato' Bandar dibayar \$400. Ini menyebabkan kedua-dua pemerintah ini kehilangan kuasa dan pengaruh,

³³Samad Idris, op.cit, hal. 72.

terutama kuasa untuk memerintah. Kuasa untuk menghukum juga ditarik kerana kerajaan Inggeris telah menubuhkan mahkamah tersendiri untuk mengadili mana-mana pesalah. Ini menyebabkan kewibawaan Dato' Bandar dan Dato' Kelana tercabar. Dato' Bandar misalnya kehilangan sumber kekayaan dan kekuasaan kerana campur tangan orang-orang Inggeris ini. Ini menimbulkan perbalahan dengan Dato' Kelana yang menyokong Inggeris agar campurtangan di Sungai Ujong. Pada ketika yang sama Dato' Bandar telah muncul sebagai seorang pembesar yang kaya dan berkuasa di waris di Air. —

Menurut Dato' Akhirzaman Rantau,³⁴ Dato' Bandar tidak boleh mencampuri urusan di Rantau, walaupun Rantau termasuk di dalam lingkungan waris di Air. Rantau dikatakan mempunyai pemerintahan sendiri di bawah Dato' Akhir. Dato' Kelana dan Dato' Bandar hanya menunggu laporan setiap bulan dari Dato' Akhir mengenai kawasan Rantau. Ini bermakna Dato' Akhir hanya perlu membuat laporan tentang perjalanan pemerintahan di Rantau kepada Dato' Kelana dan Dato' Bandar. Penulis berpendapat ini bermakna Dato' Akhir masih dinaungi oleh Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Tetapi apabila diteliti Rantau terletak di kawasan waris di Air maka ia menjadi kawasan kekuasaan Dato' Bandar. Walaupun Dato' Akhir menafikan kekuasaan

³⁴Dato' Akhirzaman Rantau Salihah Ismail mula dilantik menjadi Dato' Akhirzaman pada 1974. Beliau merupakan Dato' Akhir yang ke 11.

centang!
 Dato' Bandar di Rantau dengan mengatakan Rantau di
 perintah oleh waris Rantau tetapi sejarah telah
 membuktikan Dato' Bandar berkuasa di Rantau. Bahkan Dato'
 Akhir sendiri mengakui bahawa walaupun Dato' Akhir *LA*
 berkuasa memungut cukai di kawasan Rantau tetapi
 pembahagian hasil kekayaan di Rantau mestilah diberikan
 kepada Dato' Bandar. Dato' Akhir hanya berhak memiliki
 30% sementara 70% dari hasil kekayaan Rantau diserahkan
 kepada Dato' Bandar.

bercayalah!
Perlu dartz yg telat lengkap! Sunk myhlye yg tepat!
 Walau bagaimanapun kekuasaan Dato' Akhir di Rantau
 memang tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapa. Ini kerana
 keadaan di Sungai Ujong agak berbeza dari Luak-luak yang
 lain. Sistem pentadbiran di Sungai Ujong adalah sistem
Luak, bukannya sistem kaum dan mempunyai orang-orang besar
 Luak iaitu Dato' Bandar yang memerintah di Air. Dato'
 Andulika memerintah di Pantai, Dato' Akhirzaman di Rantau
 dan Dato' Amar memerintah Ulu Kelawang dan Dato' Muda
 memerintah Linggi.³⁵ Ini bermakna Dato' Bandar tidak
 boleh mencampuri urusan pentadbiran Luak Rantau kerana ia
 mempunyai pemerintah tersendiri dan bebas menentukan corak
 dan sistem pentadbiran tetapi hendaklah mendapat
 pengiktirafan Dato' Bandar dan Dato' Kelana.

Bercayalah! Sunk myhlye yg tepat!
 Dalam surat Dato' Bandar Sungai Ujong yang ditulis *sejauh*
 pada 1922 ditujukan kepada Dato' Kelana Maamur *ada mihak*

³⁵Risalah Chenderamata Hari Perayaan Jubli Perak
1946-71), Sabtu 27 Mac, Balai Undang 1971, hal. 25.

digariskan tentang kekuasaan atau bidang tugas Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Dalam perenggan ke 15 halaman empat ia ada menyatakan:³⁶

Adalah aturannya diantara Dato' Kelana Putera dengan Dato' Bandar itu laksana mata putih dengan mata hitam sama berkuasa dan sama boleh bercucuk tanam dalam waris masing-masing ini tidak boleh ganggu mengganggu tentang hal jalan adat ataupun jalan pesaka yakni perbuatan Dato' Kelana ini diperkokohi oleh Dato' Bandar dan perbualan Dato' Bandar itu dikokohi oleh Dato' Kelana. Jikalau mati Dato' Bandar atau terpecat pada masa itulah Dato' Kelana Putera boleh mencampuri mencari ganti itu jikalau boleh waris-warisan di Air dan Dato'-dato' serta Lembaga-lembaga yang akan jadi ganti itu disebarkan kepada Dato' Kelana dan hendaklah Dato' Kelana mengikut siapa-siapa kebulatan itu. Akan tetapi jikalau tiada dapat kebulatan oleh waris-warisan dan Dato'-dato' serta Lembaga-lembaga pada masa itu ...

Mengikut Perlembagaan 1959³⁷ pula Dato' Bandar menjadi ahli dalam Dewan Keadilan dan kedudukannya adalah selepas Tunku Besar Tampin. Tapi kedudukannya tidak dianggap sebagai Raja Waris di Air kerana ia tidak bebas dari undang-undang. Perlembagaan 1959 juga menggariskan kekuasaan Dato' Bandar. Dato' Bandar mempengerusikan mesyuarat waris di Air. Percaturan hukum yang dikemukakan bagi pengesahan sebarang perlantikan dalam waris di Air dikendalikan oleh Dato' Bandar.

³⁶ Surat Dato' Bandar Sungai Ujong 1922, hal. 4.

³⁷ Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1957. Bab 5 No. 15 Ceraian I dan II.

3.5 Krisis Dato' Bandar Dengan Dato' Kelana

Krisis Dato' Bandar dan Dato' Kelana bukanlah perkara baru dalam Luak Sungai Ujong. Tetapi krisis ini memuncak dan ketara dalam abad ke 19 kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Satu punca mengapa berlakunya ketegangan diantara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar dalam tahun 1830an ialah kerana bertambahnya aktiviti ekonomi pada tahun 1830an ini yang menimbulkan konflik baharu dalam suasana politik di Sungai Ujong.³⁸ Di Sungai Ujong dikatakan hasil bijih timah dari dalam tahun 1832 banyak dihasilkan di Sala, Samerbok, Batu Lobong, Kayu Ara dan Temiang. Rata-rata kawasan lombong bijih ini terletak di kawasan kekuasaan Dato' Bandar. Oleh itu Dato' Bandar mempunyai sumber pendapatan yang tetap dan berkemampuan untuk membayar wang sara hidup orang bawahannya (upah). Ini sedikit sebanyak menimbulkan kemarahan Dato' Kelana yang mencari jalan untuk cuba mengurangkan kekuasaan Dato' Bandar.

Pada tahun 1832 penduduk sungai Ujong berjumlah 3200 orang (Melayu) terutama yang berbangsa Minangkabau. Ia ditambah 400 oleh orang-orang China. Perkampungan yang menjadi tumpuan ialah Linggi, Pantai, Jiboi, Sala, Linsum, Durian Tanjung, Rasah, Kepayang, Rantau, Siliau dan

³⁸ Khoo Kay Kim, op-cit, hal. 50.

1874/72?
Newell?) berik mengikut (ang hiji) kpi
Minangkabau sija. Lhat DBO 1834

Jimak.³⁹ Hampir keseluruhan pertempatan ini adalah di kawasan kekuasaan Dato' Bandar dan secara tidak langsung kedudukan Dato' Bandar menjadi kuat kerana mempunyai ramai penyokong.

Sungai Ujong merupakan satu kawasan pengeluaran bijih timah yang utama di Tanah Melayu.⁴⁰ Semua hasil bijih timah ini diangkut melalui Sungai Linggi dan dikumpul di Pengkalan Kundang, Simpang Durian dan Manggis. Di sinilah cukai dipungut sebelum ditukarkan dengan keperluan harian masyarakat tempatan seperti beras, garam, candu, tembakau dan minyak. Pada tiap-tiap kali bijih timah dihasilkan tanpa mengira banyaknya Dato' Kelana akan diberikan tiga 'Bahara' yang berharga \$30 setiap satu bahara dan pada tiap-tiap satu lombong yang dikerjakan tuan tanah lombong akan dibayar \$6 sebulan.⁴¹ Setiap hasil bijih timah yang dihasilkan yang melalui kawasan Dato' Bandar akan dicukai mengikut tarif yang dikenakan oleh Dato' Bandar. Ini menjadikan Dato' Bandar seorang pembesar yang kaya dan melebihi kekayaan Dato' Kelana. Sedikit sebanyak ini menyebabkan Dato' Kelana cuba untuk mengurangkan kuasa Dato' Bandar ini dan timbul ketegangan diantara Dato' Bandar dan Dato' Kelana.

³⁹T.J. Newbold, British Settlements in the Straits of Malacca (Vol. 2), Oxford University Press, London, 1971, hal. 93.

⁴⁰T. J. Newbold, op-cit, hal. 95.

⁴¹J. Kreemer, op-cit, hal. 5.

Pada tahun 1849, hubungan yang tegang ini akhirnya membawa kepada pertikaian antara Dato' Bandar dengan Dato' Kelana yang berpunca dari keengganan Dato' Bandar Lebai memberi bantuan tentera dan wang atau senjata kepada Dato' Kelana Sending bagi meredakan kekacauan yang dibangkitkan oleh orang-orang Rawa.⁴² Dalam tahun 1848-53 beberapa gangguan telah berlaku lagi di Simpang dan Sungai Linggi. Tahun 1848-9 Lebai Kulup, ipar kepada Haji Mohd Salleh, seorang waris Bandar telah mengadakan sekatan di Simpang untuk memungut cukai di situ. Sebelum ini Lebai Kulup telah terlibat dalam satu pergaduhan dengan orang China di telah dibunuh dan mengakibatkan ia membayar gantirugi sebanyak \$4000. Dato' Kelana berjanji akan membayar setengah dari tuntutan ini,⁴³ tapi tidak dipenuhinya. Selain dari itu Toban (Taban), isteri Lebai Kulop, pada satu hari telah menghirir Sungai Linggi untuk menemui Dato' Muda Katas yang mempunyai hubungan persaudaraan dengannya. Perahu yang dimilikinya telah dirompak dan Taban telah dicabul. Lebai Kulop meminta ganti rugi dari Dato' Kelana di atas kehilangan harta dan kehinaan ke atasnya itu. Tapi ia tidak diendahkan oleh Dato' Kelana. Ini menimbulkan krisis diantara Dato' Kelana dan Dato' Bandar. Krisis ini berlarutan hingga abad ke 20 apabila

⁴²R. J. Wilkinson, op.cit, Hal. 134.

⁴³Khoo Kay Kim, op.cit, hal. 120.

kerajaan Inggeris berjaya membawa perdamaian dengan menghadkan kuasa dan kekayaan kedua-dua pihak.

Sehingga tahun 1860 konflik yang berlaku diantara Dato' Kelana Sendeng dengan Dato' Bandar Kulop Tunggal belum lagi tamat. Untuk menyusahkan lagi Dato' Kelana maka Dato' Bandar dalam awal-awal tahun 1860 telah memungut cukai-cukai lalu lintas perdagangan di Sungai Linggi. Hanya setelah campur tangan dari Dato' Undang Rembau, konflik antara kedua orang besar di Sungai Ujong itu dapat diselesaikan.⁴⁴

Walaupun wujud kompromi antara Dato' Kelana dan Dato' Bandar tetapi dalam ertikata yang sebenarnya, penyelesaian itu telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan kehidupan bersama dengan harmoni tidak kekal di Sungai Ujong kerana masing-masing masih bermusuhan. Tambahan pula mereka telah kehilangan kuasa seperti Dato' Kelana telah kehilangan kuasa politiknya manakala Dato' Bandar pula kehilangan sebahagian kuasa ekonominya, dan mereka seboleh-bolehnya tidak mahu berkongsi kuasa. Pada dasarnya adalah sukar untuk mempraktikkan dua orang pemerintah dalam sebuah negeri kerana perbilangan ada menegaskan bahawa : "Pantang dalam alam menduakan pedang pemancung; pantang dalam Luak menduakan keris penyalang."⁴⁵

⁴⁴Ibid, hal. 122.

⁴⁵R. J. Wilkinson, Notes the Negeri Sembilan, op.cit, hal. 34.

Pada tahun 1874 Dato' Kelana Syed Abdul Rahman telah bersahabat dengan kerajaan Inggeris. Ia telah meminta Gabnor Sir Andrew Clarke di Singapura supaya menghantar seorang penasihat ke Sungai Ujong. Clarke bersetuju untuk menghantar Isemengor seorang majistret. Ini memarahkan Dato' Bandar kerana Dato' Kelana tidak berunding dulu dengannya. Dato' Bandar mengugut mahu menimbulkan huru-hara di Sungai Ujong kerana membantah sikap Dato' Kelana ini. Dato' Kelana dianggap boneka oleh Dato' Bandar kerana membiarkan Inggeris berkuasa. Ini menimbulkan kemarahan Dato' Kelana dan dengan bantuan Inggeris ia telah bersiap untuk menyerang Dato' Bandar. Kerajaan Inggeris telah membekalkan Dato' Kelana dengan 84 orang askar British, 20 orang pasukan meriam dan 54 orang anak kapal Inggeris Charybdis di bawah pimpinan Tengku Abu dari Tampin.⁴⁶ Angin peperangan mula bertiup di Sungai Ujong. Pada masa yang sama Dato' Kelana mendapat bantuan dan pertolongan daripada Johor dan Bendahara Wan Ahmad dari Pahang. Dato' Bandar pula disokong oleh Raja Mahmud dari Selangor.⁴⁷

Pada awal bulan Oktober peperangan diantara Dato' Bandar dengan Dato' Kelana tidak dapat dielakkan. Dato' Kelana yang dibantu oleh tentera Inggeris yang terlatih

⁴⁶Abdul Samad Idris, *op.cit*, hal. 68; R.O. Winstedt, *History of Negeri Sembilan*, JSBRAS 1921, hal. 72.

⁴⁷J. M. Gullick, *op.cit*, hal. 19.

dengan senjata moden seperti meriam dan senapang telah dengan mudah mengalahkan Dato' Bandar di Rasah. Pada 14 Oktober Rasah ditawan oleh pasukan Dato' Kelana. Tentera Dato' Kelana terus mara dan menawan telapak Dato' Bandar di Kepayang pada 11 November.⁴⁸ Seminggu kemudian Rahang dibakar. Ini memberi tamparan yang hebat kepada Dato' Bandar kerana hampir semua kawasan perlombongannya ditawan oleh Dato' Kelana. Dato' Kelana telah berjaya melumpuhkan sumber kewangan Dato' Bandar. Bantuan yang diharapkan dari Selangor tidak sampai sementara pelombong-pelombong China yang bekerja dengan Dato' Bandar melarikan diri ke Selangor. Setelah dua bulan peperangan berjalan dan Dato' Bandar telah menjangkakan kekalahan yang bakal diterimanya, ia telah menghantar wakil untuk berunding dengan kerajaan Inggeris di Singapura. Dengan pengakuan ini peperangan ditamatkan dan keamanan dapat dipulihkan di Sungai Ujong. Walaupun keamanan dapat dipulihkan namun permusuhan peribadi diantara Dato' Bandar dengan Dato' Kelana tetap berjalan sehinggalah kedua-dua pemimpin ini meninggal dunia dan digantikan oleh Dato' Bandar dan Dato' Kelana yang lain.⁴⁹

Peperangan selama hampir 42 tahun (1832-74) ini telah memusnahkan kekayaan Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Dua bulan terakhir peperangan ini menyaksikan bagaimana

⁴⁸Samad Idris, *op.cit*, hal. 69.

⁴⁹Ibid, hal. 70.

permusuhan dua orang pembesar tempatan telah mengakibatkan orang-orang Inggeris mengambil kesempatan atas ketidakstabilan keadaan politik di Sungai Ujong. Jika keamanan dapat dicapai pada tahun 1830 hingga 1870 kerajaan Inggeris tidak akan dapat campur tangan kerana mereka tidak ada sebab untuk berbuat demikian.

Jawatan Dato' Kelana atau Undang telah disandang oleh 16 orang dari To' Kelambu hingga kini. Susunannya adalah seperti dibawah.

1. To' Kelambu
2. To' Musang
3. To' Selat
4. To' Danoh Buaya
5. Penghulu Kadim
6. Penghulu Pandak
7. Penghulu Chantek atau Rumah Gadang
8. Dato' Kelana Bador - 1760 - Perut Hulu
9. Dato' Kelana Leha - 1780 - Perut Hulu
10. Dato' Kelana Bahi - 1800 - Perut Hilir
11. Dato' Kelana Kawal - 1830 - Perut Hulu
12. Dato' Kelana Sending - 1850 - Perut Hilir
13. Dato' Kelana Syed Abdul Rahman - 1850 - Perut Hilir
14. Dato' Kelana Lela Setia Mohamad Yusof - 1881 - Perut Hilir

15. Dato' Kelana Maamor Kassim - 1881 - Perut Hulu

16. Dato' Kelana Mohamad Kassim - 1916 - Perut Hilir

3.6 Krisis Dalam Memilih Bakal Pemimpin

Menjelang abad ke 19 telah berlaku satu perselisihan mengenai soal pengganti jawatan Undang diantara Dato' Kelana Bahi dengan anak saudaranya, Kawal. Jika mengikut salasilahnya, Kawal merupakan anak kepada Dato' Bandar Megah dan menerusi ibunya beliau adalah cucu kepada Dato' Kelana Leha. Beliau dikatakan tidak akan dapat mengambil alih jawatan bapanya sebagai Dato' Bandar. Oleh yang demikian, beliau menuntut supaya jawatan Dato' Kelana diwarisi oleh anggota dari kalangan kumpulan keturunan nisab ibu juga. Tuntutan ini akhirnya dapat diselesaikan dan Kawal telah menjadi Dato' Kelana ke 4 - 1830-1850.

Dalam masa yang sama satu sistem giliran telah diperkenalkan yang menghendaki keluarga Bahi dan keluarga Kawal dan berkongsi menjawat jawatan Dato' Kelana. Bagi memastikan agar sistem gelaran ini dapat dilaksanakan dengan sempurnanya maka sistem itu telah diperkemas lagi dengan mengasaskan dua 'perut'. Dengan itu wujud dua perut yang berpihakkan kepada nisab ibu di Sungai Ujong untuk jawatan Dato' Kelana iaitu perut Hulu dari keturunan Dato' Kelana Leha dan perut Hilir dari Keluarga Dato' Kelana Bahi. Rujuk lampiran Terombo Keturunan.

Krisis dalam pemilihan Dato' Kelana dan Dato' Bandar merupakan satu yang baru di dalam Luak Sungai Ujong. Di zaman permulaan sistem berundang pemilihan biasanya mencapai kebulatan kerana waris yang menuntut tidak ramai dan Lembaga yang membuat kata putus. Jika adapun pertelingkahan ini dapat diselesaikan kerana masing-masing mempunyai pengetahuan yang luas mengenai adat dan salasilah keturunan. Dato'-dato' Lembaga pula memahami tanggungjawab yang dipegangnya. Mereka berpegang kepada perbilangan adat;

Bulat anak buah menjadi Buapak
 Bulat Buapak menjadi Lembaga
 Bulat Lembaga menjadi Penghulu
 Bulat Penghulu menjadi keadilan.⁵⁰

Perbilangan atau hukum adat ini terang-terang menekankan perkataan "bulat" iaitu bermaksud keputusan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berhak membuat pemilihan dan perlantikan.

Krisis awal pemilihan dan perlantikan Dato' Undang hanya memuncak di abad ke 20 ini apabila masing-masing cuba menjadi calon untuk mengisi kekosongan jawatan setelah kematian mana-mana undang. Krisis Dato' Bandar misalnya berlanjutan setelah kematian Dato' Abu Bakar Kassim pada 1979 sehingga kemuncaknya di bawa ke Mahkamah Tinggi Seremban oleh lembaga yang tidak puas hati.

⁵⁰ Mohamad Ibrahim, Kemana Hilangnya Kemuafakatan Adat, Berita Minggu, 25 Jun 1988.

Krisis pemilihan dan perlantikan Dato' Bandar bermula setelah kematian Dato' Bandar Sungai Ujong pada 24 Disember 1982.⁵¹ Sementara krisis pemilihan dan perlantikan Dato' Kelana bermula dari kematian Dato Kelana Putera Mohamad Kassim bin Dato' Nika Haji Abd. Rashid pada 28 Oktober 1983.⁵² Dari saat ini krisis pemilihan dan perlantikan Dato' Kelana dan Dato' Bandar masih lagi berlanjutan sehingga sekarang.

Krisis pemilihan Dato' Kelana berlarutan hingga sekarang kerana tidak adanya pemuafakatan diantara Dato'-Dato' Lembaga waris di Darat. Sebab utama berlakunya krisis ini ialah kerana wujudnya dua waris yang menuntut serentak satu daerah, iaitu waris di Hulu dan waris di Hilir. Sepatutnya hanya waris perut Hulu saja yang berhak menuntut pesaka Dato' Kelana kerana Dato' Kelana yang baru meninggal merupakan waris di Hilir.⁵³ Keadaan ini dirumitkan lagi dengan pemecatan Dato' Andulika Mendulika Fadzil Nordin yang menjadi tunggal waris di Darat oleh Dato' Lembaga waris di Darat yang tidak puas hati.

Bagi pesaka Dato' Bandar pula krisis ini meruncing kerana wujudnya tuntutan-tuntutan gelaran untuk menyandang

⁵¹ _____, Utusan Malaysia, 25 Disember 1982.

⁵² _____, Berita Harian, 29 Oktober 1983.

⁵³ Perlantikan Dato Bandar masih lagi dipertikaikan oleh waris di Air Sungai Ujong kerana dikatakan tidak mendapat perintah waris yang sah dan pengiktirafan dari Lembaga Tiang Balai.

pesaka Dato' Bandar oleh mereka yang tidak berhak. Waris di Air yang berhak menyandang pesaka Dato' Bandar ini terbahagi kepada 4 perut iaitu, Nenek Susu Dara, Susu Ganda, Tunggal dan Nenek Sulong.⁵⁴ Dato' Bandar Abu Bakar yang meninggal dunia dulu merupakan waris perut Tunggal dan jika mengikut giliran perut yang layak untuk menuntut pesaka Dato' Bandar ialah perut Sulong. Tetapi ketiga-tiga perut ini masih menuntut pesaka Dato' Bandar walaupun bukan giliran mereka.

Bermula dari tuntutan-tuntutan waris atau perut yang bukan hak inilah yang menyebabkan timbulnya krisis yang berpanjangan. Tetapi ini merupakan sebahagian kecil saja dari punca krisis tersebut.

Krisis diperingkat awal timbul oleh sebab soal mendapatkan sumber kekayaan dari bijih timah. Sesiapa yang dilantik menjadi Dato' Bandar ia menguasai kawasan yang kaya dengan bijih timah di Sungai Ujong. Disamping menguasai kawasan bijih timah yang kaya di Sungai Ujong Dato' Bandar juga akan menguasai jalan perdagangan di Sungai Linggi. Oleh itu jawatan Dato' Bandar menjadi rebutan diantara anak-anak waris kerana jawatan ini menjanjikan kekayaan dan kemewahan. Jadi tidak hairanlah ramai buapak-buapak dan lembaga-lembaga cuba untuk menonjolkan calon dari waris masing-masing kerana jika

⁵⁴Lampiran rajah.

calon mereka dipilih dan dilantik mereka juga akan menikmati faedah yang didapati atau diperolehi oleh Dato' Bandar. Kesempatan-kesempatan seperti ini menjadikan jawatan Dato' Bandar menjadi buruan dan idaman semua waris. Mereka tidak lagi memikirkan peranan atau tanggungjawab yang dipikul tetapi memikirkan ganjaran dan kemewahan yang dijanjikan oleh jawatan Dato' Bandar itu.

Keadaan ini berubah sedikit apabila orang-orang Inggeris campur tangan dan menguasai pentadbiran Sungai Ujong. Apabila pemerintah di bawah naungan orang-orang Inggeris (British) telah kukuh, Dato' Bandar dan Dato' Kelana tidak lagi dibenarkan memungut cukai di dalam luak masing-masing. Sebagai ganti rugi mereka diberikan ganjaran wang sara hidup. Semua cukai dipungut oleh kerajaan Inggeris dan wang sara hidup Dato' Bandar dan Dato' Kelana dibayar oleh kerajaan Inggeris. Jumlah ditetapkan oleh kerajaan Inggeris dari satu masa ke satu masa. Sepatutnya keadaan ini tidak menimbulkan perebutan atau krisis untuk pemilihan Dato' Bandar dan Dato' Kelana kerana kedudukan dan sumber kekayaannya telah tersekat tetapi perebutan dan krisis tetap wujud.

Puncanya ialah kerajaan Inggeris masih mengekalkan status Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Bahkan kerajaan Inggeris telah meninggikan status dan taraf kedua-dua pemimpin ini ketaraf yang lebih tinggi. Anak-anak mereka mendapat keistimewaan untuk belajar di sekolah-sekolah yang dikhaskan untuk golongan bangsawan seperti di Maktab

Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan beberapa keistimewaan lain. Keadaan ini meningkatkan lagi konflik dan perebutan jawatan itu untuk kepentingan peribadi kelompok mereka.

Undang bagi tiap-tiap luak merupakan salah seorang ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri dan menjadi ahli Dewan Keadilan. Oleh itu perlantikan mestilah dipersetujui oleh kerajaan walaupun ia dilantik oleh waris. Jika diteliti dan diamati sistem ini merupakan penurunan taraf kuasa Dato' Kelana dan ia merupakan satu penyesuaian yang dilakukan oleh Inggeris. Ini menunjukkan wujud perubahan daripada satu masa ke satu masa dimana adat disesuaikan mengikut perubahan pemerintah.⁵⁵

Krisis perlantikan Dato' Bandar ke 15 iaitu Kapten Shaari Hj. Hassan tidak tamat setelah perlantikannya bahkan bertambah rumit dan kritikal. Walaupun Dato' Bandar yang baru dilantik pada telah diakui oleh Dewan Keadilan dan wang sara hidupnya dibayar tetapi waris dan buapak masih mempertikaikan kedudukannya. Mungkin untuk mengokohkan kedudukannya ia telah memecat Buapak dan Dato' Lembaga yang tidak menyokongnya. Tapi dari segi adat pemecatan ini tidak sah kerana ketiadaan Dato' Kelana kerana perbuatan Dato' Bandar mesti dikokohi oleh Dato' Kelana. Jadi berlaku pemecatan tujuh orang Buapak dan

⁵⁵Bantahan perlantikan Undang Luak Jelebu, Dato' Shamaludin, 25 Julai 1957.

Lembaga waris di Air seperti dipaparkan oleh akhbar Berita Harian 1 Ogos 1983.

Krisis ini diburukkan lagi apabila Dato' Kelana Putera Mohamad Kasim uzur dan tidak dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Dato' Bandar yang baru telah diistiharkan tiga hari sebelum kemangkatan Dato' Kelana, dan ini menimbulkan prasangka buruk oleh waris di Air, walaupun calon yang dipilih telah dikemukakan oleh Lembaga waris di Air dan diserahkan calon berkenaan kepada Dato' Seri Maharaja Diraja Razak Jahi sebagai Lembaga Tiang Balai untuk disahkan. Kemudian calon itu diserahkan kepada Dato' Kelana untuk diistiharkan.

Apabila berlaku kekosongan jawatan Dato' Seri Maharaja Diraja, Dato' Bandar telah melantik Dato' Azman Jamlus sebagai Dato' Seri Maharaja. Malangnya apabila Dato' Azman menjalankan tugas dan peranannya sebagai Dato' Lembaga Tiang Balai dalam mencari bakal penyandang Dato' Kelana, Dato' Azman telah dipecat dengan alasan tidak memaklumkan kepada Dato' Bandar sebelum berkerapatan.⁵⁶ Sekali lagi kekecohan timbul. Pemecatan Dato' Seri Maharaja Razak Jani dan tujuh lembaga yang lain adalah kerana tidak bersetuju dengan perlantikan Dato' Bandar yang ada pada hari ini sementara pemecatan Dato' Azman Jamlus kerana dikatakan ia tidak mengikut nasihat Dato'

⁵⁶ Temuramah dengan Dato' Muda Labu Zainudin Abdullah. Juga dalam Berita Harian, 1.8.83.

Bandar. Pemecatan Dato' Razak Jani dan tujuh Dato' lembaga waris di Air jelas menunjukkan bahawa perlatikan Dato' Bandar yang ada pada hari ini tidak mendapat persetujuan Dato' Seri Maharaja dan Dato'-dato Lembaga yang lain sebagai tunggak waris di Air.

Pemecatan Dato' Razak Jani dan tujuh lembaga waris di Air ini meruncingkan keadaan. Walaupun Dato' Seri Maharaja yang baru dilantik bersama-sama dengan tujuh Buapak yang lain tetapi waris tetap memandang dan beranggapan bahawa Dato' Bandar seolah-olah menjalankan dasar kuku besi. Pemecatan Dato' Azman dan Dato' Muda Labu pada asasnya tidak sah kerana ketiadaan Dato' Kelana. Dan Dato' Bandar tidak sepatutnya mencampuri urusan Dato' Lembaga Sungai Ujong dan tidak perlu untuk turut serta dalam pencarian Dato' Bandar. Sepatutnya sebagai tunggak waris di Air, Dato' Bandar menjadi orang tengah dan pendamai untuk menjalankan undang-undang adat yang sedia ada. Undang-undang adat yang dipusakai mestilah diselami oleh Dato' Bandar. Ini kerana undang-undang ini merupakan sebahagian daripada sistem kebudayaan masyarakat itu sendiri. Ia merupakan satu aspek yang digunakan untuk mengawal organisasi masyarakat itu dan juga menentukan individu itu menjalankan tugasnya sebagaimana yang sepatutnya dijalankan dan mereka akan dihukum sekiranya mereka melanggar norma atau aturan yang biasa. Satu cara yang melibatkan tindakan cepat masa itu pada keseluruhannya ialah menyelesaikan pertelingkahan itu

melalui tindakan masyarakat itu sendiri (melalui ibu soko, Buapak dan Lembaga).

Abdullah Taib ada mengulas dan menjelaskan caramencari dan menyelesaikan masalah dan konflik seperti yang berlaku dalam pengamalan Adat Perpatih khususnya dalam perlantikan Dato' Bandar. Ia melibatkan tindakan masyarakat yang mempunyai kelompok-kelompok tertentu yang mengujudkan organisasi yang agak mudah tetapi kompleks. Organisasi kelompok tempatan ini mempunyai hubungan darah atau ikatan persanakan yang menjadi pengawal anggota. Buapak dan Lembaga merupakan ketua kelompok ini dan ia bertindak sebagai satu unit otonomi untuk menyelesaikan semua masalah.⁵⁷ Tetapi jika kuasa ini cuba disekat oleh pihak lain seperti yang berlaku pada hari ini Buapak dan Lembaga tidak akan dapat menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka dengan baik.

Lembaga Tiang Balai⁵⁸ pula menganggap kuasa dan tanggungjawab mereka terbatas kerana melibatkan satu perkara yang rumit dan memerlukan kerjasama semua pihak seperti kata pepatah:

⁵⁷ Abdullah Taib, Asas-asas Antropologi, DBP, Kuala Lumpur, 1985, Hal. 183.

⁵⁸ Lembaga Tiang Balai ada tiga orang tidak termasuk Dato' Bergajah Tunggal untuk mencukupkan empat orang. Seorang di Darat, Dato' Dagang Paroi dan seorang di Air Dato' Muda Labu. Sementara Lembaga Tiang Balai yang tetap ialah Dato' Andulika Mendulika, Dato' Seri Maharaja Diraja dan Dato' Akhirzaman Rantau.

Ke bukit sama didaki
Ke lurah sama dituruni
Ke laut sama direnangi

Tetapi untuk mengikut atau mengamalkan pepatah ini bukan perkara yang mudah. Masing-masing cuba untuk menonjolkan kuasa dan peranan masing-masing hingga menyebabkan perjalanan adat yang mudah menjadi bercelaru.

LAMPIRAN

DATO' LEMBAGA SUNGAI UJONG

1. DATO' ANDULIKA MENDULIKA

Gelaran Dato' Andika Mendulika (Dato' Nika) merupakan satu gelaran yang diberikan oleh Bendahara Sekudai ketika ia membahagikan gelaran kepada anak-anaknya sebelum ia berpindah ke Pahang. Sebagai seorang yang bertanggungjawab sebelum ia meninggalkan Sungai Ujong ia telah membahagikan gelaran kepada anak-anaknya. Dato' Kelambu sebagai anak yang sulung diberi gelaran Penghulu Menteri, penghulu yang memerintah negeri dan menjadi penghulu pertama Sungai Ujong. Anak yang ketiga iaitu To' Semerga diberi gelaran Dato' Seri Maharaja Di Raja dan anak yang bongsu diberi gelaran Dato' Andulika Mendulika. Dari sinilah bermulanya jawatan dan gelaran Dato' Nika.

Keturunan Dato' Nika

Dato' Nika merupakan anak bongsu Bendahara Sekudai yang berkahwin dengan Batin Sibu Jaya yang bernama To' Seri Mani (seorang perempuan). To' Seri Mani berkahwin dengan seorang pemuda tempatan dari Teraci dan mempunyai 4 orang anak. Keempat-empat orang anak To' Seri Mani kemudian membentuk empat perut yang berhak menyandang pesaka bergelar dan ia dipunyai oleh perempuan. Tetapi yang menyandang pesaka ini ialah lelaki. Sesuai seperti perbilangan adat pesaka pada perempuan dan penyandang pada lelaki.

Pecahan perut penyandang pesaka Dato' Nika kepada empat hanya berlaku pada 1911. Sebelum 1911 penyandang pesaka Dato' Nika hanya diambil dari lingkungan Bukit Tunggul. Dato' Nika di bantu oleh Dato' Sinda Maharaja yang dianggap oleh Hooker sebagai Timbalan Dato' Nika bagi mentadbir mukim pantai. Selepas 1911 gelaran untuk menyandang pesaka Dato' Nika dipecahkan kepada empat perut.

1. Kampung Ayer Hangat
2. Kampung Jiboi

3. Kampung Kuala Jerlang
4. Kampung Bukit

Pesaka Dato' Nika hendaklah digilirkan kepada empat perut ini. Keempat-empat perut ini mempunyai Buapak masing-masing yang bertanggungjawab dalam perut masing-masing. Tua kepada waris Dato' Nika ialah Dato' Sinda. Ini bermakna Dato' Sinda mempunyai tanggungjawab yang besar dalam waris Dato' Nika. Waris Nika ini juga dipanggil waris Pantai. Jika berlaku kekosongan Dato' Nika, Dato' Sinda akan meminta perut yang menyandang pesaka Dato' Nika agar memilih bakal penyandang. Setelah kebulatan tercapai di kalangan Buapak ke empat-empat perut maka diserahkan kepada Dato' Sinda. Barulah diistiharkan perlantikan jawatan Dato' Nika dan dikemukakan kepada Dato' Kelana dan Dato' Bandar. Barulah dihantar kepada Dewan Keadilan untuk disahkan.

Dari To' Seri Mani hingga kini sudah 15 orang yang menjawat pesaka Dato' Nika.

1. Dato' Lentur
2. Dato' Tebu Ambo
3. Dato' Pengut
4. Dato' Jaya
5. Dato' Jani
6. Dato' Segar
7. Dato' Ulang
8. Dato' Alang
9. Dato' Lembing
10. Dato' Gentum
11. Dato' Minah
12. Dato' Chantek
13. Dato' Hj. Mohd Rashid
14. Dato' Said Jonid
15. Dato' Fadail Nordin

Kuasa yang tanggungjawab

Dato' Nika merupakan lembaga Tiang Balai lembaga di Sungai Ujong. Bermakna semua masalah atau perkara yang berbangkit mengenai Sungai Ujong Dato' Nika yang bertanggungjawab. Disamping menjadi lembaga Tiang Balai ia juga menjadi lembaga waris di Darat. Ketiadaan Dato' Kelana di Sungai Ujong seperti sekarang ini menyebabkan Dato' Nika menjadi amat penting. Ketika Dato' Kelana nazak dan kemudiannya diistiharkan meninggal dunia oleh doktor maka menjadi tanggungjawab Dato' Nika untuk

mengistiharkan kematian Dato' Kelana. Secara tidak langsung Dato' Nika menjadi pemangku undang sehingga Dato' Kelana yang baru dilantik. Pada masa yang sama Dato' Nika bertanggungjawab untuk mencari bakal undang dengan pertolongan Buapak waris yang berhak. Buapak waris yang berhak mesti berkebulatan antara anak-anak buahnya untuk mencari siapakah bakal penyandang pesaka Dato' Kelana. Setelah berkebulatan barulah dikemukakan kepada Dato' Nika. Dato' Nika yang menentukan sama ada calon itu dipilih dari benih yang benar-benar baik atau baka yang dipilih itu mempunyai kecacatan dari segi adat.

Di Sungai Ujong Dato' Nika dikatakan berhak untuk menakek, mempalas, menarah bakal Dato' Bandar dan Dato' Kelana bersama-sama lembaga Tiang Balai yang lain. Maksud menakek, mempalas dan menarah daripandangan adat perpatih ialah mengkaji, meneliti dan memastikan bakal (calon) Dato' Bandar dan Dato' Kelana benar-benar seorang waris yang berhak bukannya dipilih secara rambang atau ada kepentingan sesetengah pihak. Dalam hal ini kejujuran dan amanah merupakan perkara pokok kepada Dato'-dato' lembaga terutama Dato' Nika yang dianggap sebagai tunggak kepada Lembaga Tiang Balai (Tua Tiang Balai).

Dalam upacara pemakaman Dato' Kelana, Dato' Nika memainkan peranan utama untuk menyiapkan segala kelengkapan dan persiapan. Dato' Nika akan menyempurnakan pemakaman ini mengikut adat istiadat yang menjadi turun temurun. Dan pada masa yang sama Dato' Nika akan menyebarkan kepada Dato' Bandar nama bakal penyandang Dato' Kelana yang telah dipersetujui oleh waris. Setelah diistiharkan barulah upacara pemakaman dijalankan dengan diketuai oleh Dato' Nika dan disaksikan oleh Dato' Kelana yang baru diistiharkan.

Dato' Nika juga mendakwa mempunyai kuasa tertinggi dari segi aturan adat di Sungai Ujong. Dakwaan ini ada kebenarannya kerana ia berhak untuk memilih nama-nama calon bakal penyandang pesaka Dato' Kelana dan Dato' Bandar yang dikemukakan oleh Buapak waris. Jika ini dijadikan bukti dan alasan memang kuasa Dato' Nika lebih besar dan luas dari Dato' Kelana. Ini bolehlah diibaratkan seperti raja berperlembagaan pada hari ini. Dato' Nika mempunyai kuasa dalam keadaan tertentu tetapi dalam satu keadaan lain Dato' Kelana pula berhak untuk menjatuhkan hukuman dan kuasa Dato' Kelana melebihi kuasa Dato' Nika, kuasa Dato' Kelana seperti kata pepatah,

Pedang pemancung pada Undang
Keris penyalang pada Undang

Sebagai Lembaga Tiang Balai Dato' Nika mempunyai kuasa yang luas dan mempunyai negeri atau mukim sendiri untuk ditadbir. Dato' Nika berkuasa di Mukim Pantai satu kawasan yang terletak di dalam lingkungan waris di Darat. Di sini Dato' Nika mempunyai kuasa seperti pembesar-pembesar yang lain. Berhak untuk menghukum dan memastikan perjalanan adat dipatuhi, Dato' Nika hanya berhak menyampaikan kepada Dato' Kelana tentang masalah-masalah pembunuhan sahaja. Hal-hal yang lain diselesaikan sendiri oleh Dato' Nika dengan buapak-buapak yang bernaung di bawah Dato' Nika. Dato' Nika juga menjadi penasihat kepada Undang, sesuai dengan kedudukannya sebagai Tuan Lembaga Tiang Balai. Dalam hal ini Dato' Nika berhak untuk menyuarakan masalah-masalah atau aturan adat yang mesti dipatuhi oleh Dato' Kelana. Kerana ada kemungkinan Dato' Kelana yang dipilih dan dilantik kurang memahami perjalanan atau aturan adat di Sungai Ujong.

Secara teorinya Dato' Nika sebagai Tua Lembaga Tiang Balai Luak di Darat dan di Sungai Ujong merupakan penasihat kepada pemerintahan Dato' Kelana dan Dato' Bandar. Dato' Nika berhak untuk menyuarakan pandangan dan pendapat mengenai pentadbiran di Sungai Ujong. Sama ada pemerintahan itu mengikut aturan adat turun temurun atau sebaliknya. Jika berlaku kesalahan atau pelanggaran aturan adat oleh Dato' Kelana dan Dato' Bandar, Dato' Nika berhak untuk mengumpulkan waris untuk mendapat kata putus dan dalam hal ini Dato' Nika berhak untuk menyuarakan pendapat agar Dato' Bandar atau Dato' Kelana yang melanggar pantang larang adat itu dipecat. Jika dalam kecapatan itu persetujuan dicapai oleh waris untuk memecat maka Dato' Nika berhak untuk mengistiharkannya dan menyampaikan kepada Undang. Dan dengan sendirinya Dato' Kelana terpecat dan hilang semua hak sebagai Undang begitu juga dengan Dato' Bandar.

Pada setiap tahun, Dato' Nika akan mengumpulkan semua lembaga dan Buapak Luak Sungai Ujong di Balai Dato' Kelana. Masa yang dipilih ialah pada 2 hari raya. Dato' Nika akan mendengar segala masalah anak buah yang disampaikan oleh lembaga dan Buapak masing-masing. Dato' Nika akan bertanya apa-apa kemuskilan atau masalah di kawasan masing-masing dan akan cuba diselesaikan oleh Dato' Nika. Bila berkaitan hukum disampaikan kepada qadi, masalah tanah disampaikan kepada pegawai daerah. Setelah semua Buapak dan lembaga memberi laporan semua masalah di Sungai Ujong kepada Dato' Nika, Dato' Nika akan mencatatkannya sebagai ingatan dan disembahkan kepada Dato' Kelana. Ketika Dato' Nika menyembahkan semua masalah rakyat kepada Dato' Kelana dihadapan semua Buapak dan lembaga. Semua masalah atau kemuskilan ini disembahkan satu persatu kepada Dato' Kelana. Dato'

Kelana akan membawa semua masalah rakyat ini kepengetahuan Dewan Keadilan dan disampaikan kepada pihak yang berkuasa. Ini yang dinamakan berjanjang naik berjanjang turun mengikut saluran.

Waris yang berhak dalam perlantikan

Bukti bertulis banyak menyatakan asal keturunan Dato' Nika adalah berasal dari Dato' Seri Mani, anak kepada Bendahara Sekudai. Ini bermakna semua yang menyandang gelaran Dato' Nika mestilah berketurunan dari To Seri Mani yang berkahwin dengan seorang Teraci. Dari sinilah berkembangnya waris Andika. Pada peringkat awal waris Andika hanya mendiami kawasan Pantai di kawasan lingkungan Bukit Tunggul dan adalah dipercayai gelaran pesaka Dato' Nika ini hanya terpecah kepada dua iaitu perut Dato' Nika dan perut Dato' Sinda. Pesaka ini digilir-gilirkan. Dato' Sinda merupakan timbalan kepada Dato' Nika atau lebih dikenali sebagai tua waris Nika. Pada 1911 kedua-dua perut ini berpecah menjadi empat perut mengikut nama kampung.

1. Kampung Air Hangat
2. Kampung Jiboi
3. Kampung Kuala Jerlang
4. Kampung Bukit

Penulis berpendapat ada tiga sebab utama mengapa wujud perpecahan talian kumpulan penyandang waris Andika kepada empat waris atau perut seperti yang wujud pada hari ini.

1. Perkembangan keluarga
2. Wujud perpindahan waris
3. Penerokaan pertempatan baru

1. Perkembangan Keluarga

Penulis berpendapat faktor perkembangan keluarga merupakan ciri utama dalam proses pemecahan kelompok waris Andika. Pada zaman awal pemerintah berundang dan berlembaga pada awal 1700 hanya wujud beberapa keluarga yang membentuk beberapa buah kampung. Masyarakat tidak

ramai dan keadaan masih belum kompleks. Jadi pemilihan bakal pemimpin adalah mudah. Hanya perlu digilirkan kepada beberapa kelompok keluarga. Adalah dipercayai pertempatan awal di Mukim Pantai hanya tertumpu di Kampung Bulut Tunggal. Apabila masyarakat berkembang dan wujudnya imigran dari Sumatera dan berkahwin dengan penduduk tempatan menyebabkan wujudnya pertambahan penduduk yang nyata. Perkahwinan ini melahirkan satu generasi baru yang memerlukan kawasan pertempatan yang baru. Tanah yang dipusakai semakin menyempit oleh itu perlu berpindah untuk mengatasi masalah kesesakan.

2. Perpindahan Waris

Bila masyarakat semakin berkembang dan bertambah ramai migrasi tidak dapat dielakkan. Dalam hal ini ada dua cara perpindahan, pertama perpindahan di luar kawasan atau kedua perpindahan di dalam lingkungan tetapi hanya berlainan tempat. Apabila wujudnya pertempatan baru akibat perpindahan waris ini akan mewujudkan satu fenomena baru siapa yang akan mentadbir dan mengurus aturan adat. Oleh itu mereka menuntut untuk melantik buapak yang lain. Dengan ini wujud pecahan dari perut yang sama. Lama kelamaan mereka menuntut agar mereka juga diberi hak untuk menyandang pesaka Dato' Nika kerana mereka juga waris yang berhak menyandang.

3. Penerokaan Pertempatan Baru

Apabila wujud perpindahan waris di kawasan luar lingkungan seperti di Ampangan akibat perkembangan waris akan menyebabkan wujudnya perpecahan waris Andika. Secara tidak langsung mereka juga akan mendakwa mempunyai hak untuk mempusakai pesaka Dato' Nika kerana mereka juga adalah waris. Mewujudkan waris luar lingkungan seperti waris Kampung Jiboi.

Semua ini berlaku apabila bijih timah mula dijumpai dan Sungai Ujong mula berkembang menjadi satu kawasan yang maju dan makmur. Hanya pada tahun 1911 barulah keadaan ini mula menampakkan keadaan yang berbeza kerana ia mula diiktiraf mempunyai empat perut. Mulai dari tarikh ini pesaka Dato' Nika digilirkan kepada empat perut ini.

Bila berlaku kekosongan Dato' Nika maka Dato' Sinda akan memastikan perut yang layak untuk menyandang pesaka Dato' Nika. Buapak yang berhak untuk memilih dan melantik Dato' Nika akan memilih bakal penyandang pesaka Dato' Nika. Calun yang dipilih mestilah calun yang benar-benar layak dan berkebolehan dalam aturan adat di Sungai Ujong kerana ia merupakan lembaga Tua Tiang Balai. Oleh itu ia mesti memahami dan mendalami adat Sungai Ujong. Jadi calun yang dipilih untuk menjawat jawatan Dato' Nika mestilah tokoh adat yang diterima oleh masyarakat dan ahli warisnya.

Pesaka Dato' Nika ini hendaklah digilirkan kepada empat perut ini. Bermakna keempat-empat perut ini mempusakai pesaka Dato' Nika. Geleran ini dilakukan dan dijalankan mengikut aturan kampung. Dari Kampung Bukit ke Kampung Jiboi. Pesaka ini digilirkan secara berpusing. Dan setiap kampung mesti berkebulatan untuk melantik. Jika tidak berkebulatan atau tidak ada calun yang layak maka pesaka Dato' Nika berpindah kepada kampung berikutnya. Dalam hal pemilihan, ini buapak dan ibu soko memainkan peranan penting. Pesaka Dato' Nika merupakan pesaka perempuan. Ada tiga alasan untuk melihat atau mengkaji pesaka Dato' Nika. Pertama pesaka, kedua ibu soko, ketiga baka. Pesaka yang dimaksudkan ialah pesaka Dato' Nika atau jawatan, ibu soko merupakan perut atau gelaran atau keturunan sementara baka merupakan benih atau keturunan. Semua ini disatukan menjadi pesaka Dato' Nika. Baka yang berhak untuk menyandang pesaka Dato' Nika mestilah dari baka yang berhak atau waris yang benar-benar diiktiraf oleh adat. Maksud diiktiraf oleh adat ialah ibu soko itu mempunyai bukti-bukti dari segi aturan adat seperti pencen pada hari ini. Pencen ini menjadi bukti bahawa ia benar-benar waris dan berhak menerima pesaka.

2. DATO' AKHIRZAMAN RANTAU

Dato' Akhirzaman (Akhir) Rantau merupakan salah seorang Lembaga Tiang Balai di Sungai Ujong. Adalah dikatakan ia berkuasa di Mukim Rantau sebagai seorang pembesar tempatan. Sejarah membuktikan bahawa Rantau dibuka lebih awal dari pembukaan Sungai Ujong. Bukti pertama apabila Bendahara Sekudai mudik Sungai Linggi dan berkahwin dengan anak seorang Batin Orang asli di Linggi, ia telah memilih Seliau sebagai tempat tinggalnya. Walaupun ketika itu tidak dapat dipastikan Rantau telah berpenghuni tetapi bukti ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa Rantau telah mula dibuka dan didiami. Bukti kedua Sejarah Melayu ada menyebutkan bahawa di zaman kerajaan Melayu Melaka telah wujud pembesar-pembesar dipendalaman

Sungai Ujong yang tunduk kepada pemerintah Melaka. Kenyataan ini disokong oleh Prof. Khoo Kay Kim dalam bukunya "The Western Malay State 1850-75". Jika ini dijadikan hujah bermakna mukim Rantau lebih awal dibuka dari Sungai Ujong. Ini bermakna Rantau telah berpenghulu sezaman dengan pembukaan kerajaan Melayu Melaka. Tapi tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana dalam Sejarah Melayu tidak menyebut secara khusus nama Rantau sebagai satu tempat. Istilah atau nama Rantau hanya digunakan dalam awal abad yang ke 19.

Menurut sejarah lisan pula Rantau telah dibuka oleh seorang anak Dato' Kelana. Tetapi tidak dapat dipastikan anak Dato' Kelana yang keberapa, cuma dinyatakan Mukim Rantau ini dibuka dan diteroka oleh salah seorang anak Dato' Kelana. Pepatah ada menyebutkan :

"Dari Pagar Ruyung turun ke Johor Lama,
lalu ke Sekudai, naik ke Inas, turun ke
Rembau, lalu ke Lukut, mudik ke Rantau
lalu membuka belah".

Jika ditafsirkan pembilangan adat ini bolehlah disimpulkan bahawa yang dikatakan membuka belah itu bukanlah Dato' Akhir tetapi peneroka-peneroka Minangkabau yang berhijrah ke Rantau. Seorang sarjana tempatan Dr. Khazin berpendapat sudah menjadi tradisi para perantau khususnya masyarakat Minangkabau untuk mengembara dan mencari pertempatan baru untuk memulakan penghidupan baru. Ciri ini menjadi tanda kepada masyarakat Minangkabau. Setelah puas merantau mereka menetap disatu kawasan dan menamakannya Rantau. Sama seperti yang terdapat di Kalimantan. Ini sama seperti apa yang dinyatakan oleh Dato' Akhirzaman Salihan Ismail yang menyatakan Rantau mendapat nama setelah anak Dato' Kelana puas merantau dan membuka petempatan di Rantau.

Pertempatan awal Rantau dibuat di Kampung Gedang tapi pertempatan ini hanya tinggal kesan kerana telah ditinggalkan. Dari Kampung Gedang inilah Rantau berkembang menjadi beberapa buah kampung seterusnya mewujudkan Mukim Rantau sekarang. Pertempatan awal dilakukan di tepi Sungai Linggi untuk memudahkan perhubungan dengan dunia luar. Pertempatan awal Rantau ini telah menjadi Ladang Linsum.

Keturunan Dato' Akhirzaman

Sejarah lisan menyatakan Dato' Akhirzaman merupakan keturunan Dato' Kelana Putra. Dan tidak kurang juga yang berpendapat ia berasal dari Bendahara Sekudai. Gullick berpendapat waris Rantau berasal dari Penghulu Menteri yang berkahwin dengan anak seorang Batin Sakai. Ia menambah anak Sakai itu berasal dari Lengging. Jadi bolehlah disimpulkan bahawa keturunan Dato' Akhirzaman ini berasal dari perkahwinan pembesar Sungai Ujong dengan seorang anak Batin Orang Asli. Keturunan inilah yang membentuk waris atau keturunan Dato' Akhir hingga kini.

Menurut sejarah lisan Dato' Akhir hanya berhak dipilih dari lima perut atau digilirkan oleh lima kampung iaitu :

1. Kampung Takau
2. Kampung Solok
3. Kampung Rantau
4. Kampung Tanjung
5. Kampung Kancung

Menurut Gullick pula hanya wujud empat perut yang layak untuk menyandang pesaka Dato' Akhir. Iaitu,

1. Kampung Takau
2. Kampung Solok
3. Kampung Rantau
4. Kampung Kanchung

Pendapat Gullick ini disokong oleh Hooker dimana ia menyatakan bahawa Dato' Akhir hanya berhak disandang oleh empat perut sahaja. Jadi tidak dapat dipastikan mengapa dan bagaimana boleh wujud perut Tanjung seperti yang didakwa oleh Dato' Akhir. Jadi jawatan Dato' Akhir hendaklah dipilih dari lima kampung ini berasaskan kepada giliran perut yang menyandangnya.

Dibawah empat perut ini menurut Gullick terdapat tujuh suku yang bernaung atau kawasan lingkungan. Suku-suku ini tidak berhak untuk menyandang pesaka Dato' Akhir. Suku-suku yang bernaung dibawah Dato' Akhir ialah,

1. Orang Jawa
2. Biduanda

3. Batu Hambar
4. Paya Kumbuh
5. Mungkal
6. Anak Acheh
7. Semelenggang

Kesemua suku ini bernaung dibawah Dato' Akhir di kawasan lingkungan iaitu di Rantau dan Kuala Sawah.

Kuasa dan Tanggungjawab

Untuk memudahkan perbincangan ini penulis akan membahagikan kuasa dan tanggungjawab Dato' Akhir kepada dua bahagian. Pertama di zaman awal kewujudan Dato' Akhir dan selepas kemasukan penjajahan Inggeris hingga kini.

Di zaman awal kewujudan Dato' akhir sejarah telah membuktikan bahawa Dato' Akhir memainkan peranan yang amat penting di Mukim Rantau. Bolehlah dikatakan Dato' Akhir merupakan pemerintah bagi Mukim Rantau. Ia berhak untuk menjalankan undang-undang adat di Rantau walaupun secara umumnya ia tertakluk kepada waris di Air dan secara tidak langsung menjadi kekuasaan Dato' Bandar. Walaupun Dato' Akhir berkuasa untuk menjalankan undang-undang adat di Rantau tetapi tidak bermakna ia bebas untuk menjatuhkan sebarang hukuman dengan sesuka hati. Ia masih terikat dengan perlembagaan adat yang didokong oleh lembaga dan Buapak yang ada dibawahnya. Dato' Akhir hanya berhak untuk menjatuhkan sebarang hukuman yang ringan tetapi untuk menjatuhkan hukuman yang berat seperti membunuh dan menderhaka undang berhak untuk menghukum sesuai dengan kata perbilangan adat :-

Keris penyalang pada Undang,
Pedang pemancung pada Undang

Selain dari kesalahan di atas Dato' Akhir berkuasa untuk menjatuhkan hukuman. Sama ada hukuman adat maupun hukuman-hukuman yang lain. Dato' Bandar dan Dato' Kelana tidak berhak untuk mencampuri urusan pemerintahan Mukim Rantau. Dato' Bandar dan Dato' Kelana hanya berhak untuk mencampuri pemerintahan mukim Rantau jika diminta oleh Dato' Akhir. Dato' Bandar dan Dato' Kelana hanya dimaklumkan keadaan di Mukim Rantau oleh Dato' Akhir. Dato' Kelana hanya mengetahui kebaikan sahaja. Seperti kata Dato' Raja Mulana :-

Dato' Akhirzaman adalah Dato' Lembaga di Rantau ini dan juga dari Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai Undang Luak Sungai Ujong Dato' Kelana Putra. Beliau adalah menjadi ketua adat perpatih dilingkungan Rantau ini, menjadi lambang kebesaran, kemuliaan, penghormatan dan menjadi penumpuan nilai-nilai masyarakat yang bertanggungjawab dalam sebarang hal yang berhubungan dengan adat istiadat, sosial dan agama iaitu sejajar dengan kata perbilangannya adat bersendikan syarak.

Dato' Akhir juga berhak untuk menakik, menarah, merata, mempelas dan memastikan bakal calon Dato' Kelana dan Dato' Bandar terdiri daripada calon yang berkelayakan dari aturan adat. Ia merupakan Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong. Bermakna Dato' Akhirzaman bersama-sama tiga Tiang Balai yang lain menjadi tunggak perjalanan aturan adat di Sungai Ujong ini. Ia berkewajipan memastikan benih yang dipilih untuk menjadi Dato' Kelana dan Dato' Bandar dipilih dan dicabut dari waris yang berhak untuk menyandang pesaka berkenaan.

Untuk menampung sara hidup Dato' Akhirzaman berkuasa untuk mengutip cukai di Sungai Linggi. Pedagang-pedagang yang berulang alik dari pendalaman yang membawa hasil hutan dan bijih timah dikenakan cukai apabila memasuki kawasan Dato' Akhirzaman. Begitu juga peniaga yang menggunakan Sungai Linggi dari Hilir ke Hulu juga dikenakan cukai. Tujuh puluh peratus daripada hasil cukai ini diberikan kepada Dato' Kelana sementara 30% daripadanya menjadi kepunyaan Dato' Akhirzaman. Dato' Akhirzaman juga berhak untuk memungut cukai dari hasil Rantau sendiri seperti hasil hutan seperti damar, rotan, bijih timah dan hasil pertanian. Semua hasil ini dicukai oleh Dato' Akhirzaman. 70% daripadanya diserahkan kepada Dato' Kelana dan 30% diberikan kepada Dato' Akhirzaman. Tidak timbul penyelewengan hasil cukai kerana Dato' Akhirzaman berpegang kepada konsep amanah dan ada tertera di dalam adat perpatih,

Kerbau dipegang kepada kelikirnya
Manusia dipegang kepada janji

Memang telah ditetapkan Dato' Akhirzaman mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti yang dinyatakan di atas.

Apabila Sungai Ujong merdeka di bawah Malaysia keadaan ini berubah. Kuasa Dato' Akhir dikurangkan

terutama kuasa memungut cukai dan mengadili orang salah. Kuasa memungut cukai diambil alih oleh kerajaan sementara kuasa mengadili kesalahan diberikan kepada pihak polis dan mahkamah. Walau bagaimanapun kuasa dari segi adat masih dipertahan dan dikekalkan. Dato' Akhir masih dianggap sebagai Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Bahkan di dalam proses perlantikan Dato' Bandar dan Dato' Kelana, Dato' Akhir masih berperanan untuk menjadi salah seorang waris yang memilih setelah disahkan oleh ibu soko dan buapak yang mencalon.

Peranan Dato' Akhir untuk menjalankan aturan adat perpatih di Sungai Ujong masih tetap berjalan seperti dulu. Di dalam upacara-upacara pentadbiran Dato' Bandar dan Dato' Kelana, Dato' Akhir tetap memainkan peranan yang penting kerana ia masih lagi dianggap sebagai Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Ini bermakna di dalam adat perpatih di Sungai Ujong Dato' Akhir masih lagi penting seperti dulu. Tidak ada pertentangan kuasa di dalam adat di Mukim Rantau bagi Dato' Akhir.

Waris yang berhak dalam perlantikan

Ada dua pendapat yang berbeza mengenai waris yang berhak dalam perlantikan. Menurut sumber lisan ada lima perut yang berhak dalam pemilihan sementara mengikut sumber bertulis terdapat empat perut sahaja. Tidak dapat dipastikan bilakah mula wujud perut atau waris baru dalam perut Dato' Akhir. Penulis berpendapat kewujudan perut atau waris baru ini sejajar dengan perkembangan manusia yang semakin berkembang. Jadi tidak mustahil salah satu perut asal berpecah menjadi satu waris lain. Perut atau waris asal Dato' Akhir ialah perut :-

1. Kampung Kakan
2. Kampung Solok
3. Kampung Rantau
4. Kampung Kanchung

Sementara menurut sumber bertulis yang terahir ada diselitkan Kampung Tanjung sebagai satu perut atau waris bagi Dato' Akhir. Ini bermakna waris Dato' Akhir hari ini ada lima perut seperti berikut :

1. Perut Solok
2. Perut Tanjung (waris baharu)
3. Perut Rantau

4. Perut Kanchong
5. Perut Takau atau kakan

Dato' Akhirzaman dipilih dan dilantik oleh ke lima-lima perut ini mengikut giliran. Sebelum Dato' Akhir dilantik calon perut yang menyandang mestilah menjawat jawatan Dato' Melana. Dato' Melana merupakan timbalan Dato' Akhir yang dipilih dari waris yang bakal menyandang pesaka Dato' Akhir. Ini bermakna apabila Dato' Akhir dilantik dari perut Solok misalnya Dato' Melana mestilah dipilih dari perut Tanjung dan begitulah seterusnya. Jadi pesaka Dato' Akhir ini bukan pesaka berketurunan tetapi adalah pesaka bergilir. Geleran ini pula mestilah mendapat kebulatan dari semua buapak yang ada dalam perut berkenaan sesuai dengan perbilangan adat di Rantau. Tiap-tiap seorang yang akan dilantik bagi menyandang pusaka Dato' Akhirzaman hendaklah lebih dahulu mendapat kebulatan atau kata sepakat dari sekalian waris-waris dan suku yang tiga.

— Dari awal kewujudan jawatan Dato' Akhir hingga kini sudah 11 orang yang menjawat jawatan berkenaan. Susunannya adalah seperti :-

1. Dato' Akhirzaman Pasar
2. Dato' Akhirzaman Rantau
3. Dato' Akhirzaman Bongkok
4. Dato' Akhirzaman Kahar
5. Dato' Akhirzaman Lajim
6. Dato' Akhirzaman Milin
7. Dato' Akhirzaman Maulud
8. Dato' Akhirzaman Simbok
9. Dato' Akhirzaman Jamaat
10. Dato' Akhirzaman Hj. Mohd Yasin
11. Dato' Akhirzaman Salihah Ismai dari 1974 hingga kini.

Jawatankuasa Dato' Akhir digilirkan kepada empat perut yang berhak menyandang pesaka berkenaan. Tetapi pada pertengahan abad ke 19 muncul perut Tanjung menyebabkan timbul lima giliran. Tetapi tidak dapat dipastikan bilakah sebenarnya kewujudan perut Tanjung ini kerana tidak ada sumber bertulis maupun sumber lisan. Sumber lisan hanya menyebutkan kewujudan perut Tanjung ini sekitar pertengahan abad ke 19. Setiap perut waris Dato' Akhir mempunyai Buapak dan ibu soko masing-masing.

1. Perut Solok - Buapak Abdullah bin Baki
Ibu soko Hasnah Haji Mohd Nor
2. Perut Tanjung - Buapak Othman Yasin

Ibu soko Hafsah Bulat

3. Perut Rantau - Buapak Josam Abdullah
Ibu soko Salbiah Hj. Abu
4. Perut Kanchung - Buapak Hussin Khamis
Ibu soko Zawiah Hj Udin
5. Perut Takau - Buapak Hj. Mohd Nor Safar
Ibu soko Hajjah Cik Lah Samad

Pesaka Dato' Akhir ini digilirkan mengikut perut atau waris di atas. Bakal Dato' Akhir mestilah dipilih dan menyandang Dato' Melana dan apabila Dato' Akhir meninggal dunia Dato' Melana akan diistiharkan sebagai Dato' Akhir.

Di bawah Dato' Akhirzaman atau Mukim Rantau terdapat lapan suku yang mendiami kawasan lingkungan dan bernaung di bawah Dato' Akhirzaman. Ini bermakna ada lapan buapak selain dari buapak waris yang lima. Buapak-buapak ini bertanggungjawab menjaga dan mentadbir anak buah-anah buah masing-masing. Semua masalah anak buah akan cuba diselesaikan oleh Buapak masing-masing dan jika tidak dapat diselesaikan barulah dikemukakan kepada Dato' Akhirzaman sebagai kata pemutus. Berikut adalah susunan buapak yang terdapat di Mukim Rantau yang bernaung di bawah Dato' Akhirzaman.

1. Suku Biduanda - Dato' Raja Melana Bahari Hamzah
2. Suku Batu Hampar - Dato' Seri Maharaja Sharif Hussein
3. Suku Paya Kumbuh - Dato' Sinda Raja - Joned Lidin
4. Suku Mungkal - Dato' Kaya Menteri Ali Bulat
5. Suku Tanah Datar - Dato' Menuang - A. Aziz Hj. Mohd
6. Suku Anak Acheh - Dato' Senara Bongsu - Mohd Nor Hakim
7. Suku Anak Dagang - Dato' Dagang - Salleh Hj. Tahui
8. Suku Biduanda - Dato' Menteri Bustam Mohd Nor (waris di Air)

3. DATO' SERI MAHARAJA DIRAJA

Jawatan Dato' Seri Maharaja Di Raja ini amat unik dan lain dari semua Lembaga di Sungai Ujong. Mengikut

sejarah awal Sungai Ujong seperti yang ditulis oleh Gullick, Hooker dan Wilkenson, apabila Sungai Ujong mula berkembang pada 1715, jawatan Dato' Seri Maharaja dan Dato' Bandar adalah satu. Bermakna penyandang Dato' Maharaja dan Dato' Bandar adalah seorang. Dari Dato' Bandar pertama hingga Dato' Bandar yang ke enam jawatan Dato' Bandar dan Dato' Maharaja adalah satu. Apabila Dato' Megat menjadi Dato' Bandar ia menolak jawatan Dato' Seri Maharaja dengan alasan jawatan Dato' Seri Maharaja dengan alasan jawatan Dato' Bandar adalah sudah memadai baginya. Jadi untuk mengelakkan jawatan Dato' Seri Maharaja Di Raja dari hilang begitu saja Dato' Megat telah melantik saudara kandungnya menjadi Dato' Seri Maharaja yang pertama yang berasingan dengan Dato' Bandar.

Yang unik bagi jawatan Dato' Seri Maharaja ini ialah pemilihan dan perlantikan tidak dibuat terus oleh Buapak tetapi pemilihan dan perlantikan dibuat terus oleh Dato' Bandar sendiri. Ada beberapa sebab mengapa perlantikan ini dilakukan terus oleh Dato' Bandar, pertama perlantikan Dato' Seri Maharaja adalah sebagai lambang waris di Air kerana ia mewkili waris di Air. Oleh itu Dato' Bandar dan Dato' Seri Maharaja mestilah orang yang sehaluan untuk memudahkan perundingan. Pada kebiasaannya orang yang dilantik menjadi Dato' Seri Maharaja adalah ada hubungan darah dengan Dato' Bandar samada saudara atau pun sepupu. Semua ini bergantung kepada kepentingan masing-masing.

Jika ditinjau dari segi sejarah jawatan Dato' Seri Maharaja ini adalah dari To' Semerga kemudian digilirgilirkan kepada empat perut iaitu perut Sulong, Susu Tunggal, Susu Ganda dan Susu Dara. Perlantikan pula adalah didasarkan kepada giliran perut yang menjadi Dato' Bandar. Walau bagaimanapun ini dari segi teori sahaja. Praktikalnya perlantikan Dato' Seri Maharaja adalah bergantung kepada Dato' Bandar. Jika Dato' Bandar berhasrat untuk melantik Dato' Seri Maharaja dari perut yang bukan perut dirinya sendiri tidak ada siapa yang berhak melarangnya kerana itu merupakan haknya. Tetapi perlantikan itu tidak boleh lari dari keempat-empat perut berkenaan.

Apa yang menarik untuk diperkatakan andainya berlaku kekosongan jawatan Dato' Seri Maharaja Di Raja kosong dan jawatan ini sebelumnya disandang oleh perut yang sama dengan Dato' Bandar, Dato' Bandar boleh melantik sesiapa saja yang layak. Tetapi jika mengikut giliran pesaka berkenaan adalah digilirkan kepada perut lain. Hal ini pernah berlaku sebelum ini dan tidak dipertikaikan oleh waris kerana tidak ada garis panduan yang nyata yang boleh dijadikan panduan.

Kuasa dan Tanggungjawab

Untuk melihat dan meneliti kuasa dan tanggungjawab Dato' Seri Maharaja adalah satu yang rumit dan perlukan penerangan yang terperinci. Penulis berpendapat demikian kerana Dato' Seri Maharaja merupakan lembaga Tiang Balai waris di Air Sungai Ujong. Ini bermakna tangan dan peranannya meliputi waris di Air sebagai Tua Waris Tiang Balai dan di Darat sebagai lembaga Tiang Balai. Tetapi secara umumnya bolehlah dibahagikan kuasa dan peranan Dato' Seri Maharaja seperti berikut :-

Sebagai pentadbir adat di Sungai Ujong khususnya bagi waris di Air. Di dalam adat perpatih adalah dikatakan penangung bagi waris di Air adalah Dato' Bandar. Tetapi Dato' Bandar hanya menjadi tunggak atau lambang sahaja tetapi yang menjadi pentadbir adat perpatih di Sungai Ujong ini adalah Dato' Seri Maharaja. Dato' Seri Maharaja adalah menjadi orang perantaraan untuk mengadap Dato' Bandar. Semua masalah waris akan dibawa kepengetahuan Dato' Seri Maharaja untuk diselesaikan. Jika tidak putus barulah dibawa kepengetahuan Dato' Bandar. Dato' Seri Maharaja akan memastikan semua Dato' lembaga dan Buapak waris di Air menjalankan aturan adat termasuk waris lingkungan. Dato' Bandar hanya mendapat lapuran sahaja tentang perjalanan adat waris di Air.

Satu tugas yang terbesar dan terpenting bagi waris di Air ialah peranannya sebagai Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Ia merupakan Lembaga Tiang Balai waris di Air merangkap Dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Sebagai Tiang Balai kuasa dan tanggungjawabnya adalah luas. Semua masalah adat adalah terpikul dibahu mereka. Pepatah adat ada menyatakan "bagai mata putih dengan mata hitam". Ini membawa maksud Dato' Seri Maharaja sebagai Lembaga Tiang Balai adalah menjadi wakil waris di Air dalam mencari dan menyelesaikan segala kekusutan yang berlaku di luak Sungai Ujong.

Tanggungjawab yang paling besar ialah dalam mencari bakal Dato' Kelana atau Dato' Bandar. Dato' Seri Maharaja akan mengarahkan Buapak yang empunya giliran untuk berkerapatan untuk mencari bakal calon samada bakal Dato' Bandar atau bakal Dato' Kelana. Dalam pencarian ini Dato' Seri Maharaja hanya menjadi pemerhati bersama Dato'-dato' lembaga Tiang Balai yang lain. Mereka tidak berha! untuk campurtangan kerana itu hak waris. Apabila

sudah terkumpul calon dan disebarkan kepada Dato' Lembaga termasuk Dato' Seri Maharaja. Pada kebiasaannya calon yang dipilih adalah ramai dan disinilah peranan Dato' Seri Maharaja dan Dato' Lembaga yang lain untuk menyaan yang lembut, menarah yang tidak rata, memalas yang tidak licin dari segi adat. Dato' Seri Maharaja bersama-sama Dato'-dato' lembaga yang lain akan memastikan perut yang layak, soko yang berhak, benih yang baik dan kedudukan calon yang dipilih adalah calon yang terbaik kerana ia akan dilantik sebagai raja bagi luak Sungai Ujong. Jadi perlantikan ini mestilah menepati seperti kehendak adat. Semua ini adalah peranan Dato' Seri Maharaja dan Dato'-dato' lembaga yang lain.

Bagi jawatan Dato' Bandar setelah diserahkan calon itu kepada Dato' Seri Maharaja dan diteliti oleh Dato' Seri Maharaja dahulu untuk menentukan kesahihannya. Dato' Seri Maharaja akan memastikan calon yang dipilih adalah mendapat kebulatan perut yang menyandang. Setelah semua Buapak dan Lembaga waris di Air mengesahkan bakal calon Dato' Bandar itu barulah Dato' Seri Maharaja menyampaikan kepada Dato' Nika sebagai Tua Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong untuk diserahkan kepada Dato' Kelana untuk diistiharkan.

Bagi anak-anak buah lingkungan waris di Air adalah tertakluk kepada kuasa Dato' Seri Maharaja. Perlantikan Buapak adalah dilakukan oleh Dato' Seri Maharaja sebagai Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Ia berkuasa menentukan hitam putihnya seseorang anak waris lingkungan bagi waris di Air. Walau bagaimanapun tidak semua kesalahan itu boleh dihukum oleh Dato' Seri Maharaja. Hukuman adalah didasarkan kepada besar kecilnya sesuatu kesalahan itu. Dato' Seri Maharaja hanya boleh menghukum kesalahan-kesalahan kecil selain dari membunuh sahaja.

Bila berlaku misalnya Dato' Bandar meninggal dunia, maka Dato' Seri Maharaja akan mengetuai upacara pengkebumian disamping lembaga dan juak-juak yang lain. Dato' Bandar kan mengetuai upacara pengkebumian ini mengikut adat istiadat turun temurun. Ini bermakna Dato' Seri Maharaja mesti mengetahui aturan dan adat-istiadat balai dengan baik dan sempurna agar tidak berlaku kekecohan dalam upacara perlantikan. Dari tarikh kematian hingga munculnya Dato' Bandar yang baru jawatan Pemangku Dato' Bandar akan disandang oleh Dato' Seri Maharaja bersama-sama dengan Dato' Lembaga waris di Air yang lain. Dalam upacara-upacara resmi yang melibatkan Dato' Bandar, Dato' Seri Maharaja akan menjadi wakil Dato' Bandar, peranannya sebagai pemangku Dato' Bandar dan Lembaga waris di Air. Tetapi ia tidak boleh menjalankan apa-apa perkara seperti perjanjian yang melibatkan jawatan Dato' Bandar secara total.

Sekiranya bakal Dato' Bandar telah diperolehi Dato' Seri Maharaja berperanan untuk menyampaikan kepada Dato' Nika untuk disembahkan kepada Dato' Kelana. Bila Dato' Kelana telah mengistiharkan siapa penyandang jawatan Dato' Bandar, Dato' Seri Maharaja akan mengatur upacara pertabalan atau juga dinamakan upacara kerja. Dalam upacara kerja ini semua Buapak dan Lembaga waris akan dijemput untuk sama-sama meraikan upacara kerja ini.

Dalam upacara kerajaan inilah Dato' Seri Maharaja akan mengetuai upacara mengadap Dato' Bandar. Ia akan berikrar untuk taat setia dan menjalankan aturan adat dengan baik. Kemudian diikuti oleh Dato'-dato' lembaga yang lain. Setelah selesai upacara ini Dato' Seri Maharaja akan memaklumkan kepada Dato' Bandar yang baru tentang perjalanan pentadbiran yang sedang berjalan untuk memudahkan Dato' Bandar menjalankan tugasnya.

Waris yang berhak dalam perlantikan

Secara umumnya Dato' Seri Maharaja mestilah dipilih dan dilantik dari kalangan waris di Air sahaja kerana ia merupakan Lembaga waris di Air. Bila dikatakan waris di Air bermakna keturunan atau perut yang layak untuk dilantik menjadi Dato' Seri Maharaja mestilah dari keturunan Tok Semerga yang menjadi punca keturunan waris di Air. Susunannya adalah seperti di dalam lampiran.

Adalah dikatakan Dato' Seri Maharaja dan Dato' Seri Maharaja adalah sejalur keturunan. Bermakna kedua-dua pemimpin ini mestilah dipilih dan dilantik dari perut yang empat iaitu To' Sulong, To' Sesuganda, To' Susu Tunggal dan To' Susu Dara. Dari segi teorinya Dato' Seri Maharaja adalah dipilih dan dilantik mengikut giliran keempat-empat perut berkenaan. Tetapi seperti yang penulis nyatakan diawal penulisan ini Dato' Seri Maharaja adalah dilantik oleh Dato' Bandar oleh itu terpulang kepada Dato' Bandar untuk melantik sesiapa yang difikirkannya layak untuk menjawat jawatan Dato' Seri Maharaja ini.

4. DATO' MUDA LABU

Keturunan Dato' Muda Labu

Dato' Muda Labu berketurunan Dato' Bandar (waris di Air). Pada tahun 1780 Dato' Kelana Lela telah membenarkan To' Mounkon membuka Mukim Labu. Adalah dipercayai pertempatan awal di Mukim Labu adalah di Kampung Bukir Kadir. Sejarah lisan membuktikan bahawa To' Mounkon telah membuat pertempatan disana. Kesan-kesan sejarah pertempatan awal ini masih ada. To' Mounkon juga dimakamkan di kawasan ini untuk memperingati jasanya sebagai peneroka awal. Di kawasan perkuburan ini juga terdapat perkuburan orang-orang yang sama-sama membuka Mukim Labu.

Apabila Labu telah berpenghuni dan wujud petempatan-petempatan baru To' Wi adik kepada To' Mounkon datang dengan pengikutnya dan membuat petempatan diseborang Sungai Batang Labu. Bermakna wujud dua orang waris yang membuka kawasan yang sama. Untuk mengelakkan pertentangan diantara To' Mounkon dan To' Wi. Dato' Kelana Lela telah menganugerahkan jawatan penghulu Mukim Labu kepada To' Mu. Alasannya ialah kerana To' Mounkon merupakan orang yang terawal membuka Labu. Walau bagaimanapun untuk mengelakkan pertentangan Dato' Kelana Lela telah mewujudkan jawatan Dato' Paduka Besar dan diberikan kepada keluarga To' Wi. Jawatan ini merupakan timbalan kepada Dato' Muda Labu dan akan menjawat jawatan Dato' Muda Labu andainya berlaku kekosongan jawatan pesaka Dato' Muda Labu. Ini bermakna ada dua keturunan yang berhak untuk menyandang pesaka Dato' Muda. Pertama waris Dato' Mounkon dan waris To' Wi. Gelaran Penghulu Muda telah diberikan oleh Dato' Kelana Kawal kepada Sindeh, sementara Dato' Kelana Kawal (1830) pula telah mengokohkan kekuasaan dan gelaran Dato' Penghulu Muda Labu ini sejajar dengan tugas dan peranannya.

Bergajah Tunggal

Ada banyak intrepetasi mengenai Bergajah Tunggal ini. Penulis mendapati gelaran Bergajah Tunggal telah dianugerahkan kepada Penghulu Muda oleh Dato' Kelana Kawal. Gelaran Bergajah Tunggal ini diberikan kerana Dato' Mounkon dikatakan telah membunuh seekor gajah yang

bergading tunggal. Sejarah lisan pula menyatakan bukan To' Mounkon yang membunuh gajah berkenaan tetapi peneroka awal yang sama-sama membuka Labu. Adalah dikatakan ketika masyarakat pendatang ini membuka pertempatan baru mereka telah terjumpa dengan seekor gajah yang terbenam di dalam lumpur. Gajah itu telah dibunuh dan gadingnya disembahkan kepada Penghulu Muda dan Penghulu Muda telah menyembahkan kepada Dato' Kelana.

Penulis berpendapat gelaran Bergajah Tunggal ini merupakan gelaran adat yang membawa makna kuasa atau peranan yang dimainkan oleh penyandanganya. Penulis berpendapat demikian kerana wujud dua jawatan Bergajah Tunggal bagi luak Sungai Ujong di samping Dato' Muda labu iaitu Dato' Penghulu Dagang Paroi. Jika diteliti peranan dan tanggungjawab di dalam adat adalah sama. Tanggungjawab yang dimaksudkan ialah peranan kedua-dua jawatan ini yang akan diangkat menjadi lembaga tiang Balai luak Sungai Ujong waris masing-masing. Dato' Muda Labu akan diangkat menjadi Lembaga Tiang Balai andainya berlaku masalah dalam waris di Air dan sebaliknya. Bermakna selain Dato' Andulika Mendulika, Dato' Seri Maharaja Diraja dan Dato' Akhrizaman sebagai Lembaga Tiang Balai yang tetap. Dato' Penghulu Muda Labu dan Dato' Dagang Paroi akan diangkat menjadi Lembaga Tiang Balai untuk mencukupkannya menjadi empat mengikut hak atau masalah waris masing-masing.

Sebagai kesimpulannya gelaran Bergajah Tunggal itu merupakan lantikan adat untuk jawatan Lembaga Tiang Balai yang merupakan jawatan yang tertinggi dalam adat perpatih di Sungai Ujong. Walaupun Samad Idris menulis gelaran ini diberikan kerana membunuh seekor gajah yang bergading tunggal sebagai penyebab mengapa ia bergelar bergajah tunggal tetapi penulis berpendapat ini hanya penyebab dan menjadi asas untuk mewujudkan gelaran berkenaan. Bermakna gelaran Bergajah Tunggal ini hanya wujud setelah pembukaan Mukim Labu. Untuk menyokong hujah ini pada awal pembukaan Mukim Labu Ulu Kelawang merupakan sebahagian dari kawasan Sungai Ujong dan To' Menteri Akhirzaman merupakan Lembaga Tiang Balai di Sungai Ujong. Tetapi apabila To' Menteri Akhirzaman meminta untuk memerintah sendiri dah diperkenankan oleh Sultan Johor dan pembesar Sungai Ujong pada pertengahan abad yang ke 18 (ahli sejarah tidak dapat menentukan tarikhnya dengan tepat). Ini bermakna wujud kekosongan jawatan Lembaga Tiang Balai. Jadi untuk mengisi kekosongan itu Dato' Bergajah Tunggal waris di Air dan di Darat memainkan peranan untuk mencukupkan Lembaga Tiang Balai menjadi empat.

Kuasa dan Tanggungjawab

Apabila Dato' Kelana Leha membenarkan To' Mounkon membuka Labu. Ia telah diberikan kuasa untuk memerintah dan mentadbir Mukim Labu mengikut kehendaknya tetapi kuasanya terbatas dan tertakluk kepada Dato' Kelana dan Dato' Bandar. Apabila jawatan Penghulu Muda Labu dikukuh dan disahkan oleh Dato' Kelana Kawal maka jawatan Penghulu Muda Labu menjadi jawatan yang berotoriti. Bermakna Penghulu Muda berhak dikawasannya sesuai dengan jawatan yang dipegang.

Dato' Muda Labu mendakwa ia berhak membahagi-bahagikan tanah kerajaan kepada rakyat yang tidak bertanah. Tapi keadaan ini hanya berkuat kuasa sehingga merdeka sahaja. Pada zaman pemerintahan kerajaan Inggeris Dato' Muda Labu merupakan seorang pembesar yang diiktiraf oleh kerajaan Inggeris. Bahkan kerajaan Inggeris memberi keistimewaan kepada anak-anak Dato' Muda Labu untuk menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar dimana hanya anak-anak bangsawan Melayu sahaja yang berhak untuk memasukinya. Dato' Muda Labu juga bertanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman mukimnya. Walaupun di zaman pemerintahan kerajaan Inggeris sudah wujud institusi polis dan mahkamah-mahkamah tetapi anak-anak buah Dato' Muda Labu tidak boleh ditangkap sesuka hati oleh pemerintah. Setiap tangkapan walaupun nyata bersalah mestilah mendapat kebenaran Dato' Muda Labu dan andainya Dato' Muda tidak membenarkan dan berjanji untuk menyelesaikannya sendiri pasukan polis tidak boleh menangkapnya. Ini bermakna Dato' Muda Labu mempunyai kuasa untuk menyekat pihak berkuasa dari melakukan apa-apa tindakan yang tidak diingini.

Dato' Muda adalah dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan segala masalah rakyat kepada pemerintah. Pada setiap tahun iaitu apda dua hari raya puasa Dato' Muda Labu akan berkerapatan di Balai Undang bersama Dato'-Dato' Lembaga yang lain dan buapak-buapak setiap suku untuk menyampaikan segala masalah rakyat kepada Dato' Nika sebelum disembahkan kepada Dato' Kelana. Bermakna Dato' Muda Labu mesti peka kepada masalah rakyat samada masalah kehidupan seperti kekurangan tanah pertanian atau masalah bermasyarakat. Dalam upacara perkahwinan misalnya Dato' Muda memainkan peranan penting. Dato' Muda akan mengarahkan buapak perut terbabit agar mengatur segala keperluan dan kelengkapan untuk majlis berkenaan.

Satu upacara penting yang mesti dihadiri oleh Dato' Muda ialah upacara bersemah atau berpawang sebelum

memulakan musim menanam padi. Dato' Muda akan mengetuai upacara ini dengan menyediakan segala keperluan untuk pawang khas untuk upacara ini. Setelah upacara ini selesai dengan upacara menyembelih korban dan berjamu serta doa selamat, Dato' Muda akan mengatur perjalanan atau jadual untuk bersawah. Gotong royong dibentuk dan disusun untuk memudahkan kerja bersawah. Gotong royong dibentuk dan disusun untuk memudahkan kerja bersawah. Dalam hal ini Dato' Muda memainkan peranan untuk mengatur jadual perjalanan gotong royong ini.

Tugas Dato' Muda yang terpenting ialah sebagai Tiang Balai waris di Air. Bermakna Dato' Muda berhak untuk memutuskan siapakah bakal pengganti pesaka Dato' Bandar melalui calon-calon yang dikemukakan oleh buapak. Setelah calon dipilih dan diserahkan kepada Lembaga Tiang Balai Dato' Muda dan Lembaga Tiang Balai yang lain akan meneliti dan mengkaji salasilah atau terombo calon yang dipilih itu. Dalam istilah adat berbunyi menakik, menarah, mempelas dan meraut. Bermakna setiap calon yang dikemukakan itu dihalusi keturunannya, keluarganya, perlakuannya, sikapnya dan hubungannya dengan masyarakat. Setelah diteliti dan dihalusi barulah diterima dan disahkan oleh Lembaga Tiang Balai termasuk Dato' Muda dan diserahkan kepada Dato' Kelana untuk diistiharkan. Semasa peristiharan Dato' Shahbandar, Dato' Muda akan hadir sebagai Lembaga Tiang Balai. Setelah diistiharkan Dato' Muda akan menyembah bagi pihak dirinya dan masyarakat mukim Labu. Dato' Muda dan Lembaga Tiang Balai yang lain akan mengatur pula upacara kerja atau istiadat pertabalan Dato' Shahbandar mengikut adat istiadat yang dipesakai.

Waris yang berhak dalam perlantikan

Mukim Labu telah diteroka oleh To' Mounkon dan To' Wi pada 1780. To' Mounkon dan To' Wi merupakan dua bersaudara. Pada zaman awal-awal pembukaan Mukim Labu Dato' Kelana Kawal telah menganugerahkan gelaran Dato' Penghulu Muda Labu kepada Sincuh cucu kepada To' Mounkon. Semenjak dari itu gelaran itu kekal hingga kini.

Jawatan Penghulu Muda disandang secara bergelar kepada dua keturunan iaitu To' Mounkon dan To' Wi. jawatan ini pada asalnya merupakan pesaka perempuan dan penyandanginya lelaki. Adalah dikatakan To' Mounkon telah berkahwin dengan Dato' Abdullah tetapi tidak dapat dipastikan berasal dari mana. Melalui batu nisan yang ada To' Mounkon merupakan penghulu yang pertama kemudian

diikuti oleh To' Wi. Melalui sumber lisan To' Mounkon mempunyai tiga orang anak:

1. Sarah
2. Pendek
3. Normah

Sementara To' Wi juga mempunyai tiga orang anak :

1. Hajah Som
2. Cik Mah
3. Hajah Khati

Apabila Sindeh diangkat menjadi Penghulu Muda anak To' Wi pula diangkat menjadi Dato' Paduka Besar iaitu timbalan kepada Dato' Muda dan bakal penyandang pesaka Dato' Muda bila berlaku kekosongan. Apabila anak To' Wi menjadi Penghulu Muda anak kedua To' Mounkon pula dilantik menjadi Dato' Paduka Besar dan begitulah seterusnya. Andainya berlaku Dato' Paduka Besar mati dahulu maka perut berkenaan masih berhak untuk menyandang pesaka Dato' Besar dan Penghulu Muda Labu. Jika berlaku ketiadaan calon yang layak atau menolak pencalunan maka jawatan itu akan diberikan kepada perut berikutnya dengan persetujuan buapak.

Senarai Dato' Muda Labu adalah seperti berikut:

1. To' Mounkon
2. To' Wi
3. Sindeh
4. Si Adil
5. Sohom
6. Imam Perang Kassim
7. Kosin
8. Zainudin Abdullah

Senarai nama ini adalah berpandukan kepada tulisan R.J Wilkinson (1921).

Perlantikan Dato' Muda Labu adalah didasarkan kepada gelaran perut dan kebulatan ibu-ibu soko dan para Buapak. Pusaka ini adalah pesaka bergelar dan hak sebelah ibu (perempuan). Perempuan yang berhak menentukan gelaran pusaka ini. Lelaknya hanya berhak menyandangnya sahaja. Walau bagaimanapun apabila telah dilantik pemerintahnya hendaklah dipatuhi tetapi kuasa Dato' Penghulu Muda adalah

terbatas kerana ia boleh terpecat atau dipecat oleh waris andainya melakukan kesalahan di dalam adat seperti menjual adat, berkahwin sesuku bermukah atau apa-apa kesalahan yang difikirkan bertentangan dengan aturan adat menurut pandangan ibu soko dan buapak. Ibu soko dan buapak akan berkerapatan dan tindakan akan diambil. Dato' Muda terpaksa patuh kepada keputusan ini kerana pesaka adalah hak ibu soko dan ia hanya menyandang sahaja.

Buapak-buapak dibawah Dato' Muda Labu

Di bawah Dato' Muda Labu terdapat 16 orang buapak yang bernaung dibawah Dato' Muda Labu. Kewujudan buapak-buapak ini sejajar dengan kedatangan orang pindah masuk yang membentuk suku masing-masing. Untuk mengatasi masalah dan memudahkan hubungan dengan suku lain mereka telah melantik Buapak masing-masing. Buapak-buapak itu adalah seperti berikut,

1. Dato' penghulu Muda Labu, (Lembaga Labu) suku waris --> Dato' Zainudin Hj. Abdullah.
2. Dato' Paduka Besar, suku waris --> Dato' Adam Hj. Hussein.
3. Dato' Baginda Raja, suku Paya Kumbuh Tiga Nenek Dato' Jani bin Abdullah.
4. Dato' Jendera, suku Tanah Datar, Dato' Haji Adam bin Mahmud.
5. Dato' Jemuda, suku Durian Tunggal, Dato' Abd. Rahman bin Awaludin.
6. Dato' Setia Maharaja, suku Mungkal, Dato' Ab. Bar bin Abdul Wahab.
7. Dato' Johan, suku Semelenggang, Dato' Hamzah bin Ibrahim.
8. Dato' Angkai Bongsu, suku Tiga Batu, Dato' Hj. Jamaludin bin Muhamad
9. Dato' Lela Setia Pahlawan, suku Jeram, Dato' Mohiyat bin Esah
10. Dato' Empat, suku Minangkabau, Dato' Nordin bin Shaaban.
11. Dato' Dagang, suku Jawa, Dato' Selamat bin Hj. Ab. Kadir.
12. Dato' Lela Setia Maharaja, suku Paya Kumbuh Sungai Lalang, Dato' Mohd Nor bin Sitam.
13. Dato' Jekanda, suku Duanda, Dato' Ahmad bin Maain.
14. Dato' Senara Muda, suku Duanda Air Pakbas Melaka Dato' Abd Kadir bin Kosji.
15. Dato' Paduka Setia, suku Duanda Tampin, Dato' Hj. Yunus bin Hj. Abdullah.
16. Dato' Selempur, suku Dagang Nilai, Dato' Puan Hasnah binti Sadeh.

5. DATO' DAGANG PAROI

Jawatan Dato' Dagang Paroi adalah satu jawatan yang boleh dianggap baru bagi luak Sungai Ujong. Jawatan ini hanya diwujudkan pada zaman Dato' Kelana Maamor kerana sebab-sebab tertentu. Jawatan ini diwujudkan untuk mengatasi segala masalah yang timbul di Paroi. Pada zaman pemerintahan Dato' Kelana Maamor adalah dikatakan Yam Tuan Besar Seri Menanti sering berulang alik dari Seri Menanti ke Seremban melalui Paroi. Ia terpaksa bermalam di Paroi sebelum meneruskan perjalanan keesokkan harinya. Yam Tuan Besar telah mengadu kepada Dato' Kelana bahawa setibanya baginda ke Paroi tidak ada orang besar yang menyambut dan memuliakan kedatangan baginda. Apabila hal ini disampaikan kepada Dato' Kelana Maamor, Dato' Kelana telah melantik waris untuk menjadi Penghulu (orang besar) untuk mengumpulkan orang ketika keberangkatan tiba Duli Yam Di Pertuan.

Keturunan Dato' Dagang Paroi

Keturunan yang dilantik menjadi Dato' Dagang Paroi bukanlah sebarang orang. Ia juga berbangsa dan mempunyai keturunan yang mulia. Melalui terombo yang ada tersimpan di Arkib Negara dan dalam simpanan Dato' Dagang sekarang tidak dapat dinafikan bahawa keturunan Dato' Dagang Paroi adalah berasal dari Raja Ketotok anak salah seorang Yam Tuan Besar (Raja Melewar). Adalah dikatakan Raja Ketotok telah lari dari Seri Menanti kerana merajuk dengan ayahandanya. Ketika sampai di Paroi, Dato' Ketotok telah berkahwin dengan Batin Mengalang. Ada pula pendapat yang menyatakan Raja Ketotok telah berkahwin dengan anak Batin Mengalang yang bernama Tomah. Dari perkahwinan ini lahir dan berkembangnya perut Dato' Dagang hingga kehari ini.

Penulis berpendapat melalui bukti bertulis (terombo) dan persejarahan lisan Raja Ketotok adalah anak Raja Melewar dan telah berkahwin dengan Tomah anak batin Orang Asli di Paroi. Perkahwinan ini menghasilkan keturunan Dato' Dagang hingga ke hari ini. Kemudian Dato' Ketotok atau Raja Ketotok telah dilantik oleh Dato' Kelana Maamor sebagai Dato' Penghulu Dagang Paroi dan dilantik sebagai Lembaga waris di Darat Sungai Ujong.

Keturunan Dato' Dagang ini agak unik sedikit kerana ia melibatkan waris Yam Tuan Besar. Penulis

berpendapat keturunan Dato' Dagang bukan waris Sungai Ujong kerana bukan berasal dari Dato' Bendahara Sekudai atau Batin Sibu Jaya. Ia adalah waris Biduanda biasa kerana salasilah keturunannya adalah menunjukkan ia bukan waris Kelana atau waris Andika. Ia cuma diiktiraf sebagai waris suku Biduanda Sungai Ujong sahaja. Jadi ini agak berlainan dari waris di Darat dan waris di Air.

Dato' Dagang mendakwa jawatannya ini adalah dipusakai oleh dua perut secara bergilir. Tetapi ini bertentangan dengan penjelasan Dato' Andika. Dato' Andika mendakwa Dato' Dagang adalah dipilih dari kalangan waris di Darat dan pemilihan adalah didasarkan kepada sifat calon seperti memiliki pencen atau kaya kerana Dato' Dagang walaupun seorang Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong tetapi ia tidak mendapat wang sara hidup dalam pemerintah.

Dato' Dagang mendakwa perut yang berhak untuk menjadi Dato' Dagang ialah perut Dato' Dagang sekarang dan perut Dato' Muda yang bertindak sebagai timbalan Dato' Dagang. Tetapi penulis tidak pasti sama ada Dato' Muda secara otomatik menjadi Dato' Dagang jika berlaku kekosongan Dato' Dagang. Ini tidak dijelaskan secara terperinci oleh Dato' Dagang sendiri. Rekod-rekod bertulis juga tidak menyebut keadaan ini. Penulis berpendapat kerana sifatnya sebagai timbalan kepada Dato' Dagang sekarang. Ini yang dinamakan pusaka bergilir seperti yang dinyatakan oleh Dato' Dagang.

Dari Dato' Dagang Ketotoh hingga kini sudah empat orang yang menyandang jawatan Dato' Dagang Paroi. Berikut adalah susunan penyandang Dato' Dagang Paroi.

1. Raja Ketotoh
2. Dato' Haji Mohd Akil
3. Dato' Yunus bin Dato' Lela Mohd Aris
4. Dato' Mohd Nor

Kuasa dan Tanggungjawab

Sebab mengapa jawatan Dato' Dagang diwujudkan ialah untuk menjadi orang besar di Paroi untuk memudahkan apa-apa pekerjaan dilakukan. Satu tugas yang amat besar bagi Dato' Dagang ialah peranannya sebagai pembesar yang akan menyambut Yam Tuan Besar ketika melintasi sempadan Sungai Ujong dengan Kuala Pilah. Dalam perjalanan dari Seri Menanti ke Seremban, Yam Tuan Besar akan melalui Bukit Putus sebelum sampai ke sempadan Sungai Ujong, dan

Paroi. Sebagai Dato' Dagang Paroi yang dianggap orang besar di kawasan itu Dato' Dagang berperanan untuk menyambut ketibaan Yam Tuan Besar bersama-sama rombongan ini. Dato' Dagang akan mengumpulkan segala penduduk untuk menyambut ketibaan Yam Tuan Besar. Ia akan mengatur upacara-upacara yang sesuai untuk Yam Tuan Besar.

Sebelum meneruskan perjalanan ke Seremban, Yam Tuan dan rombongan akan bermalam di Paroi. Dato' Dagang akan menyediakan segala kemudahan dan keperluan Yam Tuan dan rombongannya. Begitu juga sewaktu balik dari Seremban ke Seri Menanti rombongan ini terpaksa bermalam di Paroi. Ketika berangkat pulang ke Seri Menanti rombongan ini akan bermalam di Paroi dan keesokan harinya akan meneruskan perjalanan ke Seri Menanti. Dato' Dagang akan menyediakan kelengkapan pulang Yam Tuan seperti bekalan makanan dan sebagainya. Dato' Dagang akan mengiringi rombongan ini hingga ke Bukit Putus (sempadan) dan mengucapkan selamat berangkat kepada Yam Tuan Besar. Ini merupakan tugas dan peranan Dato' Dagang yang terpenting dan sebab mengapa jawatan Dato' Dagang ini diwujudkan.

Di dalam Adat Perpatih Sungai Ujong Dato' Dagang adalah Lembaga Tiang Balai tetapi bersifat Bergajah Tunggal. Bergajah Tunggal ini membawa maksud andainya berlaku sesuatu masalah waris di Darat dan perlukan kerapatan Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai. Dato' Dagang Paroi akan terlibat sama untuk mencukupkan bilangan menjadi empat. Tetapi jika berlaku kekusutan waris di Air Dato' Dagang Paroi akan digantikan oleh Dato' Muda Labu sebagai Dato' Bergajah Tunggal.

Sebagai seorang Dato' Lembaga waris di Darat Dato' Dagang berperanan untuk mengacek menghitung. Bermakna jika berlaku bilangan calon yang ramai dalam pemilihan Dato' Kelana. Dato' Dagang akan meneliti dan memastikan calon yang terbaik dipilih. Ini dinamakan mengacek menghitung bersama-sama dengan Dato'-Dato' Lembaga yang lain. Dato' Dagang akan menyudu yang lembut, menarah yang lekuk dan memalas yang tidak rata. Semua ini adalah tugas dan tanggungjawab Dato' Dagang.

Sebagai seorang pentadbir adat yang mempunyai kawasan pentadbiran sendiri di Paroi, Dato' Dagang berkuasa untuk menjalankan pemerintahan. Sifatnya sebagai Bergajah Tunggal adalah membawa maksud bebas untuk mentadbir dan menghukum kecuali hukuman yang berat-berat. Dato' Dagang berkuasa untuk memungut cukai di kawasanya dari pedagang-pedagang dan pelombong-pelombong Cina yang melombong di Paroi. Semua hasil ini akan dikumpulkan dan diserahkan sebahagian kepada Dato' Kelana dan sebahagian lagi digunakan untuk mentadbir Paroi. Dato' Dagang akan

memastikan semua pelombong dan saudagar mematuhi peraturan yang telah dibuat. Misalnya melombong di kawasan yang ditentukan saja dan perlu memperolehi kebenaran dahulu sebelum melombong. Dato' Dagang akan memastikan tidak berlaku perebutan dan perkelahian dalam mencari dan membuka kawasan perlombongan baru. Jika berlaku pergaduhan dan perkelahian Dato' Dagang berhak mengambil tindakan terhadap mereka. Sama ada mereka tidak lagi dibenarkan melombong atau dihalau keluar dari Paroi. Semua ini bergantung kepada kesalahan yang mereka lakukan.

Dato' Dagang sebagai seorang Dato' Lembaga akan menjadi Jemaah Pemangku Undang andainya Undang tidak dapat atau masih belum dilantik. Dato' Dagang bersama-sama Dato' Lembaga Tiang Balai yang lain akan menjalankan aturan adat Sungai Ujong seperti maha lazimnya sehingga Dato' Kelana yang baru dilantik.

DATO' - DATO' LEMBAGA/BUAPAK WARIS DI AIR

1. Dato' Panglima Besar

Dato' Panglima Besar merupakan salah seorang Dato' Lembaga waris di Air. Dato' Panglima Besar adalah dipilih dari kalangan waris di Air dari perut Nenek Sulong. Dato' Panglima Besar hendaklah dipilih dari kalangan perut Nenek Sulong yang terkanan dan memahami aturan adat Sungai Ujong. Khususnya mengenai adat istiadat di Balai Dato' Bandar.

Menurut Gullick, Dato' Panglima Besar merupakan orang Besar Balai dan bertindak sebagai ketua bagi Orang Besar Balai. Ini bermakna dalam menentukan kelancaran dalam upacara mengadap. Ia berperanan sebagai Panglima Dalam untuk Lela Sembah. Bermakna dalam upacara mengadap Dato' Bandar, Dato' Panglima Besar akan memaklumkan atau menyatakan kepada Dato' Bandar dahulu sebelum Buapak atau Lembaga lain dibenarkan mengadap. Ini bertujuan untuk memastikan Dato' Bandar mengetahui Buapak atau Lembaga dari perut mana yang mengadap.

Jika ada satu-satu kerapatan adat di Balai Dato' Bandar, Dato' Panglima Besar akan mengatur giliran alur sembah untuk mengadap Dato' Panglima Besar akan memastikan giliran-giliran mengikut susunan jawatan. Di sinilah letaknya peranan Dato' Bandar dan secara tidak langsung ia memainkan peranan yang terpenting di Balai Dato' Bandar. Jadi tidak hairanlah Dato' Panglima Besar mesti mengetahui perjalanan adat istiadat di balai dan mesti memahaminya dengan baik. Ini bertujuan untuk mengelakkan perjalanan adat yang tidak mengikut aturan adat kerana semua ini menjadi perhatian ahli waris dan pengamal adat perpatih.

Jika Dato' Panglima Besar tidak dapat menjalankan atau salah menjalankan aturan adat ia akan terpecat atau dipecat oleh Dato' Bandar. Ini kerana Dato' Bandar mesti menjagi imej atau peranan Balai Undang sebagai pusat menjalankan adat. Jika pincang perjalanan di Balai Dato' Bandar bermakan pincang perjalanan adat di kawasan waris di Air.

Dato' Panglima Besar juga merupakan Tua waris di Air. Oleh itu dalam apa-apa kerapatan ke empat-empat perut waris di Ari Dato' Panglima mesti hadir. Tanpa

kehadirannya segala keputusan waris di Air itu adalah dianggap tidak sah kerana Tua Adat tidak turut serta. Tua Adat penting kerana ia merupakan tunggak waris dan dianggap orang yang terkanan dalam waris di Air.

2. Dato' Paduka Raja

Dato' Paduka Raja adalah dipilih dan dilantik oleh waris di Air dari perut Susuganda. Ia merupakan Lembaga Tiang Balai waris di Air. Dato' Paduka berperanan untuk menentukan perjalanan adat dilakukan di Balai Undang. Ia merupakan Lembaga yang mewakili perut Susuganda dalam pemilihan Dato' Bandar. Jika tiba giliran Perut Susuganda menjawat atau menyandang pesaka Dato' Bandar Dato' Paduka akan memimpin Buapak-buapak waris Susuganda untuk memilih calon, sebelum diserahkan kepada Dato' Lembaga waris di Air.

Bila diserahkan kepada Lembaga Tiang Balai waris di Air Dato' Paduka dan Lembaga Tiang Balai yang lain akan mengacak dan menghetong calon berkenaan. Dato' Paduka akan menjadi wakil perut Susuganda dalam apa-apa kerapatan adat waris di Air.

Bila berlaku kematian Dato' Paduka akan menjadi pengatur adat sebelum upacara pengkebumian dijalankan. Dato' Paduka akan memastikan aturan-aturan adat dipatuhi dan dijalankan untuk menjaga imej waris di Air. Di Balai Dato' Bandar, Dato' Paduka merupakan orang besar Balai dan menjadi pemegang tradisi Adat Perpatih. Dato' Paduka hendaklah dipilih dari kalangan waris yang mendalami Adat Perpatih dan adat istiadat di Balai. Oleh itu dalam pemilihan bakal penyandang pesaka Dato' Paduka, waris mesti meneliti calon yang terbaik kerana ia melambangkan ciri kepimpinan bagi perut Susuganda.

Dato' Paduka Raja ialah ibu bapa kepada semua waris Bandar. Bermakna ia berperanan untuk mengacak dan menghitong disamping menjaga tradisi Adat Perpatih itu sendiri. Dato' Paduka akan mengetuai kerapatan perutnya untuk memilih bakal Dato' Bandar andainya tiba kepada giliran perut Susuganda. Walau bagaimanapun ia hanya boleh mengemukakan calon sahaja dan diserahkan kepada Lembaga Tiang Balai untuk disahkan sebelum diistiharkan oleh Dato' Kelana. Mengikut salasilah keturunan Dato' Paduka Raja adalah perut yang ketiga dalam susunan orang besar waris di Air ia adalah orang yang kelima terpenting.

3. Dato' Menteri Penghulu

Dato' Menteri Penghulu dipilih dari waris perut Tunggal. Ia merupakan Lembaga Tiang Balai waris di Air dan berhak untuk mengacak mengetong dalam memilih bakal Dato' Bandar. Sebagai seorang Dato' Lembaga, Dato' Menteri Penghulu mestilah mengetahui dan memahami aturan Adat Perpatih di Sungai Ujong khususnya dalam waris di Air.

Dato' Menteri merupakan orang Besar Balai dan berkuasa untuk mentadbir perut Tunggal. Perut Tunggal sendiri mempunyai beberapa orang Buapak dan ibu soko. Bila berlaku kekosongan jawatan Dato' Bandar misalnya dan giliran yang menyandang ialah Perut Tunggal maka Dato' Menteri Penghulu akan memimpin anak-anak waris untuk mencari bakal penyandang. Dalam hal ini Dato' Menteri sendiri sebagai anak waris di Air dari perut Tunggal berhak untuk dicalunkan dan terpulang kepada Dato'-dato' Lembaga yang lain sama ada menerima atau menolaknya jika ada calon yang lebih layak dan sesuai.

Menurut Gullick Dato' Menteri Penghulu merupakan ketua waris bagi perut Tunggal dan orang besar Balai sebagai Orang Besar Balai Dato' Menteri Penghulu mestilah berpengalaman luas dalam adat kerana ia akan memimpin kerapatan anak buahnya untuk mencari bakal calon Dato' Bandar. Jika Dato' Menteri Penghulu tidak dapat memainkan peranannya maka akan timbul masalah di dalam waris untuk mencari bakal Dato' Bandar. Sebagai Lembaga Tiang Balai waris di Air dan ketua Perut Tunggal peranan dan tanggungjawabnya di dalam waris di Air adalah besar.

Dato' Paduka berkuasa untuk menentukan kebulatan warisnya dalam sesuatu kerapatan. Sebagai ketua kepada perutnya Dato' Paduka berhak untuk menasihati atau menyelesaikan kesalahan-kesalahan adat yang dilakukan oleh anak buah, selagi kesalahan itu boleh atau dapat diselesaikan oleh Dato' Paduka ia akan cuba diselesaikan tetapi jika tidak dapat diselesaikan ia akan dibawa kepengetahuan Dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong iaitu Dato' Maharaja Di Raja Azmah Jamlus dan Dato' Muda Labu. Di sinilah masalah itu cuba diatasi dan diselesaikan oleh Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong dan jika tidak dapat penyelesaian barulah dibawa kepada Dato' Bandar sebagai ketua dan penaung waris di Air.

4. Dato' Seri Amar Di Raja

Dato' Seri Amar Di Raja dipilih dan dilantik oleh anak waris perut sulong. Ia merupakan Dato' Lembaga waris di Air. Pemilihan Dato' Seri Amar Di Raja hendaklah didasarkan kepada senioriti di dalam waris dan adat. Ini bermakna di dalam perlantikan Dato' Seri Amar Di Raja mestilah dipilih dari kalangan mereka yang arif dan mahir dalam perjalanan Adat Perpatih.

Sebagai orang Besar Balai dan Lembaga Tiang Balai waris di Air, Dato' Seri Amar Di Raja memainkan peranan yang penting di Balai Dato' Bandar. Dalam kerapatan-kerapatan adat atau sebarang mesyuarat di Balai Dato' Bandar, Dato' Amar akan menjadi jurutulis untuk mencatatkan semua minit mesyuarat yang dibentangkan. Bermakna Dato' Amar mestilah mengetahui aturan dan perjalanan mesyuarat atau kerapatan adat di Balai Dato' Bandar.

Selepas mengemaskinikan minit mesyuarat atau hasil kebulatan waris tadi Dato' Amar akan menyampaikan kepada Dato' Bandar jika kerapatan itu tidak dihadiri oleh Dato' Bandar. Dalam hal ini Dato' Amar berperanan seperti seorang setiausaha yang sentiasa berdamping rapat dengan pengerusinya. Bagi Dato' Amar ia berhubung rapat dengan Dato' Bandar dan bolehlah dikata ia sentiasa bersama.

Jika Dato' Bandar mahukan satu kerapatan adat dilakukan maka Dato' Amar akan memaklumkan kepada semua Dato'-dato' Lembaga. Pada masa yang sama Dato' Amar akan mengedarkan minit yang terdahulu. Dan pada mesyuarat yang akan datang Dato' Amar akan bertugas seperti biasa.

Dato' Amar mempunyai Buapak dan anak buah dibawahnya. Oleh itu ia bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak buahnya berada di dalam keadaan yang baik dan sempurna. Adalah menjadi tanggungjawab Dato' Amar untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di dalam anak-anak buahnya. Jadi bolehlah disimpulkan bahawa Dato' Amar

mempunyai dua peranan atau tanggungjawab. Pertama tanggungjawab kepada ahli warisnya dan kedua tanggungjawab kepada ahli warisnya dan kedua tanggungjawab kepada Dato' Bandar. Tanggungjawab ini hendaklah dijalankan secara serentak tanpa melebihi mana-mana bahagian.

5. Dato' Seri Amar Menter

Dato' Seri Amar Menter dipilih dan dilantik oleh anak waris dari perut Susudara. Pemilihannya adalah didasarkan kepada kebolehan dan ketokohan di dalam adat kerana Dato' Seri Amar Menter adalah salah seorang Lembaga Tiang Balai waris di Air. Oleh itu ia mesti memahami aturan dan perjalanan adat agar tidak timbul kekecohan atau masalah-masalah lain.

Sebagai lembaga Tiang Balai Dato' Seri Amar Menter berperanan dan bertanggungjawab untuk mengacek mengetong. Sesuai dengan kata perpatih kok lembut disudukan, kok bengkok diluruskan, kok kesat ditarakkan. Apabila bakal calon itu sudah dipilih oleh buapak ia diserahkan kepada lembaga. Jika terdapat calon yang ramai Dato' Lembaga termasuk Dato' Seri Amar Menter akan mencanai semula calon-calon ini. Berlaku penapisan kali ke dua yang dilakukan oleh Lembaga. Disinilah letaknya keperihatian Dato' Lembaga waris di Air untuk menentukan kesahihan Dato' Bandar dari sebarang kecacatan.

Sebagai orang Besar Balai Dato' Seri Amar Menter hendaklah sentiasa mengunjungi Balai Dato' Bandar untuk melihat perkembangan atau apa-apa masalah anak buah yang perlu disampaikan kepada Dato' Bandar. Dato' Seri Amar Menter menjadi tempat mengadu bagi anak-anak waris perut Susudara. Segala masalah akan cuba diselesaikan oleh Dato' Seri Amar Menter dan jika tidak dapat diselesaikan akan disembahkan kepada Dato' Bandar.

Bila diadakan satu-satu kerapatan adat di Balai Dato' Bandar, sebagai Lembaga Tiang Balai Dato' Seri Amar Menter mesti hadir dan sama-sama berkerapatan untuk memutuskan sesuatu hal atau masalah. Samada berkebulatan atau tidak itu soal kedua. Yang penting kehadiran dan keterlibatan dalam mengokohkan adat. Jika didapati Dato' Seri Amar Menter tidak hadir tanpa ada alasan yang menasabah dan kerapatan yang diadakan itu berkebulatan, Dato' Seri Amar Menter tidak boleh mempertikaikan kebulatan yang dicapai. Dan jika anak-anak waris tidak puas hati dan buapak di bawah Dato' Seri Amar Menter berkebulatan untuk memecat ada kemungkinan jika pemecatan itu dipersetujui oleh Dato' Bandar maka pemecatan itu berjalan. Jadi Dato' Seri Amar Menter dan Lembaga-lembaga yang lain adalah menjaga amanah anak buah dan anak buah berhak untuk menentukan kedudukan mereka.

6. Dato' Paduka Besar

Dato' Paduka Besar dipilih dan dilantik dari Perut Tunggal. Jawatan Dato' Paduka Besar merupakan satu jawatan yang berbentuk sementara. Walaupun ia merupakan lembaga waris di Air tetapi peranannya agak berlainan dari lembaga-lembaga yang lain. Penulis menyatakan jawatan Dato' Paduka Besar ini hanya bersifat sementara kerana ia merupakan timbalan kepada Dato' Muda Labu. Bila berlaku kekosongan jawatan Dato' Muda Labu samada mati atau terpecat Dato' Paduka Besar akan menyandang jawatan ini secara otomatis. Keadaan ini terjadi kerana jawatan Dato' Muda Labu disandang secara bergeler diantara perut To' Wi dan To' Mounghon.

Dato' Paduka Besar juga merupakan orang Besar Balai dan bila berlaku apa-apa kerapatan atau mesyuarat waris di Air Dato' Paduka akan diundang sama untuk mewakili waris Labu. Apa-apa keputusan kerapatan akan disampaikan kepada waris.

Kuasa Dato' Paduka Besar amat luas walaupun dibataskan oleh aturan adat tetapi dibawah Dato' Paduka Besar ada 12 orang Buapak yang bernaung dibawah Dato' Paduka Besar. Ini bermakna Dato' Paduka Besar mentadbir mukim Labu dan Nilai. Penulis berpendapat demikian kerana Dato' Muda Labu sendiri Bergajah Tunggal yang boleh dimengertikan sebagai berkuasa di kawasan masing-masing. Dato' Paduka terpaksa menjaga kebajikan 12 orang Buapak dan anak-anak buahnya. Jika terjadi sesuatu perkara yang menjejaskan masyarakat, Buapak akan cuba menyelesaikannya dan jika tidak dapat diselesaikan oleh Buapak akan diserahkan kepada Dato' Paduka dan dibawa kepengetahuan Dato' Muda. Jika gagal diselesaikan ia akan disembahkan kepada Dato' Bandar.

Dato' Paduka Besar adalah dipilih dan dilantik dari kalangan waris yang terkanan. Pada kebiasaannya orang yang dipilih adalah dari kalangan mereka yang memahami aturan adat serba sedikit. Walaupun ia terlibat dalam pemilihan Dato' Bandar tetapi peranannya di Balai Dato' Bandar agak terhad. Peranan Dato' Paduka Besar lebih menonjol di Mukim Labu. Sesuai dengan jawatannya yang menjadi timbalan Dato' Muda, Dato' Paduka mesti mendalami aturan Adat Perpatih agar memudahkannya menjalankan aturan adat apabila dilantik menjadi Dato' Muda Labu.

7. Dato' Bentara

Dato' Bentara atau Mentara merupakan salah seorang ahli waris. Dato' Bentara hendaklah dipilih dan dilantik dari kalangan perut Sulong. Pemilihan adalah didasarkan kepada kebolehan dan ketokohan di dalam adat kerana tugas dan tanggungjawab yang dipegang adalah besar. Di dalam pemilihan bakal Dato' Bentara Ibu Soko akan menentukan calon yang bakal menyandang berdasarkan soko dan jurai. Setelah berkebulatan Ibu Soko dan Buapak barulah dilantik ditelapak Ibu soko dan disempurnakan oleh Dato' Muda Labu sebagai Lembaga Tiang Balai dan pentadbir adat di Mukim Labu.

Dato' Bentara merupakan Lembaga Tiang Balai waris di Air dan bermakna ia berperanan untuk memilih bakal Dato' Kelana. Ia berperanan untuk mengacak dan mengetong bakal Dato' Bandar. Disamping itu ia juga menjadi pentadibr adat bagi perut Sulong. Semua masalah atau isu tidak puas hati diperut Sulong akan diselesaikan oleh Dato' Bentara. Di sinilah letaknya maksud pepatah Buapak Beranak Buah. Bermakna Dato' Bentara sebagai Buapak di perut sulong akan memastikan kesejahteraan anak buahnya. Menurut Gullick Dato' Bentara menjadi ketua kepada orang pindah masuk terutama masyarakat Jawa yang membuat pertempatan di tepi-tepi sungai di Mukim Labu.

Sebagai seorang Lembaga Tiang Balai ia mestilah selalu berhubung dengan Dato' Bandar kerana sebagai tunggak waris di Air Dato' Bandar berhak untuk mengetahui perkembangan di jajahan kekuasaannya. Dato' Bentara juga merupakan orang Besar Balai yang berperanan untuk memastikan semua aturan adat berjalan dengan baik. Sebagai Lembaga Tiang Balai dan orang Besar Balai ia boleh memberi pandangan atau nasihat kepada Dato' Bandar jika diminta berbuat demikian.

Jika berlaku sebarang perbuatan Dato' Bandar yang melanggar adat. Dato' Bentara dan lain-lain Dato' Lembaga berhak untuk mengadakan kerapatan dan kebulatan untuk memecat Dato' Bandar. Jika semua waris bersetuju dan Lembaga Tiang Balai waris di Air dan Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong bersetuju Dato' Bandar boleh dipecat. Di sinilah letaknya kuasa dan kekuatan Dato' Lembaga waris di Air. Walau bagaimanapun kuasa Lembaga tersekat kepada kuasa Dato' Bandar. Lembaga hanya berkuasa di suku atau perutnya sementara kuasa Dato' Bandar di waris di Air.

8. Dato' Perdana Menteri

Dato' Perdana Menteri adalah orang yang terpenting bagi waris di Air. Ia dipilih dan dilantik dari perut Tunggal. Dato' Perdana Menteri hendaklah dipilih dari kalangan ahli waris yang tertua dan terbaik kerana ia mempunyai peranan yang besar bagi lembaga Tiang Balai waris di Air. Ia merupakan Lembaga Tiang Balai dan menjadi ketua perut Tunggal.

Diantara peranan dan tugas Dato' Perdana Menteri ialah ia menjadi ketua bagi persukuan di Labu Hulu dan menjadi ketua orang dagang di Sungai Jijau. Ini bermakna Dato' Perdana Menteri menjaga dua kawasan persukuan. Ia berhak untuk menentukan pembukaan tanah di tebing Sungai Jijah dengan memaklumkan kepada pegawai Inggeris yang bertugas. Jika berlaku sebarang masalah di Jijah Dato' Perdana Menteri berhak untuk menyelesaikannya dengan budi bicaranya.

Dato' Perdana Menteri juga menjadi Tua waris atau juga dipanggil Tua Adat waris di Air. Dalam sesuatu kerapatan adat ia menjadi orang yang terpenting dan secara tidak langsung ia menjadi ketua dalam kerapatan itu. Sebagai seorang ketua dalam kerapatan ia mesti mendalami adat supaya apa yang dibincangkan mendapat kebulatan. Dato' Perdana Menteri juga menjadi tempat buapak-buapak waris di Air mengadu hal mengenai adat. Sebagai tua waris ia mesti menjaga kebajikan semua buapak dan anak buah. Sebagai orang yang paling berpengaruh bagi ahli waris ia berkuasa untuk menentukan bakal calon Dato' Bandar tetapi tidak berkuasa untuk memutuskannya. Berkuasa untuk menentukan bermaksud dalam kerapatan adat Dato' Perdana Menteri berperanan untuk menentukan kebulatan. Sementara kuasa melantik pula terletak kepada Dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong.

Sebagai orang Besar Balai Dato' Perdana Menteri menjadi penasihat dan tunggak kepada Dato' Bandar. Dato' Bandar sebelum dilantik adalah merupakan anak buah kepada Dato' Perdana Menteri. Bermakna setelah dilantik walaupun secara teori dan protokolnya ia menjadi penaung adat bagi waris di Air tetapi pada hakikatnya Dato' Bandar mesti menghormati Tua Adat waris di Air.

9. Dato' Maharaja Khatib

Dato' Maharaja Khatib merupakan seorang yang mahir tentang adat istiadat di Sungai Ujong. Ia dipilih dikalangan waris di air yang mahir tentang adat dan mestilah dipilih dari perut sulong. Pemilihan adalah didasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan tentang adat istiadat Balai Dato' Bandar.

Ia merupakan Lembaga waris di Air. Sebagai seorang Lembaga ia menjadi jurucakap kepada Dato' Bandar. Segala perintah atau peristiharan akan dilakukan oleh Dato' Maharaja Khatib. Dato' Maharaja Khatib menjadi orang Besar Balai dan rapat dengan Dato' Bandar kerana semua perintah atau peranan untuk anak buah disampaikan oleh Dato' Maharaja Khatib. Jadi tidak hairanlah ia sering menjadi sasaran samada dipecat atau digantikan oleh Dato' Bandar mengikut kesesuaian dan kepentingan Dato' Bandar.

Dato' Maharaja Khatib berhak untuk menjadi Dato' Bandar andainya tiba giliran perut sulong. Ia menjadi calon terkanan dalam pemilihan tetapi terpulang kepada Buapak dan Dato' Lembaga waris yang menentukannya. Jika Buapak dan Lembaga berkebulatan untuk melantik Dato' Maharaja menjadi Dato' Bandar maka ia akan diterima oleh Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong kerana memang tidak boleh dipertikaikan oleh waris yang lain.

Jika perut lain yang berhak dilantik untuk menjadi Dato' Bandar, Dato' Maharaja Khatib akan menjadi salah seorang lembaga yang mengacak menghetong. Ia akan meneliti dan memastikan calon yang dipilih mempunyai kelayakan adat. Disamping itu ia juga akan memastikan soko yang layak dan menentukan jurai keturunan yang betul. Setelah diteliti dan disahkan oleh Buapak waris Dato' Maharaja Khatib dan Dato' Lembaga lain akan berkerapatan untuk memilih calon yang terbaik jika kedatangan ramai calon yang layak. Setelah berkebulatan barulah diserahkan kepada Dato' Lembaga Tiang Balai untuk disahkan dan diserahkan kepada Dato' Kelana untuk diistiharkan.

10. Dato' Memperang

Dato' Memperang adalah orang Besar Balai yang terpenting. Ia dipilih dan dilantik dari perut Sulong.

Orang yang dilantik mestilah mahir dalam adat istiadat di Balai Dato' Bandar. Calon yang dilantik adalah calon yang terbaik kerana adat istiadat di Balai Dato' Bandar bergantung kepada Dato' Memperang.

Sebagai orang Besar Balai Dato' Memperang bertugas sebagai ketua Juak. Ini bermakna Dato' Memperang berkuasa menentukan aturan atau susunan alat-alat kebesaran yang digunakan oleh Dato' Bandar. Disamping memastikan keselamatan segala alat kebesaran, Dato' Memperang juga akan memastikan kebersihan dan keadaannya agar sentiasa tersedia jika ingin digunakan dalam sesuatu upacara rasmi.

Apa yang anih bagi Dato' Memperang ialah ia tidak mempunyai Buapak dan anak buah. Walaupun ia merupakan waris dari perut sulong tetapi ia tidak boleh mencampuri urusan pentadbiran perut Sulong. Ia hanya berkuasa di Balai Dato' Bandar sahaja.

Apabila ada upacara-upacara rasmi seperti kerapatan adat atau kerja, Dato' Memperang akan menjadi orang terpenting di Balai. Ia akan mengatur segala persiapan untuk upacara berkenaan. Jika majlis perkahwinan Dato' Memperang akan mengatur segala persiapan dan kelengkapan dari kenduri kendara hinggalah persiapan hantaran dan upacara persandingan. Dato' Memperang yang akan memastikan segala persiapan yang diatur berjalan dengan baik dan teratur. Kegagalan Dato' Memperang mengatur dan menyusun kerja dengan baik akan menyebabkan kelancaran perjalanan adat perkahwinan atau upacara kerajaan tidak berjalan dengan baik dan jika ini berlaku ada kemungkinan ia akan dipecat oleh Dato' Bandar kerana memalukan waris Bandar. Segala adat istiadat Dato' Bandar di Balai dijaga oleh Dato' Memperang.

Disamping menjaga alat-alat kebesaran dan adat istiadat Balai Undang, Dato' Memperang juga berkuasa untuk memastikan segala perjalanan adat istiadat dipatuhi. Ia menjaga tradisi adat itu. Oleh itu bukan sebarang orang yang boleh dilantik menjadi Dato' Memperang. Kerana itulah ia tidak dipilih dari perut yang khusus. Apa yang dipentingkan ialah kefahamannya di dalam aturan adat.

11. Dato' Laksamana

Dato' Laksamana dipilih dan dilantik dari perut sulong. Ia dipilih dan dilantik oleh Dato' Bandar sendiri bukannya oleh Buapak waris Perut Sulong. Perlantikan adalah didasarkan kepada kebolehan dan kepercayaan Dato' Bandar kepadanya. Pada kebiasaannya perlantikan adalah didasarkan kepada waris yang tertua dari segi keturunan dan terkanan. Walau bagaimanapun kriteria ini bukan menjadi ukuran secara total kerana pada kebiasaannya perlantikan Dato' Laksamana adalah bergantung kepada soko yang menyandang. Tetapi apa yang dipentingkan di dalam perlantikan ini ialah sikap jujur dan amanah kerana Dato' Laksamana merupakan bendahari bagi waris di Air.

Disamping menjadi bendahari waris di air, Dato' Laksamana juga merupakan Lembaga waris di Air. Dato' Laksamana berhak untuk sama-sama mencari bakal Dato' Bandar dan dalam kerapatan adat Dato' Laksamana mesti hadir peranannya sebagai salah seorang Dato' Lembaga waris. Walau bagaimanapun Dato' Laksamana tidak mempunyai Buapak dan anak buah. Ia juga adalah dibawah Dato' Panglima Besar. Oleh itu segala tindakannya tidak melibatkan Buapak atau waris. Ia hanya memperkatakan bagi pihak dirinya sebagai seorang Lembaga.

Dalam semua upacara adat seperti kerapatan, kerajaan atau perkahwinan anak Dato' Bandar, Dato' Laksamana menjadi Bendahari yang menentukan jumlah wang perbelanjaan yang diperlukan adat wang yang telah dibelanjakan. Semua ini ditulis dan dicatat oleh Dato' Laksamana sebagai ingatan dan urusan kemudian. Cukup atau tidak sesuatu perbelanjaan itu bergantung kepada Dato' Laksamana tetapi tidak bermakna Dato' Laksamana yang mengeluarkan wang itu. Ia cuma mencatat dan menyediakan laporan untuk diserahkan kepada pihak kerajaan untuk membuat sebarang tuntutan.

Di Balai Dato' Bandar ia merupakan salah seorang orang Besar Balai. Sebagai Lembaga waris di Air dan Bendahari Waris di Air, Dato' Laksamana mestilah sentiasa berada di Balai Dato' Bandar kerana dalam sesuatu upacara adat Dato' Laksamana menjadi orang penting. Jika berlaku kekosongan jawatan Dato' anak waris dari perut Sulong agar perjalanan adat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Tanpa kehadiran Dato' Laksamana, kerapatan berjalan agak pincang kerana mungkin ada anak waris yang mempertikaikan kerapatan ini.

12. Dato' Bentara Jijan

Dato' Bentara Jijan adalah satu jawatan lantikan yang tidak dipilih dari mana-mana perut. Maksud jawatan lantikan ialah jawatan ini merupakan satu jawatan yang bukan dipilih dan dilantik oleh mana-mana Buapak atau Lembaga tetapi jawatan ini adalah lantikan terus oleh Dato' Paduka Besar sebagai ketua di kawasan ini. Ia dipilih dan dilantik berdasarkan kebolehan dan sifat tanggungjawab yang ada padanya. Ini bermakna tidak ada perut atau waris yang boleh mendakwa dirinya berhak dilantik sebagai Dato' Bentara.

Tugas Dato' Bentara ialah untuk mengetuai orang-orang Dagang yang menetap di Sungai Jijan. Dato' Bentara berhak memutuskan atau menentukan keselamatan dan kebajikan anak-anak buahnya terpelihara. Dato' Bandar hanya mendapat laporan tentang kebiakan saja. Andai berlaku apa-apa masalah di Jijan Dato' Bentara akan menyelesaikannya dan jika tidak dapat diselesaikan Dato' Bentara akan menyampaikan kepada Dato' Paduka Besar untuk diputuskan. Jika tidak dapat juga diputuskan Dato' Paduka akan menyampaikan kepada Dato' Muda Labu. Inilah yang dikatakan beradat atau berperaturan.

Di Balai Dato' Bandar, Dato' Bentara bukan orang Besar Balai. Ia bukan waris dan jawatan yang disandangnya adalah di Balai. Sifatnya hanya sebagai waris lingkungan yang bermakna andainya Dato' Bandar merasakan perlu untuk memanggil Dato' Bentara ke Balai barulah Dato' Bentara hadir sama ada untuk membantu lembaga-lembaga lain dalam upacara kerajaan atau untuk memberi laporan keadaan anak buahnya.

Bila berlaku kekosongan jawatan Dato' Bentara, Dato' Paduka Besar akan memilih dan melantik dari kalangan orang-orang Dagang yang terkanan. Jawatan ini bukan pesaka bergilir atau berketentuan. Ia dipilih berdasarkan ketokohan dan kebolehan dalam semua lapangan.

1. Dato' Muda Linggi

Pengenalan

Linggi telah dijumpai dan mula diteroka pada zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada tahun 1467 Linggi telah menjadi tumpuan pengembang ajaran Islam apabila seorang ulamak dari tanah Arab datang menetap di Sungai Ujong. Ia dikenali sebagai keramat Sungai Udang Pengkalan Kempas. Keramat inilah yang dikatakan telah membuat tangkal untuk cucu Batin Berchangai Besi yang lari dari sumpahan sang kelembai. Pada tahun 1641 apabila bijih timah mula ditemui di Sungai. Linggi mula menjadi terkenal kerana menjadi laluan perkapalan. Adalah dianggarkan pada tahun 1641 sahaja 100 bahara bijih timah dibawa melalui Sungai Linggi.

Pada 1640an Bendahara Sekudai mengunjungi Linggi dan membuka petempatan di Kuala Dian. Kuala Dian mula berkembang sebagai pelabuhan pengumpulan bijih timah dan hasil-hasil hutan yang lain. Pada tahun berikutnya pengkalan Kundang dibuka. Kuala Linggi mula diteroka pada 1783 oleh dua orang ahli perantauan dan peniaga yang bernama Dato' Sarilah dan Dato' Awaludin. Adalah dipercayai kedua-duanya berasal dari Riau. Ada pendapat mengatakan mereka adalah dua beradik seorang lelaki (Dato' Awaludin) dan seorang perempuan (To' Sarilah).

Waris Dato' Muda Linggi

Sejarah Dato' Muda Linggi bermula apabila pembukaan Linggi sempurna pada 1800 oleh dua bersaudara iaitu Dato' Awaludin dan To' Sarilah. Adalah dipercayai cucu To' Sarilah merupakan pengasas institusi ini (Dato' Lebai Dalman). Ia dilantik dan diterima sebagai ketua dan penghulu yang pertama. Semua bukti sejarah menyokong bahawa institusi Dato' Muda Linggi pada hari ini adalah diasaskan oleh keturunan Dato' Awaludin dan To' Sarilah. Dato' Awaludin telah berkahwin dengan orang Bugis dan mendapat dua orang anak perempuan yang bernama Rahimah dan Fatimah. Sementara perkahwinan To' Sarilah telah menghasilkan dua orang anak lelaki. Cucu To' Sarilah yang bernama Lebai Dolman telah diangkat menjadi Dato' Muda yang pertama tetapi ia tidak mempunyai zuriat. Ini menyebabkan keturunannya terhenti setakat itu saja.

Oleh kerana itu waris atau keturunan yang layak untuk menjawat pesaka Dato' Muda tinggal tiga hingga ke hari ini. Ia merangkumi,

1. Perut Solok --> berasal dari Rahimah
2. Perut Hilir --> berasal dari Fatimah
3. Perut Pengkalan --> berasal dari Aminah

Melalui ketiga-tiga perut inilah pesaka Dato' Muda digeler-gelerkan mengikut rantau. Salasilah keturunan Dato' Muda Linggi adalah seperti lampiran.

Dari 1783 hingga kini jawatan Dato' Muda Linggi telah digelerkan kepada ke tiga-tiga perut ini. Berikut adalah senarai nama yang pernah menyandang pesaka Dato' Muda Linggi.

1. Lebai Dolman (penghulu)
2. Jeragan Abdul Rahman (penghulu)
3. Mohd Katas - Dato' Muda 1 - Perut Solok
4. Hj. Mohd Salleh - Dato' Muda 2 - Perut Hilir
5. Mohamad Peral - Dato' Muda 3 - Perut Pengkalan
6. Mohamad Bustam - Dato' Muda 4 - Perut Solok
7. Hassan bin Pok - Dato' Muda 5 - Perut Hilir
8. Syed Ahmad Syed Mohd - Dato' Muda 6 - Perut Pengkalan
9. Hj. Yahya Abu - Dato' Muda 7 - Perut Solok
10. Zaharin Hj. Maulud - Dato' Muda 8 - Perut Hilir

Kuasa dan Tanggungjawab

Dato' Muda Linggi berkuasa penuh di dalam wilayahnya, berkuasa untuk menyelesaikan dan menguruskan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan adat resam orang-orang Linggi. Kerana kuasa itulah ia dikatakan bergajah tunggal mengganti putus, meliang tebus, memakan habis, membunuh mati. Secara umumnya kuasa dan tanggungjawab Dato' Muda Linggi adalah besar dan penting di Linggi. Untuk memudahkan kajian ini penulis akan membahagikan kuasa dan tanggungjawab Dato' Muda Linggi adalah besar dan penting di Linggi. Untuk memudahkan kajian ini penulis akan membahagikan kuasa dan tanggungjawab Dato' Muda Linggi kepada dua peringkat. Pertama sebelum merdeka hingga diawal kewujudan institusi

ini. Kedua selepas merdeka bila berlaku perubahan yang nyata mengenai kuasa Dato' Muda Linggi.

i. Sebelum Merdeka

Sebagai Dato' Bergajah Tunggal, Dato' Muda Linggi berkuasa penuh di Linggi. Dato' Muda berkuasa untuk menjalankan pemerintahan tanpa ada campur tangan dari mana-mana pihak. Walaupun secara teorinya kawasan Linggi termasuk di dalam waris di Air tetapi Dato' Shahbandar tidak berhak untuk mencampuri urusan pentadbiran Linggi. Dato' Bandar hanya mendapat maklumat keadaan Linggi saja dari Dato' Muda. Dato' Muda berkuasa untuk mengatur pentadbiran dan pemerintahan Linggi.

Di zaman permulaan kewujudan sistem pemerintahan atau institusi Dato' Muda Linggi kuasa memungut cukai merupakan kuasa mutlak, Dato' Muda Aziz bin Salleh menulis:

Sungai Linggi mempunyai dua cabang terbesar. Satu cabang menghala ke utara hingga sampai ke Sungai Ujong (Seremban sekarang) disebut Sungai Batang Penar. Satu cabang lagi menghala ke Timur, memasuki daerah Rembau, disebut Sungai Batang Penajis. Kedua-dua cabang ini bertemu di satu pertemuan dipanggil Simpang. Satu tempat paling strategi bagi mengawal lalulintas di Sungai Linggi dalam abad ke 19.

Peranan Sungai Linggi dan kedudukan Dato' Muda semakin kukuh apabila Sungai Linggi ini dibuka sebagai jalan perdagangan masuk ke Sungai Ujong dan Rembau. Di Kuala Linggi Dato' Muda berhak untuk mengutip cukai segala hasil yang dibawa keluar melalui Kuala Linggi. Peranan Sungai Linggi semakin penting apabila bijih timah mula ditemui dan menjadikan peranan Dato' Muda Linggi semakin penting dan bertambah kaya. Semua hasil bijih timah dikumpulkan di Linggi dan dicukai oleh Dato' Muda. Semua cukai-cukai ini menjadi milik Dato' Muda. Ini menyebabkan berlaku perebutan jawatan Dato' Muda Linggi kemudiannya.

Dato' Muda Linggi berkuasa untuk menjatuhkan hukuman mengikut adat istiadat Linggi kepada sesiapa yang melakukan kesalahan. Tetapi apa-apa yang berkaitan dengan hukum bunuh atau kesalahan yang berat maka ia akan

dirujukkan kepada Dato' Bandar sebagai ketua waris di Air. Tetapi jika kesalahan itu melibatkan kesalahan kecil seperti mencuri, bergaduh dan sebagainya Dato' Muda berhak untuk menyelesaikannya dan keputusannya hendaklah dipatuhi.

Tanggungjawab yang terbesar bagi Dato' Muda ialah dari segi adat. Secara praktiknya ia merupakan penaung atau pemimpin adat yang tertinggi di Linggi. Shaari Awaludin menegaskan apabila berlaku masalah adat di Linggi Dato' Muda akan memainkan peranan untuk menyelesaikannya. Dato' Muda berhak untuk menentukan kesejahteraan anak-anak buahnya dan memastikan perjalanan adat dipatuhi. Misalnya berlaku kematian Dato' Muda Linggi dan sebelum upacara pengkebumian mestilah dilantik Dato' Muda yang baru untuk mengetuai dan mengatur upacara pengkebumian itu. Ini berdasarkan kepada perbilangan adat yang berbunyi "Dato' Muda Linggi meninggal Dato' Muda menanam, Dato' Muda yang meninggal dunia itu akan membawa bersama-sama tanggungjawab kerana waris tidak dapat menentukan calon. Inilah yang dikatakan tanggungjawab utama Dato' Muda. Tetapi di dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan di dalam menjalankan pelaksanaan hukum adat di Linggi mestilah menepati kehendak adat. Ini sesuai seperti kata perbilangan adat :

Menghukum biar adil berkata benar
Tidak boleh berpihak-pihak
Hukum adil dijalankan
Nan benar dianjak tiada
Hukum berdiri dengan saksi
adat berdiri dengan tanda

Kerana inilah Shaari Awaludin menjelaskan lagi,

Sebab itulah dikatakan dalam menghukum Dato' Muda Linggi mestilah 'Tak ada benar kita cari benar, bersua benar jangan kita siahkan, Nah mencari benar ikutlah jejak, ibarat orang memburu, jejak mendaki menuruk, jejak menurun mendorong, hilang jejak bersulah benda, dan bila benar dan bersua tak boleh kita elakkan, ke laut menuju air, ke darat menuju benar dan siapa tak menuju benar dikutuk dek adat dan dibenci dek syarak.

Bermakna di dalam melaksanakan sesuatu hukuman adat semua pendapat mestilah diambil kira dan Dato' Muda sebagai hakim hendaklah menjalankan tindakan tanpa ada apa-apa kepentingan dan pengaruh dari mana-mana pihak.

ii. Selepas Merdeka

Apabila negara mencapai kemerdekaan kuasa Dato' Muda Linggi semakin terhad. Sesuai dengan peredaran masa dan zaman kuasa memungut cukai dihapuskan dan kuasa menghukum dikurangkan. Dato' Muda tidak dibenarkan memungut cukai di perairan Linggi kerana ia menjadi tanggungjawab kerajaan. Sementara kuasa menghukum dikurangkan kerana sudah wujud institusi kehakiman. Pihak polis pula bertanggungjawab untuk menjaga keamanan. Ini bermakna kuasa Dato' Muda telah terhapus dalam pentadbiran moden.

Walaupun bagaimanapun kuasa di dalam adat tetap terpelihara dan diperkukuhkan. Dato' Muda masih berkuasa untuk menjadi penaung dan pelaksana undang-undang adat di Linggi. Walaupun kedudukan Dato' Muda Bergajah Tunggal di Linggi tetapi taraf dan statusnya lebih rendah dari Dato' Akhirzaman Rantau. Dato' Akhirzaman Rantau merupakan Lembaga Tiang Balai di Sungai Ujong tetapi Dato' Muda hanya lembaga biasa waris di Air. Ini bermakna Dato' Muda hanya mempunyai kuasa terhad di Linggi saja dan tidak berhak untuk memilih bakal Dato' Kelana dan Dato' Bandar.

Waris yang berhak dalam perlantikan

Setelah Dato' Awaludin dan To' Sarilah membuka pertempatan di Kuala Linggi, secara tidak langsung institusi Dato' Muda mula terbentuk walaupun ketika itu belum wujud jawatan Dato' Muda. Waris Dato' Muda Linggi yang disahkan boleh dan berhak untuk menuntut pesaka Dato' Muda Linggi adalah seperti berikut. Semua waris mestilah berasal dari Dato' Awaludin dan To' Sarilah.

Dato' Awaludin telah berkahwin dengan seorang Bugis yang bernama To' Embung dan mendapat empat orang anak. Dua daripadanya lelaki dan dua lagi adalah perempuan. Sementara To' Sarilah pula berkahwin dengan Kumut dan memperolehi dua orang anak perempuan yang bernama Salamah dan Siti Sila. Jadi semua waris Dato' Muda Linggi mestilah berasal dari empat perut ini. Jawatan Dato' Muda Linggi (1) telah disandang oleh cucu To' Sarilah yang bernama Lebai Dolman. Tetapi perkahwinan Lebai Dolman tidak mempunyai zuriat dan ini menyebabkan perut Siti Sila terputus hingga kini. Ini bermakna waris

Dato' Muda Linggi tinggal tiga sahaja. Untuk mengelakkan perebutan dan perselisihan untuk menjadi Dato' Muda Linggi maka jawatan itu hendaklah digelarkan di dalam ketiga-tiga perut yang masih ada.

Apabila masyarakat semakin berkembang dan waris bertambah ramai untuk memudahkan pemilihan bakal pengganti Dato' Muda, pembahagian perut-perut diperbesarkan lagi menjadi kampung. Bermakna setiap kampung mewakili perut tertentu dan mewujudkan tiga buah kampung yang berlainan perut.

1. Perut Solok - berasal dari Rahimah
2. Perut Hilir - berasal dari Fatimah
3. Perut Pengkalan - berasal dari Salmah

Shaari Awaludi mengulas pembahagian perut-perut ini adalah diasaskan kepada sistem Adat Perpatih yang mengikut jurai keturunan dari sebelah ibu melalui sistem berperut-perut secara Adat Perpatih inilah segala masalah perlantikan cuba di atasi. Tetapi walaupun sistem berperut-perut ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah dan pertikaian-pertikaian yang berbangkit dari perlantikan Dato' Muda, namun krisis tetap berlaku. Mungkin telah menjadi naluri semulajadi manusia suka untuk berkrisis. Penulis tidak dapat memastikan bilakah mula wujud pecahan-pecahan perut mengikut kampung-kampung tertentu. Tetapi jika diteliti dari terombo yang disusun oleh M. B. Hooker dalam Adat Laws in Modern Malay, Oxford University Press, 1971, halaman 193 penulis mendapati kewujudan perut-perut mengikut kampung bermula dari Dato' Muda Mohamad Katas Dato' Muda yang ke 3. Ini bermakna pada 1820 apabila Dato' Mohamad Katas dilantik sebagai Dato' Muda Linggi sudah wujud pecahan-pecahan perut yang membentuk perkampungan.

Sebelum tahun 1914 perlantikan Dato' Muda adalah dijalankan secara muafakat. Bermakna semua waris yang tua-tua bermuafakat untuk menentukan bakal penyandang Dato' Muda. Setelah pemuafakatan tercapai barulah peristiharan penyandang Dato' Muda Linggi yang baru dijalankan. Dato' Kelana Naamor mengulas adat Linggi bukanlah Adat Perpatih tetapi adat muafakat. Bermakna wujud perbezaan-perbezaan dengan kawasan-kawasan lain. Pemuafakatan dijalankan melalui geleran perut yang berhak untuk menyandang pesaka Dato' Muda.

Selepas 1914 wujud masalah untuk mencari kebulatan diantara waris-waris yang tua. Pemuafakatan yang dijadikan teras tidak dapat dicapai. Ekoran dari itu

wujud usaha-usaha untuk memansuhkan sistem berperut-perut diantara waris-waris di Linggi. Percubaan untuk memansuhkan sistem berperut-perut ini telah dilakukan oleh beberapa orang Dato' Muda Linggi dari 1914 hingga Dato' Muda Yusof Ahmad pada 1974. Walau bagaimanapun usaha ini tetap gagal kerana tidak mendapat persetujuan semua waris kerana ada sesetengah waris yang takat kedudukan mereka akan terhapus sebagai waris yang berhak menjadi Dato' Muda.

Pada tahun 1914 wujud satu sistem pemilihan bakal penyandang Dato' Muda dengan lebih sistematik. Sistem muafakat dan berkebulatan dijadikan teras dalam pemilihan. Perut yang layak akan memilih calon dan dalam hal ini tidak hanya seorang calon sahaja yang dipilih. Wujud juga pencalonan yang dilakukan oleh keluarga lain tetapi masih terlingkung dalam perut atau kampung yang sama. Setelah pencalonan ditutup maka pengundian akan dijalankan oleh anak-anak waris seperti pilihanraya umum. Keadaan ini masih diamalkan hingga kini. Walau bagaimanapun berlaku juga perebutan dan krisis dalam pemilihan Dato' Muda Linggi sejak akhir-akhir ini kerana campur tangan pihak lain.

Dato'-Dato' Lembaga di bawah Dato' Muda Linggi

M.B. Hooker berpendapat terdapat tiga orang lembaga yang bolehlah diistilahkan sebagai pembantu kepada Dato' Muda untuk menjalankan aturan adat Linggi.

1. Dato' Panglima Besar
2. Dato' Panglima Perang
3. Dato' Laksamana

Ketiga-tiga jawatan ini adalah hak waris bermakna waris yang berhak untuk menentukan siapakah yang layak untuk dipilih menjawat ketiga-tiga jawatan ini. Orang yang layak adalah orang-orang berpengaruh dan memahami aturan adat Linggi.

Penulis berpendapat kewujudan ketiga-tiga jawatan ini adalah kaitan dengan kedudukan Linggi sendiri. Sebagai pusat perdagangan yang penting di Sungai Ujong tentunya ia memerlukan kawalan yang rapi dan teratur. Untuk mengatasi masalah lanun dan pemberontakan di Linggi dan sekitarnya jawatan Panglima Besar dan Panglima Perang diwujudkan. Ini kerana Dato' Muda menyedari jiran-jiran

Linggi seperti Rembau dan Rantau sering berlaku kekalahan untuk menguasai jalan perdagangan. Keadaan ini menjadi bertambah meruncing apabila Rembau berperang dengan Sungai Ujong dan krisis diantara Dato' Kelana dan Dato' Bandar di Sungai Ujong pada pertengahan abad ke 19 (1820 - 1870). Jawatan Laksamana pula diwujudkan untuk membentasi kegiatan perlanungan di perairan Linggi. Ini bermakna aturan-aturan jawatan lembaga ini menepati kehendak dan kepentingan Linggi sebagai pusat pengumpul hasil-hasil di pendalaman Sungai Ujong.

Selain tiga orang lembaga atau pembesar Dato' Muda Linggi juga dibantu oleh tiga orang Buapak yang mempunyai tugas dan peranan masing-masing di dalam waris. Buapak-buapak ini bergelar,

1. Dato' Jaya --> Permatang Pasir
2. Dato' Bentara Setia --> Pengkalan Durian
3. Dato' Kanda --> Linggi

Ketiga-tiga orang Buapak ini berkuasa di kawasan masing-masing dan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan anak buah dan lain-lain waris. J.M. Gullick berpendapat Dato' Kanda merupakan ketua untuk mengadakan sebarang perayaan di balai Dato' Muda Linggi. Dato' Kanda berperanan untuk mengatur segala persiapan dan keperluan di dalam sesuatu perayaan. Oleh itu orang yang dipilih menjawat jawatan ini mestilah memahami segala kehendak dan aturan adat Linggi.

DATO'-DATO' LEMBAGA WARIS DI DARAT

Selain dari Lembaga waris di Darat terdapat juga beberapa orang Lembaga yang mengetuai suku-suku tertentu yang dinamakan waris Lingkungan. Lembaga dan ahli waris ini tidak berhak untuk memilih dan mencampuri urusan perlantikan Dato' Kelana dan tidak berhak untuk menjadi calon Dato' Kelana kerana ia bukan waris. Ia hanya dinamakan waris lingkungan. Ia hanya sekadar menjadi pemerhati dan menjadi orang tengah dalam pemilihan.

Dato' Lembaga ini dinamakan Dato' Tiga Persukuan kerana ia mengetuai 3 suku yang mendiami wilayah kekuasaan Dato' Kelana. Ia berkuasa untuk memastikan anak-anak buah mematuhi aturan-aturan yang menjadi amalan waris di Darat. Dato' Tiga persukuan ini mengetuai suku :-

1. Semelengang --> bergelar Dato' Menteri
2. Batu Hampar --> bergelar Dato' Maharaja Indera
3. Suku Biduanda --> bergelar Dato' Raja Di Muda


Dato'-dato' Lembaga ini dipilih oleh anak buah suku berkenaan dan disembahkan kepada Dato' Andulika. Dato' Andulika akan memaklumkan kepada Dato' Kelana. Dato'-dato' Lembaga ini hanya berkuasa di dalam waris masing-masing dan tidak boleh mencampuri unsur-unsur suku lain kecuali diminta untuk berbuat demikian. Pemilihan pula dibuat bergantung kepada suku berkenaan. Mungkin pemilihan didasarkan kepada satu perut sahaja atau sistem geleran beberapa perut. Dalam hal ini semua Buapak dalam suku berkenaan berperanan untuk menentukan bakal calon yang layak kerana ia akan menjadi wakil suku berkenaan di dalam semua upacara yang melibatkan waris di Darat di Balai Dato' Kelana. Pada kebiasaannya calon yang dipilih adalah mereka yang memahami adat istiadat dan mengetahui adat di Balai Dato' Kelana dan dapat diterima oleh semua waris suku berkenaan. Dalam hal ini pemuafakatan dan kebulatan adalah penting agar setelah pemilihan nanti tidak timbul berbagai masalah seperti tidak puas hati dan sebagainya.

A. Suku Semelenggang

Penulis tidak dapat memastikan asal suku Semelenggang ini kerana belum ada bukti kukuh yang boleh dijadikan bukti dan sandaran. Sumber lisan pula mendakwa suku ini adalah serpihak dari penghijrah Minangkabau dari Pagar Ruyung. Secara umumnya memang semua mengetahui bahawa semua suku-suku ini berasal dari Sumatera. Oleh itu mungkin mereka membuat kesimpulan bahawa mereka juga berasal dari Sumatera.

Gullick berpendapat suku Semelenggang ini berasal dari Johor. Adalah dipercayai suku ini berasal dari Dato' Alor Tujuh yang datang bersama-sama dengan Bendahara Sekudai. Ia telah mudik Sungai Ujong (Linggi) hingga ke Jelebu. Dalam perjalanan itu ia telah bertemu dengan orang-orang Sakai yang berasal dari Kenaboi yang membawa barang-barang dagangan untuk dipasarkan ke Linggi. Ia telah berkahwin dengan salah seorang anak pedagang sakai itu dan telah menetap di Pantai. Di Pantailah berkembangnya suku ini di bawah lingkungan perut Hulu.

Suku Semelenggang ini diketuai oleh seorang Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Menteri. Ia dipilih dari tiga buah kampung secara bergelut iaitu kampung Kuala Lalang, Kampung Ampangan dan Kampung Penar. Gullick menyatakan Dato' Menteri mestilah dipilih dan dilantik dari keturunan Dato' Alor Tujuh. Susunannya adalah seperti berikut :-



Pemilihan adalah didasarkan kepada kebulatan dan dengan mengikut saluran yang betul iaitu calon mestilah dikemukakan oleh Bapa perut yang menyandang dengan persetujuan ibu soko dan semua ahli waris suku Semelenggang. Setelah kata sepakat dicapai barulah calon itu dikemukakan kepada Dato' Andulika untuk disembahkan

kepada Dato' Kelana. Apabila calon itu telah diserahkan kepada Dato' Andulika bermakna perlantikan itu telah sah dan tidak boleh dibantah oleh ahli waris. Setelah dilantik Dato' Menteri berhak untuk menjalankan pentadbiran disukunya mengikut kuasa yang telah ditetapkan oleh Dato' Andulika. Semua masalah akan diselesaikan oleh Dato' Menteri dan andainya tidak dapat diputuskan oleh Dato' Menteri ia akan membawa kepengetahuan Dato' Andulika. Dato' Andulika akan memutuskannya kerana Dato' Menteri adalah waris Lingkungan.


Dato' Menteri merupakan salah seorang Dato' yang bergelar di Balai Dato' Kelana dengan gelaran Imam Perang Kanan. Ia berperanan untuk menjadi juak dalam upacara-upacara adat di Balai. Ini bermakna Dato' Menteri mempunyai dua tugas. Tugas utama mengetuai suku Semelenggang dan tugas kedua menjadi orang Besar Balai. Sebagai suku waris Lingkungan suku Semelenggang agak istimewa dan suku-suku lain kerana pada kebiasaannya jika ada upacara-upacara adat atau keramaian suku Semelenggang akan dijemput dan terlibat sama kerana ia merupakan suku yang terhampir dengan Balai dan terletak di dalam kawasan waris Lingkungan.

Suku Semelenggang adalah tertakluk di bawah kekuasaan Dato' Andulika yang boleh diibaratkan sebagai Perdana Menteri Luak Sungai Ujong. Dato' Andulika akan memastikan kesejahteraan suku Semelenggang dengan pengawasan Dato' Menteri. Semua masalah akan dimaklumkan kepada Dato' Andulika untuk tindakan. Dalam hal ini Dato' Kelana tidak boleh mencampuri urusan Dato' Andulika kerana masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Dan masing-masing mengetahui tanggungjawab dan peranan yang telah digariskan oleh adat.


B. Suku Batu Hampar

Suku Batu Hampar ini berasal dari Rembau. Apabila berlaku kemasukan penghijrah-penghijrah dari Rembau yang bersukukan suku Batu Hampar ke Sungai Ujong pada zaman perkembangan Sungai Ujong pada pertengahan abad ke 19, mereka telah membentuk persukuan sendiri untuk menjaga kebajikan mereka. Suku Batu Hampar ini terpecah kepada dua kumpulan mengikut model yang ada seperti di Rembau iaitu Darat dan Barah.

Lembaga bagi suku Batu Hampar bergelar Dato' Maharaja Indera yang dipilih dari empat perut yang layak menyandang gelaran Dato' Maharaja Indera. Dua perut mewakili suku Batu Hampar Darat dan dua lagi mewakili perut Baruh. Susunannya adalah seperti berikut :



Mengenai suku Batu Hampar Gullick berpendapat adalah dipercayai ia berasal dari Pasai di Aceh. Tetapi sebelum mereka berhijrah ke Sungai Ujong mereka telah mengunjungi Batu Hampar di Minangkabau. Sebelum menetap di Sungai Ujong mereka telah singgah di Johor. Apabila Jelebu memutuskan hubungan dengan Johor kumpulan ini menetap di Pantai dan membuka perkampungan di antara Hulu dan Perut Hilir Sungai Penar. Pertempatan awal ialah di Kampung Tinggi. Apabila suku Batu Hampar ini semakin berkembang hingga ke Kampung Penai. Sehingga ke hari ini wujud empat perut yang menjadi suku Biduanda. Perut-perut suku Batu Hampar adalah seperti berikut :



Petikan dari J.M. Gullick, Sungai Ujong, JMBRAS, 1940, hal. 47.

Pesaka Dato' Maharaja Indera ini digelarkan kepada empat perut ini mengikut susunan seperti di atas. Bagi waris di Darat ia diwakili oleh perut Dato' Gundah dan perut Dato' Buntan. Sementara bagi waris Baruh pula ia diwakili oleh Perut Dato' Chepat Daut dan perut Dato' Lempah. Pada kebiasaannya calon yang dipilih adalah dari kalangan mereka yang arif dalam aturan adat dan sedikit sebanyak mengetahui hal-hal agama kerana Dato' Maharaja Indera merupakan Lembaga bagi warisnya. Oleh itu semua masalah sama ada masalah adat atau pesaka akan diselesaikan oleh Dato' Lembaga.

Sebagai Dato' Lembaga dan ketua bagi suku Batu Hampar, Dato' Maharaja akan menjadi penghubung dengan masyarakat luar sukunya. Jika berlaku apa-apa masalah yang melibatkan Suku Batu Hampar dengan suku lain seperti pergaduhan atau perkahwinan, Dato' Maharaja akan menjadi orang tengah atau orang perantaraan diantara kedua belah pihak. Dalam hal ini segala keputusannya akan dipatuhi dan sebarang bantahan adalah dianggap derhaka. Setelah kata putus dicapai Dato' Maharaja akan memaklumkan kepada Dato' Andulika sebagai ketua waris Lingkungan.

Suku Batu Hampar ini agak istimewa sedikit dari ketiga-tiga suku waris Lingkungan, kerana suku Batu Hampar ini mendakwa berasal dari Rembau. Oleh itu hubungan suku Batu Hampar ini dengan Rembau masih berjalan terus. Bahkan mereka cuba untuk menghidupkan suasana perkampungan mereka dengan tradisi dan dialek yang agak terasing sedikit. Contoh tradisi yang menjadi amalan ialah kekerapan hubungan kekeluargaan terutama anak-anak perempuan.

Tugas Dato' Maharaja hanya tertumpu disukunya saja. Ia tidak boleh mencampuri urusan suku lain termasuk di dalam pemilihan Dato' Kelana. Ia merupakan waris Lingkungan dan mempunyai tanggungjawab yang terbat. Tetapi jika diminta untuk menjadi orang tengah atau tenaga kerja dalam upacara kerjan atau keraian, Dato' Maharaja boleh meminta anak buahnya untuk membantu. Semua ini bergantung kepada Dato' Andulika dan Dato' Kelana.


Tetapi apabila zaman berubah jawatan Dato' Maharaja Indera hanya tinggal nama saja. Walaupun masyarakat masih menganggap jawatan ini mempunyai otoriti tertentu terutama di dalam adat tetapi fungsi dan tugasnya telah diambil alih oleh penghulu atau ketua-ketua kampung yang dilantik oleh kerajaan. Ini menyebabkan jawatan Dato' Maharaja hanya tinggal nama tanpa tugas dan tanggungjawab yang khusus.

C. Suku Biduanda

Suku Biduanda yang dimaksudkan dalam waris Lingkungan ini bukan Biduanda Waris tetapi adalah Biduanda biasa. Biduanda yang lahir dari perkahwinan campur diantara penghijrah Minangkabau dengan orang-orang asli tempatan. Adalah dipercayai suku Biduanda ini berasal dari orang asli (sakai) Gullick mendakwa suku Biduanda ini berasal dari Dato' Batin Maabod. Melalui perkahwinan Batin Maabod dengan penghijrah Minangkabau ia telah memperolehi dua orang anak lelaki, Dato' Nachi dan Dato' Putih. Adalah dipercayai Dato' Nachi telah membuka pertempatan di Kampung Sungai Bombah dan Dato' Putih telah membuka pertempatan di Kampung Tanjung Petai. Dari keturunan merekalah wujudnya suku Biduanda hingga ke hari ini.

Suku Biduanda ini merupakan penghuni tetap Sungai Ujong sebelum kemasukan peneroka-peneroka asing. Apabila peneroka-peneroka asing mula memasuki Sungai Ujong suku Biduanda ini lari atau berhijrah ke pendalaman. Walaupun mereka ada membuat perhubungan dengan masyarakat luar namun hubungan ini agak terbatas. Apabila wujud sistem berundang dan berlembaga yang diperkenalkan oleh masyarakat Minangkabau suku Biduanda ini telah mengubah jawatan Batin kepada Dato' Lembaga dengan gelaran Dato' Raja Di Muda. Secara umumnya Dato' Raja Di Muda adalah untuk menjaga kepentingan suku Biduanda dari pihak lain.

Pada kebiasaannya Lembaga suku Biduanda ini dipilih dan dilantik dari dua buah kampung secara bergeler. Setiap kampung pula mempunyai empat orang Buapak yang mewakili perut yang layak untuk menyandang pesaka Dato' Raja Di Muda. Pesaka Dato' Raja ini digelarkan melalui kelapan-lapan perut yang layak untuk menyandang pesaka ini. Susunan geleran adalah seperti berikut iaitu perut Kampung Bombah (1) Kemudian perut Kampung Tanjung Petai (1), Perut Kampung Bombah 2 Perut Kampung Tanjung Petai 2 dan seterusnya. Salasilahnya adalah seperti berikut :-



Melalui susunan di atas dapat dilihat dan diandaikan bahawa walaupun pesaka Dato' Raja Di Muda adalah digelarkan kepada Kampung Sungai Bemban dan Kampung Tanjung Petai tetapi tiap-tiap kampung mempunyai perut masing-masing. Jadi peraturan ini mestilah dipatuhi kerana ia merupakan pesaka bergeler bukannya pesaka berketurunan.

Seperti Dato'-Dato' Lembaga Tiga persukuan yang lain, Dato' Raja juga berhak untuk mentadbir waris atau sukunya. Ia berhak untuk mentadbir mengikut kesesuaian Adat Perpatih tetapi tertakluk kepada Dato' Andulika. Dato' Raja boleh menjatuhkan hukuman di dalam warisnya sekadar dirasakan perlu dan andainya berlaku kesalahan yang besar seperti pembunuhan ia akan memaklumkan kepada Dato' Andulika sebelum disembahkan kepada Dato' Kelana.

Sebagai Dato' Lembaga Tiga Persukuan Dato' Raja Di Muda tidak berhak mencampuri urusan pemilihan dan perlantikan Dato' Kelana. Tetapi Dato' Andulika boleh meminta pandangan dari Dato'-Dato' Tiga Persukuan termasuk Dato' Raja. Dalam keadaan-keadaan tertentu Dato'-Dato' Tiga Persukuan ini akan menjadi orang tengah kerana ia tidak tertakluk dan termasuk dalam waris negeri. Pandangan mereka adalah pandangan yang bebas dari semua pengaruh golongan yang inginkan sesuatu jawatan.

Pada kebiasaan pemilihan bakal penyandang Dato' Raja Di Muda adalah didasarkan kepada senioriti di dalam perut yang berhak. Misalnya di dalam sesuatu perut itu ada ramai calon yang layak dan Buapak akan memilih abang yang sulung untuk menjawat jawatan ini. Tetapi jika ia kurang mahir dalam aturan adat ada kemungkinan calon lain dipilih kerana ke kanan adalah didasarkan dari pemahaman

dalam aturan-aturan adat kerana ia dikatakan menjadi lambang dan penghubung dengan Dato'-Dato' Lembaga yang lain. Oleh itu Dato' Raja benar-benar dipilih dari orang-orang yang benar-benar layak dan berkebolehan.

Setelah kebulatan dicapai Buapak perut itu akan memaklukkan kepada Dato' Andulika dan Dato' Andulika akan mengesahkan perlantikan itu. Setelah disahkan oleh Dato' Andulika maka jawatan Dato' raja telah sah dan ia mula boleh menjalankan tanggungjawab seperti yang digariskan oleh adat.

Dato' Andatar Setul

Bagi mukim Setul (Mantin) ia ditadbir oleh seorang Buapak yang bertanggungjawab untuk menjaga mukim Setul. Buapak mukim Setul ini bergelar Dato' Andatar. Dato' Andatar dipilih dari anak-anak waris Setul dan adalah dipercayai gelaran Dato' Andatar ini hanya diberikan kepada keturunan orang yang mula-mula membuka Setul. Gullick menulis keturunan Dato' Setul mendakwa keturunan mereka berasal dari Toh' Sapil yang telah membuka pertempatan di Setul. Ia merupakan satu suku yang khusus dan tidak tergolong dalam ahli waris.

Dua buah kampung yang mula-mula didiami ialah Gebok dan Pajam. Dato' Andatar dibantu oleh beberapa orang Buapak seperti Dato' Menteri yang bertugas untuk mengumpulkan Buapak untuk membuat sesuatu kerapatan adat untuk mengawal orang-orang yang pindah masuk Dato' Dagang Paroi. Dato' Dagang berperanan untuk mengatur dan memastikan bahawa orang-orang pindah masuk ini tidak terbiar atau menghadapi sebarang masalah.

F.W. Nicholson pegawai penempatan melaporkan bahawa keturunan Dato' Andatar mestilah dipilih dari keturunan Tun Ali yang berkahwin dengan Dato' Lalong. Tetapi adalah diyakini bahawa keturunan Dato' Andatar yang ada pada hari ini adalah dari Toh Sapil yang membentuk beberapa perut. Di bawah Dato' Andatar terdapat beberapa orang Buapak yang bertanggungjawab kepada anak buah masing-masing.

Dato' Andatar bukan waris Dato' Kelana atau waris negeri. Ia hanya waris lingkungan. Waris lingkungan bermakna waris yang bernaung di bawah Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Dato' Andatar tidak termasuk dalam

pencarian bakal Dato' Kelana dalam perlantikan ia disahkan oleh Dato' Andulika saja. Bermakna bila ada kekosongan Dato' Andatar, Buapak akan memilih bakal calon dan menyampaikan kepada Dato' Kelana. Dato' Kelana yang akan mengistiharkan dan mengesahkan penyandang pesaka. Pada hari Raya Puasa Dato' Andatar akan mengadap Dato' Andulika untuk menyampaikan segala masalah dan kemusykilan anak buahnya kepada Dato' Andulika. Dato' Andulika akan cuba menyelesaikan masalah ini atau menyampaikan kepada Dato' Kelana untuk tindakan selanjutnya.

Bagi jawatan Dato' Andatar waris Andatar hanya berhak atau berkuasa setakat itu saja. Jawatan yang tertinggi yang boleh dipegang ialah Dato' Andatar saja kerana ia bukan waris negeri.

Dato' Andatar dipilih dan dilantik dari tiga suku utama yang mendiami mukim Setul secara giliran. Seleran atau susunan suku berkenaan adalah seperti di bawah,

1. Biduanda Pantai
2. Biduanda Kelang
3. Biduanda Setul

Dato' Andatar mendakwa Bergajah Tunggal yang membawa makna ia bebas untuk mentadbir kawasan kekuasaan di Setul.

Di bawah Dato' Andatar terdapat lima orang Buapak yang membantu aturan perjalanan adat di Setul. Kelima-lima buapak ini berkuasa di kawasan masing-masing. Buapak-buapak berkenaan ialah seperti berikut,

1. Dato' Mangku yang berperanan sebagai Tua Adat di Mukim Setul.
2. Dato' Menteri berperanan sebagai Timbalan Dato' Andatar yang akan menjadi Dato' Andatar apabila berlaku kekosongan Dato' Andatar.
3. Dato' Dagang dilantik oleh Dato' Andatar dari suku Batu Hampar yang berasal dari Kerinci.

4. Dato' Dagang Gebok dilantik oleh Dato' Andatar untuk mewakili penduduk Gebok.
5. Dato' Senara dilantik oleh Dato' Andatar.

Dari Dato' Sapil hingga kini telah tujuh orang yang menyandang pesaka Dato' Andatar. Berikut adalah susunan penyandang pesaka Dato' Andatar yang pertama hingga kini.

1. Dato' Andatar Sapil
2. Dato' Andatar Saji
3. Dato' Andatar Tongkar
4. Dato' Andatar Dollah
5. Dato' Andatar Rahim
6. Dato' Andatar Haji Mohd Taip
7. Dato' Andatar Aziz Ahmad

Pemilihan Dato' Andatar adalah mudah kerana adanya jawatan timbalan yang secara otomatik menjadi Dato' Andatar apabila berlaku kekosongan. Jawatan Dato' Menteri adalah agak istimewa kerana ia menjadi Timbalan kepada Dato' Andatar. Ia dipilih dari perut lain, misalnya jika Dato' Andatar dari perut Biduanda Kelang maka jawatan Dato' Menteri mestilah dipilih dari perut Biduanda Kelang pula. Pemilihan dilakukan oleh Buapak dan Ibu soko perut berkenaan. Pada kebiasaannya jawatan Dato' Menteri ini sering menjadi perebutan kerana jawatan ini akan membolehkan ia menjadi Dato' Andatar. Tetapi dengan adanya syarat-syarat yang ketat seperti kebolehan, ketokohan dan kelayakan perut untuk menyandang pesaka ini maka perselisihan mudah diselesaikan.

Dato' Andatar mendakwa jawatan yang dipegangnya atau disandangnya mempunyai Nika (atau dampingan). Jika bukan orang yang berhak menyandang pesaka Dato' Andatar ia akan tetulah atau menanggung beban badi bagi jawatan Dato' Andatar itu. Ini diakui oleh semua Dato' Lembaga waris di Air dan di Darat. Secara logiknya penulis menganggap dakwaan ini ada benarnya kerana sebelum menyandang jawatan ini, semua Dato' Lembaga akan bersumpah untuk menjaga pesaka yang disandangnya. Sumpah ini setelah memasuki Islam disesuaikan dengan agama Islam. Oleh itu sesiapa

yang melanggar sumpah akan dikenakan kepada sumpah dan tidak mustahil ia dimakan sumpah.

Sebagai seorang Lembaga Dato' Andatar mendakwa boleh memungut hasil (cukai) di wilayahnya, mukim Setul. Ini merupakan kuasa mutlak Dato' Andatar sebelum merdeka. Tetapi apabila negeri sudah merdeka kuasa menghukum dan memungut cukai diambil alih oleh pemerintah dan Dato' Andatar hanya diberi pencek mengikut kadar yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun dari segi adat, Dato' Andatar masih berkuasa untuk menentukan perjalanan adat dan keagamaan juga kemasyarakatan dijalankan dengan baik. Tujuannya untuk memudahkan sesuatu urusan itu kerana Dato' Andatar akan mengurus dan mengaturkan semua keperluan anak buah mengikut keperluan. Dalam hal ini Dato' Andatar dibantu oleh Lembaga dan Buapak di bawahnya.

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.